



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 24

Khamis

4 Julai 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 13)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 45)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 46)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 (Halaman 46)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Khamis, 4 Julai 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebelum kita memulakan sidang hari ini, saya ingin memberikan nasihat agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang budiman untuk cuba sedaya upaya patuhi segala arahan Peraturan Dewan dan peraturan dari Tuan Yang di-Pertua.

1. **Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan SOP Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM berkenaan tahanan kanak-kanak dan faktor-faktor yang menyebabkan dua orang bayi Filipina ditahan untuk tempoh yang lama di Depot Imigrasi Bukit Jalil yang dilaporkan oleh NGO Tenaganita.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya, setiap peringkat tindakan penguatkuasaan dalam Jabatan Imigresen Malaysia menggunakan modul Sistem Penguatkuasaan JIM. Bagi kes penahanan di bawah seksyen 51(5)(b) Akta Imigresen 1959/63 yang melibatkan tahanan warganegara asing bersama kanak-kanak di bawah jagaan mereka, kanak-kanak tersebut akan dibawa ke depot tahanan Imigresen untuk mengelakkan mereka ditinggalkan tanpa pengawasan orang dewasa.

Mereka kemudiannya akan diasingkan mengikut jantina dan umur selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001. Bagi kanak-kanak yang berusia kurang daripada 12 tahun, mereka akan ditempatkan bersama ibu, bapa atau penjaga mengikut jantina. Proses pengesahan dan penyediaan dokumen perjalanan oleh perwakilan asing dilaksanakan semasa tempoh menunggu sebelum penghantaran pulang seseorang

warganegara asing ke negara asal. Kanak-kanak ini akan dihantar pulang bersama ibu, bapa atau penjaga setelah mempunyai tiket perjalanan pulang, dokumen perjalanan dan mendapat keputusan kes daripada timbalan pendakwa raya untuk diusir pulang ke negara asal.

Mengenai tatacara PDRM dalam mengendalikan tahanan kanak-kanak, iaitu seorang yang berumur 18 tahun dan ke bawah, kanak-kanak tersebut akan diasingkan daripada tahanan dewasa dan ditempatkan dalam lokap yang diwartakan khas untuk tahanan kanak-kanak di lokasi yang berlainan daripada lokap untuk orang dewasa. Sekiranya terdapat kes wanita yang ditahan bersama kanak-kanak berumur melebihi tiga tahun, kanak-kanak tersebut akan diserahkan kepada keluarga waris atau penjaga terdekat. Bagi kes kanak-kanak di bawah umur setahun yang ditahan bersama wanita, pihak polis akan mendapatkan pandangan pegawai perubatan sama ada kedua-duanya sesuai ditahan di lokap polis ataupun tidak. Sekiranya tidak sesuai, tahanan wanita bersama kanak-kanak ini akan ditempatkan di hospital.

Mengenai kes kanak-kanak warga Filipina yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya, tindakan yang diambil oleh pihak JIM pada 14 Jun 2019 melalui operasi penguatkuasaan imigresen adalah berdasarkan aduan awam yang diterima dan melibatkan penahanan lapan warganegara asing. Semasa tangkapan, kanak-kanak tersebut didapati bersama-sama orang dewasa yang merupakan penjaganya dan disyaki melakukan kesalahan imigresen. Walau bagaimanapun, ibu kanak-kanak tersebut gagal dihubungi oleh penjaganya. Kesemua warganegara asing yang ditangkap termasuk kanak-kanak tersebut dan penjaganya dibawa ke Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya untuk tujuan dokumentasi. Kanak-kanak tersebut telah ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil pada 15 Jun 2019 untuk tujuan siasatan dan depot tahanan ini mempunyai fasiliti yang sesuai untuk kanak-kanak seperti katil, ruang bermain, taska dan taman permainan.

Pada 24 Jun 2019, ibu kandung kepada kanak-kanak tersebut telah hadir ke Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya untuk proses pengecaman. Pegawai penyiasat seterusnya telah menyerahkan perintah tahan dan usir di bawah seksyen 34 Akta Imigresen 1999 pada 27 Jun 2019 terhadap kanak-kanak tersebut dan penjaganya bagi membolehkan pihak depot menguruskan penghantaran pulang ke negara asal. Pihak Kedutaan Filipina telah pun dihubungi untuk urusan pengeluaran dokumen perjalanan kanak-kanak tersebut dan pihak JIM telah menerima dokumen perjalannya pada 3 Julai 2019.

Kanak-kanak tersebut telah pun diserahkan kepada ibunya untuk dihantar pulang dan mereka telah pun pulang ke tanah air mereka pada tiga hari bulan yang lepas.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk saya, langkah menahan atau mengurung bayi ataupun kanak-kanak di kem atau pusat tahanan adalah salah. Malah, itu juga adalah bertentangan dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang telah diratifikasi oleh Malaysia dan juga Akta Kanak-kanak 2001. Contohnya Perkara 37(b) CRC, menyatakan bahawa tiada kanak-kanak boleh dilucutkhakan kebebasan mereka. So, bagi negara seperti Indonesia dan Thailand telah pun mempunyai dasar untuk tidak lagi menahan kanak-kanak di depot imigresen dan diletakkan di rumah perlindungan NGO.

■1010

Soalan saya adalah bilakah langkah yang akan diambil oleh kementerian bagi mencari tempat *alternative to detention* untuk melindungi kanak-kanak dan apakah jaminan kerajaan bahawa hak kanak-kanak tidak dihukum dan semua kanak-kanak dapat dilindungi tanpa diskriminasi termasuk kanak-kanak warganegara asing atau kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen imigresen yang sah. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, ya memang kita bersetuju bahawa mereka ini tidak harus ditahan tetapi dalam kes seperti yang saya sebutkan tadi mereka itu berada di tempat bersama-sama penjaga yang saya dimaklumkan tidak mengikuti peraturan imigresen. Jadi kita tidak wajar meninggalkan anak-anak begitu dan tidak ada jagaan.

Akan tetapi apabila mereka telah dibawa ke pusat depot ini, kita setakat hari ini menetapkan supaya dia bersama-sama dengan penjaga ataupun keluarganya di situ supaya tidak timbul berbangkit soal terbiar dan sebagainya dan ditempatkan di depot kita. Namanya depot tetapi sebenarnya tempat itulah digunakan untuk mengasingkan mereka ini daripada tahanan-tahanan yang lain untuk membolehkan mereka ini hidup dengan agak lebih selesa. Contohnya di depot kita di Bukit Jalil ada katil, ada tempat permainan, ada orang jaga dan sebagainya.

Cuma saya setuju dengan Yang Berhormat Petaling Jaya tadi apabila saya bincang dengan pegawai, ada keperluan untuk menaikkan taraf itu setara mungkin dengan sesetengah negara yang disebutkan tadi.

Oleh sebab itu kita adakan perbincangan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat baru-baru ini untuk mengadakan satu projek rintis yang dinamakan *alternative to detention*. Akan tetapi masih di peringkat perbincangan

tetapi perkara pokok ialah sama ada kita ada sejumlah peruntukan yang agak besar untuk menentukan setiap tempat-tempat tahanan itu diadakan satu kawasan yang lain di bawah jagaan kementerian sebagai contoh. Ini kerana mereka lebih pakar menjaga kanak-kanak. Kami ini *enforcement* tetapi ini belum selesai. Jadi kita ambil kira insya-Allah untuk masa hadapan, ini kita akan ambil perhatian.

Kedua kalau kes itu melibatkan kanak-kanak, saya telah memberitahu kepada Ketua Pengarah Imigresen supaya didahulukan. Ini kerana kalau tidak *queue* nya panjang, mungkin ia mengambil masa yang agak lambat sedikit dan dalam ini, ini SOP baharu. Kalau melibatkan kanak-kanak maka haruslah kita berikan perhatian yang utama, selesaikan kes itu dahulu sebelum yang lain itu dapat kita selesaikan. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Mengikut rekod simpanan pihak kementerian, berapa kes yang telah terjadi kes-kes seumpama ini. Apakah usaha pihak kementerian untuk memastikan isu berkaitan dengan pemerdagangan orang ataupun pemerdagangan bayi ataupun kanak-kanak yang semakin berleluasa ini tidak menjadikan Malaysia sebagai transit ataupun menjadi tempat untuk kegiatan sindiket ini. Apakah ini melibatkan warga asing yang menjadi sindiket utama kepada kegiatan ini. Minta penjelasan.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Jumlahnya tidak terlalu besar Yang Berhormat saya dimaklumkan tadi 100 lebih sahaja kanak-kanak seperti ini. Jadi walaupun bunyinya besar tetapi jumlah tidak terlalu ramai.

Keduanya memang kita ambil perhatian berat tentang isu pemerdagangan. Saya tidak suka hendak sebutkan tetapi baru-baru ini dalam laporan Jabatan *State Department US*, dia masihkekalkan kita di taraf *watch list* kedua iaitu tidak berapa baik. Akan tetapi bukan bermakna tidak ada langkah-langkah tindakan diambil. Memang kita buat dan macam-macam langkah kita sudah buat usaha untuk menahan supaya tidak ada berlakunya pendatang tanpa izin.

Dalam keadaan begitu, berlakulah isu pemerdagangan manusia yang melibatkan kanak-kanak. Ini satu perkara yang kita ambil perhatian. Saya sedang pun merangka satu pelan tindakan pertamanya untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin dalam satu jangka waktu lima tahun ke lima tahun ke hadapan.

Keduanya, perkara ini mungkin tidak boleh dapat mudah diselesaikan kalau tidak ada suatu kerjasama daripada masyarakat. Umpamanya kita ada di peringkat negeri

Jawatankuasa Keselamatan Negeri di peringkat daerah, di peringkat mukim dan juga JKK di peringkat kawasan sebagai contoh di mana mereka boleh membantu kerajaan untuk memberikan maklumat supaya tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dapat kita ambil untuk menentukan perkara itu.

Ketiganya ialah usaha untuk menambah baik sistem pengambilan pekerja asing. Ini memang sudah pun kita teliti dan yang lepas ada banyak isu berbangkit. Antara perkara yang timbul ialah soal pemerdagangan manusia kerana mereka dibawa masuk dengan cara yang tidak teratur dan sebahagian mereka agak hilang begitu menjadi pendatang tanpa izin.

Jadi langkah-langkah untuk menentukan supaya isu pemerdagangan manusia ini memang kita berikan keutamaan bukan kerana ada orang lain memerhatikan Malaysia tetapi kita komited kepada usaha sebegini supaya tidaklah kita melakukan perkara-perkara yang tidak selaras dengan undang-undang dan juga peraturan antarabangsa.

2. Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta Menteri Tenaga, Sains, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan mengapa tragedi di Pasir Gudang berulang dan apakah pelan kontingensi kementerian dalam memastikan tahap keselamatan penduduk sekitar dalam keadaan selamat.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui kementerian-kementerian Persekutuan termasuk MESTECC telah memberi sokongan kepada negeri Johor dalam menangani kedua-dua insiden di Pasir Gudang pada Mac dan Jun.

Daripada pertemuan dan data yang sedia ada, kami mendapati bahawa insiden gangguan kesihatan di Pasir Gudang kali ini adalah sangat berbeza dengan insiden pencemaran Sungai Kim Kim. Berikut adalah perbezaannya.

Pertama, punca pencemaran di Sungai Kim Kim dan lokasi mangsa-mangsa adalah *match* dengan *air dispersion model* yang mensimulasikan penyebaran gas mengikut hala tuju dan kelajuan angin. Akan tetapi untuk insiden ini, lokasi kes-kes adalah jauh antara satu sama lain dan simulasi menunjukkan lokasi mangsa-mangsa tidak dapat *pinpoint* kepada satu punca pencemaran.

Kedua, untuk insiden Sungai Kim Kim, bahan kimia boleh di kesan di darah dan *urine* mangsa dan adalah *match* dengan punca pencemaran iaitu *occurent natural*. Manakala untuk insiden ini ujian *toxicology* adalah negatif di setiap 85 sampel daripada 42 pelajar yang telah dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia.

Ketiga, pelajar-pelajar pada awal insiden Sungai Kim Kim menunjukkan simptom apabila bacaan gas *detected* adalah tinggi. Manakala untuk insiden kali ini ramai pelajar menunjukkan simptom sesak nafas dan loya walaupun bacaan hari sebelumnya ataupun pada masa yang sama, pada lokasi yang sama adalah memuaskan.

Oleh yang demikian, siasatan sehingga kini tidak dapat mengenal pasti punca spesifik yang menyebabkan masalah gangguan kesihatan di Pasir Gudang. Jika pencemaran udara adalah punca insiden pada kali ini, maka ia berkemungkinan besar bukan *point source* tetapi *non-point sources* ataupun *multiple sources*.

Oleh itu, sejak insiden berlaku pada 20 Jun 2019 sehingga hari ini sebanyak 172 premis industri telah diperiksa di mana 98 kompaun telah dikeluarkan, 46 notis arahan dan sembilan premis telah diberi penahanan operasi. Manakala sebanyak dua syor tindakan mahkamah telah pun dikeluarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, faktor *carrying capacity* juga sedang diperincikan. Pada ketika ini, Pasir Gudang mempunyai sebanyak 2005 buah kilang berlesen dan 250 buah daripadanya adalah kilang berasaskan bahan kimia.

Oleh itu, boleh dikatakan persekitaran udara di Pasir Gudang adalah tepu dan sebarang *anomaly* akan memberi kesan kepada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak dan penghidap *asthma*. Tambahan lagi, kekurangan *buffer zone* antara kilang kimia dengan sekolah juga menjadi satu cabaran.

Berita Harian hari ini telah membuat liputan yang komprehensif tentang kemungkinan punca Pulau Haba atau *carrying factor* tentang kemungkinan ini.

Walau bagaimanapun, untuk membuat kesimpulan yang konklusif kajian *carrying capacity* diperlukan dan ia akan mengambil masa enam minggu untuk diselesaikan. Sementara itu, untuk membuat pemantauan berterusan, 111 buah sekolah akan dibekalkan dengan gas *detector* bagi tujuan pemantauan kualiti udara.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya cukup simpati sebab Yang Berhormat bukan sahaja mendapat bermacam-macam tuduhan bagi pihak kementerian dan agensi tetapi peribadi Yang Berhormat Menteri juga telah diserang atas isu ini.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat, bukankah perkara ini berlaku, kemarahan ini berlaku kerana rakyat menganggap seolah-olah kelambatan bertindak. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat, adakah kerajaan bersedia untuk melantik pakar-pakar daripada luar negara tidak kisah pelbagai kos sebab sekarang ini dana-dana kerajaan selalunya berkurangan untuk membantu dalam jangka masa panjang

kerana melibatkan nyawa-nyawa terutama sekali nyawa anak-anak kita. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1020

Puan Yeo Bee Yin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pengerang, kita akan teruskan dengan beberapa tindakan dan kita tidak akan kecualikan untuk mendapatkan bantuan pakar-pakar daripada domestik ataupun antarabangsa untuk membuat kajian *carrying capacity* yang saya huraikan tadi.

Tambahan pula, kita ada enam tindakan yang kita akan ambil untuk meyakini komuniti di Pasir Gudang. Enam tindakan segera yang akan diambil iaitu:

- (i) memperkasakan pemantauan kualiti udara di Pasir Gudang dengan mewujudkan stesen pengawasan gas pencemar toksik yang automatik. Sebelum ini, kita semua adalah secara bergerak dan kita tidak ada satu *real-time gas detector* yang boleh secara *real-time* melaporkan bacaan-bacaan gas-gas di sekitar Pasir Gudang. Kita akan mendapatkan, mewujudkan stesen ini secepat mungkin;
- (ii) pembelian alat pengukuran gas toksik bergerak seperti GASMET yang mencukupi untuk tujuan penguatkuasaan dan pemantauan;
- (iii) kita akan juga membangunkan sistem bagi menganalisis dan menentukan *carrying capacity* yang saya huraikan tadi;
- (iv) memandangkan Pasir Gudang adalah hab industri terpenting di Johor, Jabatan Alam Sekitar cawangan Pasir Gudang juga akan diwujudkan;
- (v) MESTECC melalui JAS juga akan mewajibkan beberapa tindakan pematuhan baru kepada premis industri di kawasan Pasir Gudang. Di antaranya, menetapkan agar premis industri memasang alat pemantauan pelepasan secara berterusan (*Continuous Emission Monitoring System*); dan,
- (vi) MESTECC akan mengadakan program sekolah angkat oleh industri terutamanya untuk sekolah-sekolah yang berisiko tinggi, di mana mereka sangat dekat dengan kilang-kilang. Dalam program ini, industri-industri akan membekalkan kemudahan

seperti *gas detector* dan juga *air purifier* kepada sekolah-sekolah angkat mereka.

Akhir sekali, saya hendak katakan bahawa seperti yang dimaklumkan, pengawalan kualiti udara di Pasir Gudang adalah sangat mencabar. Ia adalah disebabkan kerana kita ada pembangunan yang tidak lestari di Pasir Gudang. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus membuat yang terbaik dan saya sedia menerima cadangan konstruktif daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Untuk dakwaan di mana kerajaan lambat membuat tindakan, saya hendak nyatakan di sini, serta-merta selepas kita mendapat tahu insiden ini, kita telah keluar untuk mendapatkan bacaan. Beratus-ratus bacaan setiap hari kita dapatkan. Kita melibatkan lebih daripada 100 orang pegawai kerajaan daripada jabatan-jabatan yang berbeza dalam menangani masalah ini. Kalau kita tengok, setiap hari siang dan malam, kita ada lebih daripada 100 orang pegawai yang mendapatkan bacaan untuk pemantauan kualiti.

Saya hendak katakan di sini, tindakan tidak perlahan, tidak lambat tetapi kita tidak dapat lagi mengenal pasti punca spesifik kerana apa yang saya katakan tadi, ketiga-tiga perbezaan antara Sungai Kim Kim dan juga insiden kali ini. Jadi tindakan kita ambil tetapi punca spesifik perlu kajian yang lebih lanjut lagi kerana *limitation* dan had yang saya telah pun bincangkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang, soalan tambahan kedua.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju, jika saya katakan, peristiwa bencana udara tercemar di Pasir Gudang, dua kali berlaku pada Mac dan Jun ini adalah berpunca daripada kelemahan pemantauan pihak berkuasa, khususnya Jabatan Alam Sekitar? Bukan sahaja bagi kerajaan sekarang, sejak dari pemerintahan yang dulu sehingga sekarang, kelemahan ini berterusan. Terima kasih.

Puan Yeo Bee Yin: Saya hanya hendak memberi satu statistik sahaja. Selepas insiden Sungai Kim Kim, operasi penguatkuasaan telah meningkat 300 peratus dan nombor yang pemeriksaan dan juga penguatkuasaan yang kita buat, Jabatan Alam Sekitar buat. Jika kita bandingkan dengan Januari sampai Jun 2019 dan Januari sampai Jun 2018, kita *at least* ada 40 peratus peningkatan. Pemantauan dan pemeriksaan dan juga penguatkuasaan telah pun ditingkatkan tetapi apa yang kita perlu adalah di mana

kita *have to have a paradigm shift*. Kita perlu membuat yang berbeza, seperti kita perlu ada stesen automatik, seperti kita perlu menjalankan kajian *carrying factor*, seperti apa-apa yang kita telah rancang.

Saya hendak tegaskan di sini bahawa MESTECC melalui Jabatan Alam Sekitar akan terus meningkatkan apa-apa yang kita boleh buat di Pasir Gudang. Untuk saya, saya sentiasa turun padang dan sekarang saya akan pergi Pasir Gudang setiap minggu. Harap boleh pergi bersama dengan Ahli Parlimen Pasir Gudang untuk memastikan bahawa kerja-kerja boleh dilakukan. Hari ini saya ada satu *meeting* pagi ini dengan Menteri Besar Johor juga. Kita juga akan membuat sesuatu di mana kita hendak *target* kilang-kilang haram. Dalam masa satu bulan ini, kita akan ada operasi bersepadu supaya kita tutup semua kilang haram di Pasir Gudang.

Saya juga hendak meminta Ahli-ahli Dewan dan juga rakyat di Pasir Gudang supaya melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar kalau ada maklumat tentang kilang-kilang haram, kita akan pergi dan tutup kilang-kilang ini.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, boleh mohon satu lagi soalan tambahan.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:
[Bangun]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mohon satu lagi Tuan Yang di-Pertua kerana perkara ini penting dan saya juga menghantar MQT kepada pihak urus setia tetapi tidak naik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingat cukup dua soalan tambahan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Perkara penting iaitu mengenai pindaan Akta Kualiti Alam Sekitar kalau boleh dijawab dan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan dengan MQT yang ketiga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Juga pampasan kepada mangsa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya mengalu-alukan kehadiran Sekolah

Menengah Tunku Sulong, Kedah serta semua tetamu yang hadir di atas galeri awam. Selamat datang saya ucapkan. [Tepuk] Terima kasih Menteri kerana *U-turn* telah menarik balik cadangan membawa masuk pekerja asing Afrika kerana ramai rakyat kita di luar sana yang resah dengan kenyataan tersebut. *Thank you.*

3. Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah terdapat usaha kerajaan dalam mengurangkan pekerja asing di sektor perkilangan memandangkan kebanyakannya anak bumiputera luar bandar tidak mendapat peluang bekerja di sektor perkilangan.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih. Dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada guna tenaga asing khususnya dalam sektor perkilangan, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti yang berikut:

- (i) pengambilan pekerja asing diluluskan kepada pekerjaan bersifat *unskilled* yang tidak diminati oleh warga tempatan;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan *mechanization* dan automasi. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35 peratus pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (iii) penggajian pekerja asing berdasarkan kepada keperluan sebenar industri (*real industry demand*);
- (iv) syarat-syarat permohonan pekerja asing diperketatkan dari segi penetapan nisbah pengambilan berdasarkan komposisi pekerja tempatan dan pekerja asing;
- (v) cadangan pelaksanaan *multi-tier levy* yang akan konsep yang baru supaya nisbah di antara pekerja tempatan dan pekerja asing. Cadangan *multi-tier* ini akan dibincangkan dalam jawatankuasa yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara;
- (vi) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) akan membuat saringan bagi memastikan hanya majikan yang berkeupayaan, *genuine* dan mematuhi standard-standard perburuhan seperti pemantauan gaji minimum, menyediakan kemudahan kediaman berserta kemudahan asas dan tiada rekod pelanggaran kes buruh sahaja dipertimbangkan memohon pekerja asing; dan,

- (vii) menyediakan *exit policy* penggajian pekerja asing melalui pelaksanaan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara, memberi keutamaan kepada mekanisme *Industrialised Building System (IBS)* dalam sektor pembinaan, peralihan kepada intensif automasi dan mekanisme, restoran berkonsep *self-service* dan sebagainya.

Pada masa yang sama, pelbagai usaha dijalankan untuk menetapkan lebih ramai orang pekerja tempatan dalam pekerjaan seperti berikut:

- (i) majikan dikehendaki untuk mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal JobsMalaysia bagi memastikan kekosongan jawatan ditawarkan kepada pencari kerja tempatan terlebih dahulu; dan,
- (ii) kolaborasi antara JTK dengan majikan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan.

■1030

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih. Laporan Tinjauan Ekonomi Kementerian Kewangan 2019 menyebut dengan jelas belia Bumiputera, pendidikan tinggi telah merekodkan hampir 4.6 peratus mereka tertinggal dan yang ada pada hari ini lebih daripada belia Bumiputera yang mempunyai kelulusan tahap sekolah menengah hanya empat peratus.

Memandangkan sudah lebih satu tahun Kerajaan Pakatan Harapan memerintah, saya ingin bertanyakan, sejauh manakah perancangan ataupun pelan khas bagi 515,600 rakyat Malaysia yang masih menganggur supaya mereka juga mendapat pekerjaan dan sekali gus mengurangkan kadar pengangguran di dalam Malaysia? Sejauh manakah manifesto peluang satu juta pekerjaan sudah dapat dilaksanakan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Yang Berhormat, pertama, menjawab soalan yang dibangkitkan, kita perlu ingat bahawa kita ada *full employment* di negara ini. Ini bermakna setiap orang yang ingin mendapat kerja ada kerja.

JobsMalaysia adalah satu di antara *job fair* yang kita buat di seluruh negara untuk memberikan galakan. Baru-baru ini iaitu esok, lusa, kita akan ada di Kelantan untuk *job fair* supaya memberikan lebih keutamaan kepada anak-anak kita di luar bandar. Ini juga

supaya perhatian diberikan kepada mereka. Jika mereka memohon kerja-kerja, mereka ada, sedia ada.

Yang menjadi masalah adalah ada ramai di antara mereka yang tidak ada kemahiran. Maka, kita memberikan pandangan bahawa mereka perlu ada *training* dan sebagainya. *Skilling, upskilling and reskilling* dan sebagainya.

TVET di seluruh negara, *technical and vocational education training institute* yang ada sekarang memberi banyak ruangan. Semua diberi dengan *free*. Ini adalah satu di antara galakan Yang Berhormat boleh beri kepada anak-anak kita di luar bandar supaya mereka digalakkan untuk mengambil kursus-kursus ini. Di Alor Setar ada, di tempat-tempat—banyak tempat di seluruh negara ada.

Akan tetapi, *choice* mereka sangat tidak ada. Sekarang ramai di antara ibu bapa tidak ingin menghantar atau tidak bercadang untuk menghantar anak mereka untuk *training* sedemikian. Ini sangat susah untuk kita kerana ramai di antara ibu bapa ingin menghantar anak mereka ke institusi-institusi universiti. Ini menggambarkan bahawa ramai di antara pengeluaran universiti ini, kita tahu ramai di antara mereka siswazah, yang tidak dapat kerja kerana *there is no job vacancy in private sector*.

Jadi, yang mustahak, seperti di negara-negara maju seperti *Germany, Japan* dan sebagainya di mana fokusnya adalah *technical training*. Maka, ini adalah satu galakan yang patut dibuat.

Juga, JTK di Kementerian Sumber Manusia sedang mengadakan macam-macam kolaborasi dengan pihak-pihak swasta dan kita mengadakan *job fair* di mana kita menggalakkan anak-anak kita di luar bandar khususnya datang untuk mereka ditawarkan kerja-kerja dan sebagainya. Jika ada di Baling dan sebagainya, kita sudi turun di sana juga.

Terima kasih.

Cik Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta tanya Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan dalam memperkasakan hak perburuhan pekerja di Malaysia?

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menghalusi beberapa akta-akta berkaitan pekerja. Akta *Employment Act 1955* dan *Industrialization Act* dan sebagainya. Ini semua, *amendment* itu sedang dihalusi oleh kementerian. Kita telah mengadakan beberapa perbincangan dengan *stakeholders* termasuk *Malaysian Employers Federation* dan juga *Malaysian Trades Union Congress* dan juga merata-rata NGO dan sebagainya.

Kita dapat ada beberapa cadangan yang dibuat dan patut diserap di dalam akta itu supaya ia dapat memperkasakan pekerja-pekerja di negara ini. Saya pun telah pergi ke Sabah baru-baru ini dan berjumpa dengan beberapa NGO dan juga *Malaysian Employers Federation* di sana, di mana cadangan-cadangan mereka sedang dihalusi dan tidak berapa lama lagi perkara itu akan dibawa ke Parlimen untuk kelulusan.

Mustahaknya, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai *future of work* yang menjadi satu sasaran yang sangat besar di mana sasaran kerajaan adalah untuk mencapai kemahiran dalam 35 peratus pada tahun 2020. Dalam hal ini, *future of work* yang dicadangkan oleh ILO sedang dikenal pasti juga dalam akta-akta ini supaya semua pekerja-pekerja di negara ini dapat kemahiran yang tertentu.

Kerajaan telah melalui *Human Resources Development Fund* (PSMB) untuk mengagihkan beberapa jumlah wang untuk menolong pekerja-pekerja di negara ini mendapat *skilling, upskilling and reskilling*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Wong Chen [Subang]** minta Yang Berhormat Menteri menyatakan pendirian kerajaan dan garis masa terhadap pemindahan kuasa untuk melantik Ketua SPRM kepada Parlimen dengan meminda Akta SPRM 2009 selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Subang atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini akan dijawab sekali bagi soalan berikut iaitu:-

- (i) pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang pada 4 Julai 2019;
- (ii) pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Kuala Krau pada 10 Julai 2019; dan

- (iii) pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju pada 16 Julai 2019.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah selaras dengan peruntukan seksyen 5 Akta SPRM 2009 yang menyatakan secara jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik Ketua Pesuruhjaya SPRM di atas nasihat Perdana Menteri.

Pada masa yang sama, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah memperkenankan pelantikan Puan Latheefa Koya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi tempoh dua tahun iaitu mulai 1 Jun 2019 sehingga 31 Mei 2021. Majlis Mengangkat Sumpah pelantikan tersebut juga telah diadakan di Istana Negara pada 25 Jun 2019.

Berkenaan isu pemindahan kuasa melantik Ketua Pesuruhjaya SPRM kepada Parlimen, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa enam jawatankuasa pilihan khas (*special select committee*) telah pun ditubuhkan termasuk Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam sebagai perintis berdasarkan kepentingan dan juga hala tuju negara yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada Khamis, 16 Ogos tahun lalu semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen ke-14.

Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam berfungsi untuk meneliti pelantikan jawatan-jawatan penting dalam negara seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia bagi memastikan ia dilantik berdasarkan merit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa pilihan khas ini telah bermesyuarat sebanyak enam kali bagi menjalankan fungsi-fungsinya dan telah menetapkan rangka kerja sepanjang tahun berdasarkan terma rujukan yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini mendapat bahawa proses pelantikan jawatan-jawatan utama dalam perkhidmatan awam ini adalah unik dan berbeza bagi setiap jawatan dan agensi.

Oleh yang demikian, jawatankuasa ini sedang mengkaji mekanisme terbaik agar dapat menjalankan fungsi dan peranan yang lebih jelas dalam proses pelantikan jawatan-jawatan utama. Sekian, terima kasih.

Tuan Wong Chen [Subang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan ya. Sebenarnya soalan saya adalah tentang pendirian ya. *Your position. The formal position of the Pakatan Harapan Government.* Dan juga garis masa. Adakah kita akan melakukannya atau tidak? Akan tetapi, tidak apalah, rakyat akan membuat kesimpulan sendiri sama ada jawapan itu adalah satu komitmen atau tidak.

■1040

Soalan tambahan saya ialah mengenai *Prime Minister Question Time* kalau diberikan izin untuk bertanya, *Deputy Speaker* semalam telah membuat satu *media statement* bahawa kita sedia untuk *Prime Minister Question Time* pada Oktober yang akan datang ini masa Bajet. Saya hendak minta pandangan daripada Menteri tentang isu ini sama ada kita sedia atau tidak untuk Oktober. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Subang di atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, proses memindahkan - bahawa pertanyaan pertama itu sedang dijalankan dengan aktif sekali. Saya sudah berjumpa dengan pihak Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas untuk melantik Jawatan-jawatan Utama Perkhidmatan Awam iaitu Yang Berhormat Selayang bersama-sama juga dengan Yang Berhormat Senator Yusmadi yang merupakan Pengerusi *Reform Senate* ataupun Dewan Negara.

Pada masa yang sama saya juga berjumpa dengan pihak Speaker, Dewan Speaker dan juga pihak kerajaan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di mana satu mekanisme kena diadakan dan saya telah pun berbincang dengan semua *stakeholder* ini untuk memastikan ataupun menghalusi mekanisme untuk proses menjalankan pindaan tersebut kepada Parlimen. Jadi ini adalah amat aktif pada setakat ini. Saya harap bahawa ini akan dapat dijalankan pada tahun ini.

Mengenai dengan *Prime Minister Question Time* itu sememangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengeluarkan dia punya hasrat bahawa dia memang minat untuk menjawab soalan di Dewan ini. Pada rekod yang kita adakan pada tahun yang lalu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang kerap datang kepada Dewan untuk menjawab soalan. Jadi langkah untuk mengadakan proses PMQT ini juga dalam proses dan saya harap kita akan dapat mengadakan sesi PMQT ini pada sesi yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana ada menyebut soalan saya pun bersama dengan soalan Yang Berhormat Subang. Soalan saya

kenapakah pemimpin-pemimpin parti Pakatan Harapan pada peringkat awalnya begitu marah dan tidak bersetuju dengan lantikan Ketua SPRM ini? Apakah sebabnya, adakah ini tidak memberikan penghormatan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana terus bertegas untuk melantik Ketua SPRM yang baru ini, walaupun berbagai isu yang timbul.

Saya hendak tanya juga bagi membolehkan pelantikan Ketua SPRM akan datang dibawa di dalam *Select Committee* seperti mana yang disebut dalam Manifesto Pakatan Harapan. Adakah satu pindaan Perlembagaan bagi membolehkan dan juga pindaan kepada Peraturan Mesyuarat Dewan kita ini bagi membolehkan perkara ini dapat dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Krau di atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat memandangkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun berkenan dengan pelantikan Puan Latifah Koya itu, jadi saya rasa kita sebagai rakyat kena hormati keputusan dan juga pelantikan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang saya katakan tadi, proses untuk pelantikan jawatan utama ini pada masa yang depan telah pun dijalankan dengan aktif untuk mengkaji mekanisme kerana kita kena pastikan fungsi-fungsi ataupun peranan-peranan *Select Committee* dalam perkara ini dan juga punca kuasa mereka.

Dan juga berapakah, bagaimana kita akan memberikan nama-nama calon kepada pihak PSC. Jadi ini adalah semua prosedur-prosedur yang kita kena pastikan. Jadi seperti saya katakan tadi bahawa proses ini telah dijalankan dengan aktif sekali dengan *stakeholders* yang saya sebutkan tadi. Saya harap bahawa ini akan dapat dihalusi dan kita akan datang berjumpa dengan pihak pembangkang juga supaya kita dapat mengadakan satu mekanisme yang terbaik untuk Dewan ini dan juga untuk negara kita. Terima kasih.

2. Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan segera kepada pemilik premis yang meletak halangan pada petak letak kenderaan tanpa kebenaran serta kaedah dan cara mengurangkan pemilikan petak parkir yang melibatkan beberapa petak sewa khas yang diperuntukkan kepada pemilik premis sedia ada.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tapah kemudahan tempat letak kereta di kawasan Kuala Lumpur yang diletakkan di bawah tanggungjawab

DBKL melibatkan tempat letak kereta awam dan tidak termasuk tempat letak kereta persendirian. Ini termasuklah tempat letak kereta bermeter di bahu-bahu jalan yang melibatkan jalan-jalan awam yang jumlahnya adalah sebanyak 60, 471 di seluruh Kuala Lumpur yang biasanya bertanda warna kuning.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, halangan pada petak tempat letak kereta sering dilakukan, telah berlaku oleh pemilik perniagaan sama ada restoran ataupun kedai pasaran dan juga pemilik rumah persendirian dengan meletakkan halangan seperti kon, kerusi, meja, baldi, tayar, pasu bunga dan sebagainya. Walau bagaimanapun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa menjalankan operasi ke atas kesalahan tersebut dengan melaksanakan tindakan pindah halangan ke atas barang tersebut.

Berdasarkan statistik tindakan pada tahun 2018 sehingga Januari 2019 sebanyak 90 buah operasi telah dijalankan dengan barang yang dialihkan yang telah disita berjumlah 632. Tindakan ini akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan pemilik perniagaan tidak menyalahgunakan petak letak kereta. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga memproses permohonan penyewaan petak khas berwarna merah kepada pemilik perniagaan berdasarkan kepada peruntukan seksyen 15(1) Perintah Pengangkutan Jalan, Peruntukan Tempat Letak Kereta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016.

Seksyen ini menyatakan bahawa Datuk Bandar boleh menyediakan apa-apa bilangan ruang letak kereta khas dalam tempat letak kereta bermeter. Sehingga kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun meluluskan sejak tahun 2015 sehingga sekarang sebanyak 3,626 petak khas di kawasan Kuala Lumpur ini. Walau bagaimanapun, bermula November 2018 sehingga sekarang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menangguhkan kelulusan baru dan pembaharuan penyewaan petak letak kereta khas di seluruh kawasan Kuala Lumpur bertujuan untuk menyemak dan mengkaji semula proses permohonan penyewaan petak kereta khas.

Dalam hal ini permohonan baru, penyewaan petak letak kereta khas tidak lagi diproses. Manakala semua petak khas yang telah tamat tempoh penyewaan tidak lagi dilanjutkan. Untuk makluman Yang Berhormat Tapah, mengikut garis – kita ada garis panduan baru, setakat ini hanya ada 994 petak sahaja, petak letak kereta khas yang masih beroperasi. Untuk makluman Yang Berhormat Tapah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik premis perniagaan,

pemilik restoran yang didapati melakukan kesalahan seperti mana yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri satu penjelasan atau jawapan yang cukup terperinci. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur menjadi satu masalah besar khususnya di ibu kota. Dulu walaupun seksyen membenarkan kita menyewakan petak tetapi dari segi dasar sebelum ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya membenarkan pemilik-pemilik premis, bank, klinik dan kedai tukar tayar untuk membeli lot-lot tempat kereta.

Tapi kita keadaan telah berubah, di mana pemilik-pemilik restoran dan lain-lain telah dibenarkan, sampai tahap di mana petak itu walaupun sepanjang hari kosong tidak dibenarkan meletak kereta awam memandangkan tapak itu telah diperolehi oleh tuan punya kedai. Kalau budaya ini berterusan, mungkin satu hari nanti hanya orang berada, dia boleh memiliki petak tempat letak kereta di Kuala Lumpur. Saya ucap terima kasih kepada Dewan Bandar raya Kuala Lumpur telah membuat keputusan untuk membekukan dan adakah ini akan menjadi dasar untuk membatalkan semua lesen yang sedia ada, khususnya di petak-petak letak kereta.

Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Tapah. Mengikut garis panduan yang lama sebanyak 22 aktiviti untuk dipertimbangkan untuk kelulusan petak khas.

■1050

Akan tetapi dengan garis panduan yang baru hanya sembilan aktiviti sahaja. Jadi itu, kita menjangkakan kita tidak mempunyai cadangan untuk menghapuskan terus petak khas ini tetapi kita telah mengurangkan aktiviti iaitu kepada sembilan aktiviti seperti klinik sangat perlu, pusat perubatan, hospital, untuk OKU, bank, kedai tayar hanya kita limit kan kepada dua sahaja petak kepada pusat kereta, penjualan kenderaan, itu pun dua juga paling maksimum.

Sebagai contohnya saya hendak berikan gambaran bagaimana seperti di kawasan ataupun di Parlimen Lembah Pantai, jumlah petak yang ada, petak kuning awam adalah sebanyak 1,397 tetapi setakat ini petak letak khas yang saya sebutkan tadi hanya ada 18 sahaja. Terlalu sedikit sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih kerana disebut Lembah Pantai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi disebut daripada tahun 2015 ke 2018 ada lebih 3,000

petak khas tetapi hari ini cuma 994 yang beroperasi. Adakah pihak kementerian berniat untuk mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menukar warna ataupun memberikan tanda kerana saya rasa masih warna merah sama ada yang sudah tidak diproses, bukan lagi menjadi sebahagian daripada 3,000 itu.

Kedua, adakah waktu operasi untuk petak khas ini adakah ia daripada jam berapa kepada jam berapa kerana sering kali saya sendiri di kawasan saya kena pergi untuk menurunkan sendiri kalau selepas waktu operasinya. Jadi sekarang ini orang ramai tidak tahu adakah daripada pukul tujuh pagi ke tujuh malam ataupun jam berapa ke jam berapa. Harap boleh memberikan penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. saya sebut Lembah Pantai, Yang Berhormat Lembah Pantai pun bangun. Sebenarnya waktu operasi bagi petak khas ini adalah antara jam 7.30 pagi hingga enam petang. Selepas enam petang memanglah bebas untuk mana-mana orang awam boleh meletakkan kenderaan di petak warna merah. Dalam garis panduan yang baru ini, kita tidak lagi membenarkan tiang berkunci, *lock full* dan pihak penguat kuasa akan selalu memantau kawasan ini dan memastikan kalau ada halangan akan dikeluarkan.

Selepas jam enam petang setiap hari, Ahad dan cuti umum, petak-petak adalah dibuka kepada orang awam. Jadi saya sebutkan bahawa *insya-Allah* tindakan tegas akan diambil. *Insya-Allah*. Terima kasih.

3. **Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta Perdana Menteri menyatakan secara spesifik berkenaan bilakah penubuhan "*Independent Police Complaints and Misconduct Commission*" (IPCMC) akan dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Berhormat Bukit Gelugor atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan-soalan berikut iaitu pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Kota Bharu pada 4 Julai 2019, pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam pada 4 Julai 2019, pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Kuala Krau juga pada 10 Julai 2019, pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Ketereh pada 10 Julai 2019, pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Kampar pada 16 Julai 2019 dan pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands pada 16 Julai 2019.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, IPCMC yang akan ditubuhkan akan memberi perhatian khusus kepada isu salah laku dan

integriti anggota dan juga pegawai PDRM. Bagi menangani masalah rasuah dan juga salah guna kuasa, IPCMC akan bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kerajaan berharap isu-isu salah laku dalam kalangan anggota PDRM dapat diberikan perhatian serius sekali gus meningkatkan lagi tahap integriti anggota PDRM dalam menjadikannya sebuah badan bebas yang cekap dan juga efisien.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, pihak Jemaah Menteri telah meluluskan secara dasar penubuhan IPCMC ini dan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti PDRM dan Badan Peguam Negara masih sedang dijalankan dengan aktif sekali dan akan dimuktamadkan secepat yang mungkin.

Rang undang-undang IPCMC pula akan dibentangkan pada sesi persidangan Parlimen kali ini sekiranya memorandum Jemaah Menteri berkaitan rang undang-undang tersebut dapat diluluskan oleh Jemaah Menteri pada masa yang terdekat. Sekian terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengalu-alukan pengumuman Menteri bahawa rang undang-undang berkenaan IPCMC ini akan dibentangkan pada persidangan ini. Persoalan yang saya ingin timbulkan di sini *is* akibat daripada pembentangan RUU tersebut. Sekiranya IPCMC tersebut akan menjadi undang-undang, adakah ini akan mengambil alih siasatan ke dalam *enforced disappearances* di dalam kes Pastor Raymond Koh dan juga Amri Che Mat yang kini kami telah pun dimaklumkan akan disiasat oleh satu *task force* iaitu akan dimulakan dengan kes Amri Che Mat di mana terdapat banyak aduan bahawa komposisi *task force* tersebut adalah tidak memadai dan tidak *transparent*.

Jadi memandangkan aduan-aduan tersebut, adakah IPCMC sekiranya ditubuhkan akan menangani masalah tersebut dan menyiasat kekurangan-kekurangan di dalam kedua-dua kes tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor atas soalan tambahan ini. Pertamanya, seperti saya katakan tadi dasar telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri dan rang undang-undang yang telah pun didrafkan oleh pihak AGC. Masih lagi dalam proses dan saya harap bahawa RUU ini akan dapat dibentangkan seberapa cepat yang boleh dalam sesi Parlimen ini.

Mengenai sama ada IPCMC ini akan menggantikan jawatankuasa untuk kehilangan personaliti yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor

ini, kita kena membezakan bahawa penubuhan IPCMC ini adalah untuk melihat salah laku dan juga integriti anggota dan juga pegawai PDRM. Sekiranya kehilangan mereka itu adalah terlibat dengan pegawai-pegawai ataupun anggota PDRM, saya rasa satu tindakan akan diambil terhadap mereka tetapi pada setakat ini, jawatankuasa ataupun *task force* yang telah pun ditubuhkan oleh pihak KDN ini kita kena serahkan kepada pihak jawatankuasa untuk menjalankan tugas-tugasannya sepenuhnya dan juga memberi laporan kepada pihak kerajaan kemudian. Jadi kita kena tunggu pelaksanaan jawatankuasa dalam tugasnya yang telah pun diberikan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sudah menjadi satu maklumat umum bahawa penubuhan IPCMC ini telah mendapat tentangan ataupun ketidakbersetujuan daripada ramai bekas-bekas Ketua Polis Negara sebelum ini termasuk Ketua Polis Negara yang terbaru. Ketua Polis Negara sekarang pun beliau menyatakan bahawa beliau akan menjadikan IPCMC ini tidak relevan kepada perkhidmatan polis.

Ini adalah kerana dikatakan PDRM sebagai sebuah jabatan kerajaan yang lain boleh mengendalikan urusan pentadbiran pegawai dan anggotanya sendiri tanpa ada satu suruhanjaya. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimana kerajaan dapat mencadangkan suatu kaedah untuk seimbangkan, *to balance up* antara kepentingan orang awam yang dibuat aduan itu dengan kepentingan pegawai dan juga anggota polis yang menjalankan tugas mereka untuk menjaga ketenteraman awam dalam negara ini? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu atas soalan tambahan ini. Seperti yang saya katakan tadi bahawa proses perbincangan di antara pihak berkepentingan seperti PDRM, Badan Peguam Malaysia dan juga pihak-pihak tertentu sedang aktif dijalankan dan mereka masih lagi dalam proses untuk memperhalusi rang undang-undang yang akan dibawa ke Dewan ini.

■1100

Untuk makluman Yang Berhormat, yang menaikkan bahawa Ketua Polis Negara yang katakan bahawa IPCMC ini tidak relevan, saya rasa itu tidak betul. Sedangkan kita lihat daripada apa yang telah pun dilaporkan dalam media ini. Saya telah membaca keseluruhan berita yang telah pun disiarkan dalam *blog* ini dan beliau telah pun mengatakan, “*Apa hendak takut? Buat kerja ikut peraturan undang-undang. Jika tidak melakukan kesalahan, usah risau dengan IPCMC.*”

Tambahan pula, Ketua Polis Negara telah pun mengatakan bahawa IPCMC ini merupakan satu medium mendidik yang baik supaya pegawai dan juga anggota polis boleh menghentikan pergaulan dan hubungan dengan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya yakin dengan pertubuhan IPCMC ini dan dengan perbincangan dengan semua *stakeholder* yang relevan berkenaan. Ini saya rasa satu kepentingan kepada rakyat dan juga kepada anggota polis akan dapat diperhalusi dan kena dipastikan dapat berjalan dengan terbaik sekali. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta Menteri Pengangkutan menyatakan :-

- (a) bilakah perkhidmatan tren *Diesel Multiple Units (DMU)* yang dibeli dari China dengan kos RM380 juta untuk perkhidmatan kereta api Pantai Timur (Gemas-Tumpat) dimulakan perkhidmatannya; dan
- (b) bilakah perkhidmatan kereta api ekspres dari Kuala Lumpur ke Tumpat dijangka disambung semula.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa kerana membawa soalan berkaitan dengan perkhidmatan kereta api ke Pantai Timur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KTMB menyediakan 12 perkhidmatan tren antara bandar yang melalui sektor Pantai Timur antara Gemas dan Tumpat menggunakan stok kereta konvensional iaitu *locomotive, coach* dan *power generating car*, dengan izin. Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan KTMB di sektor Pantai Timur, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM380 juta bagi pembelian 13 set *Diesel Multiple Unit (DMU)* dengan izin. KTMB merancang untuk memperkenalkan perkhidmatan DMU di sektor Pantai Timur ini mulai suku ketiga tahun 2019. Perancangan perkhidmatan ini mengambil kira penerimaan 13 set DMU baharu secara berperingkat mulai Julai 2019 ini sehingga bulan Disember 2019 serta tempoh masa bagi melaksanakan proses pengujian dan pentauliahan yang sekarang pun sedang berlaku untuk beberapa set DMU sebelum kesemua 13 set DMU baharu ini boleh dibenarkan untuk beroperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini kerajaan sedang memberi keutamaan kepada kerja-kerja menaik taraf serta membaik pulih kerosakan yang dialami oleh rangkaian kereta api bagi jajaran Gemas-Tumpat termasuk kerosakan akibat bencana banjir pada penghujung tahun 2014. Banjir yang melanda sektor Pantai

Timur pada 22 Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada infrastruktur landasan, peralatan, persempyamanan dan jentera penyelenggaraan landasan yang telah ditenggelami air. Antara kerosakan infrastruktur landasan yang dialami adalah tanah runtuh, landasan terhakis dan ditenggelami air serta jambatan kereta api yang telah dihanyutkan air. Selain itu, berlaku kerosakan teruk terhadap bangunan, pejabat, stesen dan kuarters terutamanya di kawasan Manek Urai, Dabong, Kemubu, Kuala Krai dan Chegar Perah.

Dalam hal ini, kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM874.7 juta bagi membaik pulih infrastruktur landasan dan stok kereta di sektor Pantai Timur. Peruntukan ini terdiri daripada dana berjumlah RM778 juta bagi projek membaik pulih infrastruktur landasan bagi sektor Gemas ke Tumpat dan RM96.7 juta bagi program pemulihan stesen dan lain-lain infrastruktur kereta api yang terjejas akibat musibah banjir besar yang melanda negeri-negeri Pantai Timur. Keseluruhan kerja membaik pulih infrastruktur landasan di sektor Pantai Timur ini dijangka akan siap pada penghujung tahun 2019.

Walau bagaimanapun, rakyat masih boleh memilih untuk menggunakan kereta api sebagai pengangkutan daripada Kuala Lumpur ke Tumpat dengan menaiki ETS daripada Kuala Lumpur ke Gemas dan seterusnya menaiki perkhidmatan tren antara bandar daripada Gemas ke Tumpat. Kerajaan bersedia untuk menimbang pembukaan semula perkhidmatan kereta api ekspres daripada Kuala Lumpur ke Tumpat setelah projek baik pulih dan naik taraf ini selesai sekiranya terdapat keperluan dan permintaan tinggi serta ketersediaan set-set tren yang boleh beroperasi di sektor tersebut. Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang menyeluruh. Soalan tambahan saya, berapakah tahap kelajuan untuk DMU ini setelah beroperasi? Kalau ikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi akan beroperasi pada suku ketiga tahun 2019. Akan tetapi persiapan untuk membaik pulih landasan dan infrastruktur yang berkaitan itu hanya akan siap pada penghujung tahun 2019. Adakah ini akan menjadikan perkhidmatan? Boleh atau tidak DMU ini beroperasi pada tahun 2019 ini?

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Perkhidmatan DMU ini walaupun setelah ujian dan percubaan selesai dan boleh beroperasi, terpaksa dikawal kerana jika penggunaan DMU ini dilakukan dan ditambah

perkhidmatannya, ia akan menjelaskan operasi untuk membaik pulih landasan itu. Jadi kita terpaksa mengutamakan pembaikan landasan dahulu sebelum perkhidmatan DMU ataupun tren-tren lain boleh kita pulihkan kepada tahap yang sebelumnya ataupun lebih daripada tahap yang sebelumnya. Itu yang kedua.

Pertama tentang kelajuan DMU. Saya mohon maaf, saya tidak ada statistik yang khusus dengan saya di sini tetapi jangkaan dan apa yang saya ingat adalah ia sekitar 100 kilometer per jam, lebih kurang begitu kelajuannya nanti.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Tumpat, jadi kita harap projek ini dapat disegerakan. Pertamanya, untuk membaiki jajaran Gemas ke Tumpat ini tergendala, lewatlah. Ia patut sudah lama siap. Jadi, adakah Timbalan Menteri yakin dapat siap hujung tahun? Apakah sebab kelewatan?

Keduanya, adakah kementerian melihat kepada daya maju *viability* perkhidmatan Kuala Lumpur ke Tumpat ini? Memandangkan kereta api Pantai Timur akan siap, ada juga saingan daripada jalan raya. Jadi, apakah masa depan perkhidmatan ini memandangkan saingan yang akan datang daripada beberapa *mode* pengangkutan yang lain ke Tumpat? Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jeli. Tentang ada segala usaha dan kontrak penambahbaikan dan kenaikan taraf laluan kereta api landasannya akan siap mengikut yang saya sebut tadi penghujung tahun 2019 ini. Apa yang saya dapat sebutkan ialah beberapa lanjutan masa telah diberikan, *extension of time* kepada tiga kontraktor atau tiga tahap-tahap utama yang proses penambahbaikan dan pembaikan landasan itu berlaku. Akan tetapi setakat ini, apa yang saya boleh sebutkan *extension of time* yang terakhir yang telah diberikan ialah supaya projek-projek ini siap sebelum akhir tahun 2000 ataupun pada penghujung tahun 2019. Kecualilah berlaku masalah lain.

Tentang yang keduanya berkaitan *viability*. Ini adalah sudah tentu perkara yang benar dan betul dan terpaksa diberi pertimbangan oleh KTMB sebagaimana jawapan saya kepada soalan yang awal tadi iaitu tentang sama ada permintaannya dan sebagainya munasabah. Keduanya, saya fikir secara umumnya pada dasarnya pertimbangan kementerian sama ada perkhidmatan kereta api ini boleh dibuka kepada syarikat-syarikat yang lain supaya unsur-unsur pertandingan dan sebagainya berlaku dan oleh itu perkhidmatan mungkin boleh menjadi bertambah baik. Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan ini sangat berkaitan dengan Tumpat, jadi Tumpat pohon diberi peluang satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya bagi tempoh 30 saat. Sila kemukakan soalan tambahan ketiga.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih di atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma persoalan yang perlu dijawab kepada masyarakat di Tumpat adalah perjalanan kereta api daripada Tumpat ke Gemas boleh berjalan.

■ **1110.**

Perjalanan kereta api daripada Gemas ke Kuala Lumpur, boleh berjalan. Kenapa tidak boleh ada perjalanan yang langsung daripada Tumpat ke Kuala Lumpur dan yang agak mendukacitakan sedikit rakyatnya apabila soalan yang saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri dalam sidang yang lepas, Yang Berhormat Menteri tidak tahu bahawasanya tidak ada perkhidmatan langsung daripada Tumpat ke Kuala Lumpur.

Jadi itu menjadi kebimbangan, maknanya bila tidak tahu ini ada kemungkinan makna belum ada usaha serius untuk mengembalikan perkhidmatan daripada Tumpat ke Kuala Lumpur sedangkan permintaannya cukup banyak kerana di Kelantan ini lebuh raya pun tidak sampai, pelabuhan pun tidak ada dan sebagainya. *Wallahualam*.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Tumpat. Sebagaimana jawapan saya pada soalan asal tadi, perkhidmatan ke Tumpat daripada Kuala Lumpur akan diberikan pertimbangan apabila laluannya selesai berlandaskan sebagaimana yang Yang Berhormat Jeli bayangkan tadi kepada bagaimana sambutan permintaan kepada perkhidmatan ini. Ini sudah tentulah terpaksa mengambil kira faktor-faktor tersebut.

Tentang sama ada perkhidmatan daripada Kuala Lumpur ke Tumpat itu boleh berlangsung sebagai satu perkhidmatan. Setakat ini oleh kerana landasan, oleh kerana jenis-jenis kereta yang digunakan sama ada DMU dan ETL itu berbeza ia belum lagi dapat kita uruskan dan belum lagi ada kepastian yang jelas, itu saya mesti akui.

Akan tetapi untuk maklumat tambahan Tuan Yang di-Pertua, saya boleh sebutkan bahawa walaupun perkhidmatannya tidak satu perkhidmatan sahaja daripada Kuala Lumpur ke Tumpat misalnya perkhidmatan yang sedia ada yang ditawarkan hanyalah melibatkan tempoh transit di Gemas selama 10 minit satu perkhidmatannya dan satu lagi perkhidmatan 57 minit iaitu kalau dalam ingatan saya jauh lebih singkat

tempoh transitnya berbanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan ekspres yang secara langsung sebelum ini. Itu maklumat yang saya peroleh.

5. **Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]** minta Menteri Industri Utama menyatakan usaha kementerian bagi menggalakkan penggunaan bahan mentah tempatan seperti getah dan kayu-kayan dalam pelbagai aspek.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Kementerian sangat menggalakkan penggunaan bahan mentah tempatan seperti getah dan kayu-kayan dalam pelbagai aspek termasuk pembangunan. Sehubungan itu antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kementerian bagi meningkatkan penggunaan getah tempatan adalah seperti berikut:-

- (i) meningkatkan penggunaan bitumen terubahsuai getah bekuan ataupun Cuplump Modified Board Bitumen (CMB) dalam pembinaan dan penyelenggaraan jaringan jalan raya sepanjang 200,000 kilometer di seluruh negara termasuk jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa;
- (ii) mempergiatkan kegiatan promosi produk-produk berasaskan getah Malaysia di peringkat antarabangsa oleh Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC). Ini termasuk kategori barang guna habis untuk perubatan ataupun *medical consumables* yang mempunyai potensi pasaran yang baik di negara-negara yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi seperti Amerika Syarikat dan Jerman; dan
- (iii) meningkatkan penggunaan getah dalam negara melalui penghasilan produk-produk baharu dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearing*, sarung tangan perubatan dan industri, *cateter* – itu tiub getah untuk pengaliran urin dan galas getah untuk kereta api dan jambatan dan lain-lain.

Rundingan juga sedang dilaksanakan untuk mempromosi potensi penggunaan komponen-komponen berasaskan getah bagi projek mega seperti *East Coast Rail Link* (ECRL).

Tuan Yang di-Pertua, antara usaha kementerian dalam meningkatkan penggunaan kayu-kayan tempatan adalah seperti berikut:-

- (i) menggalakkan penggunaan Skim Verifikasi Kayu (TBS) dalam meningkatkan keyakinan pengguna terhadap produk kayu-kayan tempatan dalam industri pembinaan. Dalam hal ini, sebuah anak syarikat telah ditubuhkan iaitu CTCS Worldwide Sdn. Bhd. bagi menggalas tanggungjawab berkenaan;
- (ii) menjalankan kajian bersama Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi perolehan data teknikal penggunaan kayu bagi struktur bangunan. Kajian ini adalah untuk menyokong penggunaan kayu-kayan tempatan melalui data-data teknikal yang diperoleh;
- (iii) melaksanakan aktiviti promosi dan pemasaran produk perkayuan tempatan melalui pameran, karnival dan seminar. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 26 pameran dan karnival jualan telah diadakan dengan menjana hasil jualan sebanyak RM20.69 juta. Bagi tahun 2019 pula, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menasarkan untuk menganjurkan 22 pameran dan karnival jualan bagi tujuan yang sama; dan
- (iv) meneruskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi dan pengkomersialan produk-produk perkayuan tempatan bagi memperkuuhkan sumbangan sektor industri perkayuan.

Sekian, terima kasih.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah apakah pendekatan dan inisiatif yang diambil oleh kerajaan untuk membantu pengusaha yang menggunakan bahan mentah tempatan seperti pengusaha perabot untuk menerokai pasaran eksport. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan telah selama ini sudah pun beberapa tahun kita mengehadkan pengeksportan kayu getah supaya ia boleh memenuhi keperluan industri perabot di Malaysia. Akan tetapi mulai 1 Julai tahun ini, kerajaan telah memberi kebenaran mengeksport kayu getah sektor huluan dengan kuota 50,000 padu meter sehingga Disember pada tahun ini dengan syarat syarikat pemprosesan kayu getah huluan telah membekalkan kepada sektor hiliran.

Jadi setiap syarikat hanya boleh eksport 3,000 padu meter sahaja. Jadi ini juga – kerana hanya kita had hany memberi kuota kepada 50,000 meter padu, jadi ia adalah berdasarkan *first comes, first serve*. Jadi bagi kementerian saya, kita selalu jaga keperluan sektor industri perabot dan kita hendak memastikan kayu getah yang cukup dibekalkan untuk industri perabot kita.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kerajaan seharusnya merancakkan kajian ataupun R&D bagi maksimumkan penggunaan getah terutama dalam bidang industri supaya kita dapat melonjakkan harga. Selain daripada kita memberikan perhatian kepada perkembangan industri hiliran.

Jadi soalan saya pada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya status perkembangan projek jalan raya CMB yang telah kita luluskan dalam Belanjawan 2019. Keduanya, apakah kedudukan tentang penemuan kita membuat *seismic bearing* sebagai penampang getah untuk kegunaan bangunan dan juga digunakan sekarang di Jambatan Pulau Pinang. Selain daripada itu kerajaan negara kita tidak ada menggunakan bahkan permintaan ini luas banyak di luar negara. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih soalan dari Yang Berhormat Jasin. Memang saya setuju sangat bahawa yang kontraktor kita khususnya kontraktor JKR haruslah guna bahan mentah tempatan seperti kayu-kayan dan juga seperti getah. Saya memang sangat sokong pandangan Yang Berhormat tentang kita haruslah meningkatkan lagi penyelidikan terhadap getah di negara kita. Oleh itu sebabnya sekarang Lembaga Getah Malaysia mereka tengah merancang macam manakah alihkan fokus lembaga itu untuk menumpukan kepada penyelidikan, R&D kerana Malaysia pernah yang sangat bangga atas *research*, penyelidikan kita ini atas produk getah kita.

Sebenarnya tentang *seismic bearing* memang saya sudah menggalakkan dan saya memang berharap yang ECRL dan juga projek-projek besar, projek-projek mega di negara kita ini akan menggunakan *seismic bearing* kerana ramai masih tidak tahu bahawa kita memang dalam mengeksport *seismic bearing* ke banyak negara dan Malaysia haruslah menjadi negara yang menggunakan ini khususnya kita juga berhampiran dengan rantau macam Indonesia yang selalu berlakunya gempa bumi dan *seismic bearing* ini memang amat diperlukan. Sekian, terima kasih.

6. **Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan hasil daripada perbincangan Majlis Tindakan Ekonomi dan apakah langkah drastik yang telah diambil bagi memacu kembali ekonomi negara.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi..

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Menteri mana, Menteri?

■1120

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Yang Berhormat Menteri masih lagi di Vienna Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya teruskan dengan jawapan ya. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi pada 11 Februari 2019. Matlamat utama EAC adalah untuk merancakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, memastikan pengagihan kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. EAC akan memberi tumpuan khusus kepada isu-isu kritikal seperti mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat. EAC adalah satu badan yang bersifat *action oriented* dalam menyelesaikan isu tersebut. Sejak ditubuhkan, EAC telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga kali. Mesyuarat seterusnya dijadualkan pada 8 Julai 2019.

Antara langkah yang telah diputuskan bagi pelaksanaan segera untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat adalah seperti berikut:-

Bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan merancakkan pelaburan swasta khususnya dalam industri pembinaan, EAC memutuskan supaya proses permohonan dan kelulusan permit pembinaan sedia ada, dikaji semula. Sehubungan ini, Ketua Setiausaha Negara dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang berkepentingan, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal yang berkaitan bagi menambah baik proses urusan mendapat permit pembinaan. Sasaran kerajaan adalah untuk memendekkan tempoh proses urusan mendapatkan permit pembinaan dari 390 hari kepada 90 hari sahaja;

Bagi memacu agenda produktiviti negara secara menyeluruh dalam usaha untuk meningkatkan daya saing Malaysia, EAC bersetuju supaya Majlis Produktiviti Negara atau *National Productivity Council (NPC)* diaktifkan semula. Ini adalah selari dengan *Blueprint* Produktiviti Malaysia atau *Malaysia Productivity Blueprint*. EAC juga memutuskan keahlian baharu NPC dilantik daripada wakil industri yang berpengalaman dan berkepakaran bagi meningkatkan produktiviti di semua peringkat. Keahlian baharu NPC akan diumumkan setelah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku Pengerusi NPC;

EAC telah memutuskan supaya pendapatan pesawah ditingkatkan. Dalam hubungan ini, langkah segera dilaksanakan selaras dengan hala tuju baharu industri padi dan beras di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) melaksanakan program dan model penyatuan tanah yang menarasarkan pembangunan kawasan jelapang padi yang berproduktiviti rendah. Ini bagi memastikan hasil padi dapat ditingkatkan;
- (ii) menggalakkan penanaman *variety* padi baharu dan bernilai tinggi seperti padi wangi dan padi pulut; dan,
- (iii) melaksana program tanaman selingan atau alternatif di bawah projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan projek-projek di bawah Jabatan Pertanian dengan memberi tumpuan kepada tanaman yang boleh menjana pendapatan pesawah dalam masa yang singkat atau *cash crop*.

Kerajaan yakin pelaksanaan langkah-langkah segera ini dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. EAC juga mengalu-alukan input dan cadangan daripada semua pihak untuk dipertimbangkan dalam usaha kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat, demi kemakmuran bersama. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun dijawab dengan panjang lebar, tetapi sejak Majlis Tindakan Ekonomi ditubuhkan, negara dan rakyat dihidangkan hampir saban bulan dengan berita-berita ekonomi yang begitu suram, yang cukup meresahkan.

Kita dengar pada bulan 4, FTSE Russell hendak keluarkan kita daripada indeks bon dunia. Terbaru kita dengar Petronas *downgraded my Moody's* dan yang paling baru adalah Bank Dunia pada 1 Julai telah melakukan *another downward revision*. Dahulu

daripada 5.3 peratus, 4.8 peratus pada 2018 dan yang terbaru adalah 4.7 peratus. Suatu signal yang amat merisaukan. Respons daripada Yang Berhormat Menteri melalui *teleconferencing* daripada Vienna mengatakan, bahawa kerajaan akan belanja RM45 bilion untuk 4,000 projek pembangunan.

Akan tetapi yang kedua ini merisaukan iaitu kerajaan akan mengemukakan cadangan untuk meningkatkan pungutan cukai pendapatan peribadi. Ini adalah soalan yang saya rasa amat wajar diketahui oleh semua. Ini kerana, adakah kerajaan ini melihat bahawa *the collection of personal income tax as a income center* kepada kerajaan sebagai satu *income center* yang utama sedangkan banyak negara maju telah *migrate* daripada hanya *relying on income tax?* Adakah ini juga merupakan satu pengakuan bahawa pemansuhan GST itu merupakan satu kesilapan? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali, apa yang saya jelaskan dalam jawapan tadi adalah berdasarkan soalan berkaitan apa yang dilakukan oleh kerajaan dalam konteks EAC. Ini tidak bermakna bahawa tidak ada langkah-langkah lain yang dilakukan oleh kerajaan dalam menangani cabaran ekonomi semasa. Jika kita lihat isu yang dihadapi, isu pertumbuhan ekonomi itu sendiri dihadapi di seluruh dunia dan ini adalah cabaran yang dihadapi oleh hampir seluruh negara terutamanya apabila wujudnya *trade war* di antara Amerika Syarikat dan China. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa pertumbuhan ekonomi negara adalah pada kadar 4.7 peratus yang mana masih lagi di dalam lingkungan sasaran yang kita tetapkan iaitu antara 4.3 peratus hingga 4.8 peratus.

Menjurus kepada soalan berkaitan dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan cukai, itu saya tidak ada maklumat yang mendalam dengan saya pada waktu ini dan izinkan saya menjawab lebih lanjut melalui ...

Dato' Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Ini ucapan Yang Berhormat Menteri sendiri. Ucapan Menteri, *the one who mentioned that.*

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Itu maksud saya tadi, secara mendalam penjelasan tersebut, saya akan berikan secara bertulis supaya lebih spesifik dan konteksnya lebih betul. Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak pacu pertumbuhan ini, ada dua sumber. Satu kerajaan, yang kedua swasta. Dalam pandangan Yang Berhormat, ada atau tidak ruang fiskal ataupun *fiscal space* dalam tahun ini, tahun depan, tahun 2021 untuk melonjakkan pencapaian ataupun melonjakkan perbelanjaan kerajaan bagi memacu pertumbuhan ekonomi? Keduanya,

apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan sentimen swasta bagi mengerakkan pertumbuhan ekonomi dalam negara kita? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Saya jawab soalan kedua terlebih dahulu ya tentang usaha kerajaan untuk meningkatkan penglibatan pihak swasta. Itulah seperti mana saya sebutkan tadi bahawa antara yang ditekankan dalam EAC adalah untuk *facilitate* dalam kes saya sebut tadi adalah tentang industri pembinaan. Maka kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan pelaburan swasta, selain daripada cuba memberikan inisiatif-inisiatif, mempertingkatkan inisiatif yang ada, kerajaan juga memberi tumpuan kepada fasilitasi, memudahkan pelaburan swasta dalam pelbagai konteks, termasuklah apabila terdapat keperluan dalam kelulusan permit dan sebagainya, menjadikannya lebih efisien. Itu tentang soalan kedua.

Tentang soalan pertama, berkaitan dengan *fiscal space*. Kerajaan masih ada *fiscal space* untuk bergerak dalam konteks ini. Akan tetapi apa yang kita perlu maklum, apa yang berlaku, apa yang ditinggalkan oleh kerajaan sebelum ini, memberi penekanan yang besar atau memberi tekanan yang besar kepada kerajaan pada hari ini dalam konteks *fiscal space*. Apa yang kita buat contohnya dalam menyelamatkan FELDA itu sendiri, RM6.23 bilion peruntukan kerajaan untuk menyelamatkan FELDA. Setiap peruntukan untuk menyelamatkan institusi-institusi ini termasuklah LTAT, Lembaga Tabung Haji dan sebagainya, akan memakan *fiscal space* tersebut.

Jadi kita sebagai sebuah kerajaan yang mengambil alih sebuah kerajaan yang ditinggalkan dengan pelbagai isu, maka *fiscal space* itu adalah agak terhad. Akan tetapi kita yakin dengan usaha yang dibuat oleh kerajaan, kita masih mampu mencapai hasrat atau untuk mencapai *target fiskal* seperti mana yang ditetapkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di antara langkah-langkah yang dilihat, diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara adalah meneruskan projek-projek mega yang dikaji semula pada awalnya. Di antara projek yang diumumkan sebelum ini adalah projek pembinaan jambatan Labuan.

■1130

Jadi, adakah kerajaan bersedia untuk menyokong dan memudahkan sekiranya ada pelabur asing ataupun FDI yang ingin melaksanakan projek tersebut?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pertama sekali, saya tidak mempunyai maklumat tentang spesifik projek tersebut. Saya akan rujuk dengan jawapan bertulis.

Keduanya, dalam apa-apa projek yang ingin diluluskan oleh kerajaan, antara perkara yang dipertimbangkan adalah *viability of the project*. Maknanya sama ada projek itu boleh menjana hasil yang mencukupi untuk membolehkan ia bukan saja dibina tetapi juga diteruskan penggunaannya dan penyelenggaraan projek-projek tersebut. Sekian, terima kasih.

7. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) berapa efektif langkah penerbangan tambahan bagi menurunkan tambang udara domestik semasa musim perayaan yang diumumkan pada Ogos 2018 dengan statistik terkini; dan
- (b) adakah pelan lain untuk terus mengurangkan tambang udara domestik yang tinggi berterusan pada musim puncak.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sandakan yang bertanyakan tentang berapa efektif penerbangan tambahan di musim perayaan dan apakah ada pelan-pelan yang lain.

Untuk perhatian dan pengetahuan Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, langkah untuk mewujudkan penerbangan tambahan bagi menurunkan tambang udara domestik semasa musim perayaan seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun lalu telah berjaya mengatasi masalah kenaikan yang melampau harga tambang terutamanya pada musim perayaan.

Kementerian Pengangkutan telah mendapatkan komitmen syarikat-syarikat penerbangan untuk menambah jumlah penerbangan semasa Tahun Baru Cina tahun ini dan telah memperluaskan pelaksanaannya sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Keamatan baru-baru ini.

Semasa perayaan Tahun Baru Cina tahun ini, jumlah penerbangan berjadual tambahan telah diluluskan oleh Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (MAVCOM) adalah sebanyak 376 menjadikan jumlah keseluruhan penerbangan sebanyak 2,050 berbanding tahun lepas sebanyak 1,674.

Susulan daripada penambahan penerbangan ini, harga tiket penerbangan secara puratanya telah menurun antara 19.8 peratus sehingga 57 peratus berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018 bergantung, sudah tentunya, pada waktu tempahan tiket dibuat.

Manakala semasa Pesta Keamatan, Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini, jumlah penerbangan berjadual telah meningkat sebanyak 864 menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 5,240 berbanding tahun lepas sebanyak 4,376.

Susulan daripada penambahan penerbangan tersebut, harga tiket penerbangan bagi tujuh daripada 10 laluan yang dipantau oleh MAVCOM secara puratanya telah menurun antara 12.7 peratus sehingga 74.9 peratus berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018. Sekali lagi, ia bergantung kepada waktu tempahan tiket dibuat.

Walau bagaimanapun, terdapat tiga laluan yang menunjukkan kenaikan harga tambang semasa Pesta Keamatan, Hari Gawai dan Hari Raya baru-baru ini berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. Laluan-laluan tersebut ialah Kuala Lumpur – Sandakan, Kuala Lumpur – Tawau dan Johor Bahru – Sibu masing-masing dengan purata kenaikan sebanyak 10.48 peratus, 57.6 peratus dan 21.78 peratus.

Berdasarkan pemantauan oleh MAVCOM, harga tambang penerbangan yang ditawarkan adalah lebih rendah bagi laluan Kuala Lumpur – Sandakan dan Johor Bahru – Sibu sekiranya tiket dibeli di dalam tempoh antara sebulan dan dua bulan lebih awal. Situasi ini berlaku mungkin disebabkan oleh faktor ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan yang disediakan.

Sehubungan itu, pada musim perayaan yang akan datang, syarikat penerbangan akan diminta supaya menambah kekerapan penerbangan bagi laluan-laluan berkenaan. Secara amnya, tawaran harga tiket penerbangan akan lebih murah, sekali lagi, sekiranya ia ditempah lebih awal.

Memandangkan langkah untuk mewujudkan penerbangan tambahan didapati berjaya mengurangkan harga tiket penerbangan khususnya pada musim perayaan, maka untuk jawapan bahagian kedua, kerajaan akan terus mengguna pakai kaedah ini pada masa hadapan. Pihak kementerian akan hanya mempertimbangkan semula cadangan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai bagi tambang tiket penerbangan domestik sekiranya kaedah untuk menambah penerbangan tambahan tidak berjaya menyelesaikan masalah kenaikan harga tambang semasa musim perayaan.

Sehubungan ini, pihak kerajaan akan terus menggalakkan dan memudah cara semua syarikat penerbangan termasuk Malaysia Airlines Berhad, Malindo Air dan AirAsia untuk menambah bilangan penerbangan sempena musim perayaan dengan mengambil pendekatan untuk menambah bekalan (*supply*), dengan izin, kepada

pengguna maka permintaan (*demand*), dengan izin, yang besar dapat dipenuhi dan harga tambang dapat dikawal tanpa perlu campur tangan kerajaan untuk menetapkan harga siling dan harga lantai dalam bentuk peraturan atau arahan.

Dalam hubungan ini, kerajaan akan terus memantau harga tiket kapal terbang dan sekiranya terdapat unsur manipulasi harga atau penetapan harga yang melampau oleh syarikat penerbangan, maka Kementerian Pengangkutan melalui MAVCOM akan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya untuk melindungi pengguna serta memastikan wujudnya persaingan yang sihat di kalangan pemain industri penerbangan awam negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan ini hendak menegur Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan supaya beri perhatian kepada setiap jawapan yang diberi. Kalau hendak bersempang, hendak berbincang, boleh sembang di luar Dewan. Terima kasih.

Soalan tambahan yang pertama. Saya jemput Yang Berhormat Sandakan.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih MOT kerana bekerja keras pada musim perayaan. Kerja *overtime*, *skipping precious time with your family*.

So soalan saya adalah adakah pihak kerajaan akan mendesak syarikat penerbangan untuk menjalankan tanggungjawab sosial seperti memperkenalkan diskauan *air ticket* kepada pelajar seperti 50 percent sekurang-kurangnya sekali setahun?

Sebab, pada dua minggu lepas, seorang pelajar perempuan datang ke ofis saya untuk mendapatkan pertolongan dengan tambang *air ticket* ke Kuala Lumpur untuk menghadiri universiti semester terakhir. Saya diberitahu bapanya seorang nelayan, keluarga golongan B40. Ia menyakitkan hati saya sangat.

Jadi saya ingin menekankan kepada Yang Berhormat bahawa pengangkutan udara di Sabah bukan saja untuk *tourism* atau *business* tetapi ia adalah satu keperluan harian. Sila pertimbangkan *ceiling price* untuk tiket penerbangan terutamanya pada musim perayaan juga. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Berkenaan dengan potongan untuk pelajar, oleh kerana suasana perniagaan yang terbuka dan bebas ini, ia belum lagi sampai kepada tahap yang mana kerajaan perlu ataupun merasakan terdesak untuk memaksa ataupun mengenakan syarat ini.

Walau bagaimanapun, dalam konteks perniagaan terbuka yang sama, Syarikat Malaysia Airlines Berhad (MAB) telah pun menawarkan potongan harga 20 peratus kepada pelajar di seluruh negara dan dalam semua penerbangan domestik ataupun antarabangsa dan ditambah lagi dengan bagasi lebih 10 kilogram. Juga, bukan sahaja pelajar-pelajar tetapi keluarga pelajar dan sahabat-sahabat pelajar juga diberikan potongan 20 peratus ini. Jadi saya harap dalam Majlis ini, syarikat-syarikat lain juga mengambil kira tanggungjawab mereka sebagaimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Sandakan.

Begitu juga tentang penetapan harga. Sebagaimana saya jelaskan tadi, kita telah beberapa kali menyebutkan bahawa penetapan harga siling atau lantai akhirnya tidak akan menguntungkan pengguna kerana kajian MAVCOM di kalangan negara-negara yang mengamalkan penetapan harga, akhirnya harga-harga purata sebenarnya akan menjadi lebih tinggi berbanding dengan jika dasar untuk menetapkan harga ini tidak dilakukan. Terima kasih.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harga tiket penerbangan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak saya rasa boleh diatasi jika kerajaan menetapkan harga siling tiket penerbangan domestik.

Soalan saya, adakah kaedah harga tambang domestik menjelaskan industri pelancongan domestik dan apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa harga penerbangan tidak akan menjelaskan kehadiran pelancongan ke Malaysia terutama sekali di Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

■1140

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Kajian yang dilakukan oleh MAVCOM menunjukkan bahawa penggunaan kapal terbang dan penerbangan ini sangat-sangatlah dinamik. Sudah tentu apabila tiket yang tambangnya tinggi, maka ia akan mendedak penumpang-penumpang yang tidak memerlukan penerbangan untuk menangguhkan atau langsung tidak menggunakan penerbangan. Akan tetapi jika ia melibatkan penumpang yang memang berhasrat atau ada urusan kerja untuk menggunakan penerbangan, mereka akan gunakan penerbangan. Sama ada ini akan menjas pelancongan seperti mana yang dibayangkan, setakat ini ianya tidaklah memberikan kesimpulan ataupun keadaan seperti mana yang di bimbang itu. Akan tetapi sudah tentu kerajaan, kementerian, dan syarikat-syarikat penerbangan, telah dan akan terus mengambil kira tentang faktor-faktor ini untuk memastikan bahawa penggunaan penerbangan awam akan bertambah meningkat.

Tentang soal penetapan harga, setakat ini sebagai mana yang saya sebutkan tadi kerajaan terbuka tentang itu tetapi kajian masih lagi menunjukkan bahawa penetapan harga tidak akan menjadikan akhirnya harga tambang itu lebih murah kepada penumpang sebaliknya lebih tinggi berlandaskan kepada kajian yang dilakukan oleh sebuah negara jiran kita yang kita tidak perlu sebutkan nama negara tersebut. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pertama sekali mengucapkan tahniahlah kepada *rescheduling* yang sekarang inilah. Tahniah kepada MAVCOM dan Kementerian Pengangkutan. Jadi sekarang di Limbang Yang Berhormat Menteri, sudah ada tiga *direct flight* dari Kuching dan harganya jauh lebih rendah kalau kita guna *connection* melalui hab di Miri. Jadi saya bagi pihak rakyatlah dan saya perhatikan *direct flight* ini sekarang lebih banyak, *full*, orang lebih berminat daripada yang *hooping through* Miri.

Soalan saya, dapatkah Kementerian Pengangkutan berunding supaya dapat menambah sekurang-kurang satu lagi *direct* antara Limbang dengan Kuching ini. *I think is more beneficial to the rakyat* dan harga dia itu yang menarik minat pengguna dan *volume* pun saya nampak sekarang ini bertambah untuk *direct flight*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Limbang. Kita sudah tentu ambil perhatian cadangan dan pandangan Yang Berhormat yang saya kenal lama dan amat komited tentang kebaikan masyarakat khususnya pengundi-pengundinya di Limbang itu sudah tentu saya akan bawa hasrat beliau ini untuk pemerhatian syarikat penerbangan yang berkaitan. Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua minta tambah Tuan Yang di-Pertua satu, penting ini Tuan Yang di-Pertua, penting sangat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hanya boleh bagi maksimum tiga sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Satu sahaja.

8. **Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa jumlah tenaga kerja negara yang terkini dan jumlah tenaga kerja asing mengikut sektor serta berapakah jumlah yang telah dihantar pulang pada tahun 2018 dan 2019.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Berdasarkan kepada laporan penyiasatan tenaga buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah tenaga kerja sehingga suku tahun pertama 2019 adalah sebanyak 2,059, 000 orang. Penggajian pekerja asing di negara kita diluluskan untuk pekerjaan tertentu dalam enam sektor iaitu:

- (i) sektor pembinaan;
- (ii) pertanian;
- (iii) perladangan;
- (iv) perkilangan;
- (v) perkhidmatan dan
- (vi) pembantu rumah asing.

Kerajaan juga menetapkan hanya negara tertentu sahaja yang boleh dijadikan negara sumber untuk mendapatkan pekerja asing di mana terdapat 13 negara yang dibenarkan iaitu Bangladesh, Cambodia, China, Filipina, India, Indonesia, Laos, Myanmar, Nepal, Pakistan, Sri Langka, Thailand dan Vietnam. Berdasarkan laporan penyiasatan tenaga buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi suku tahun pertama 2019, lima negara dengan jumlah tenaga kerja asing tertinggi di Malaysia adalah seperti berikut:

NEGARA	JUMLAH PEKERJA
Indonesia	712,000
Bangladesh	567, 000
Nepal	331, 000
Myanmar	120, 000
India	118,000

Untuk makluman setiap orang di Dewan yang mulia, setiap pekerja asing yang ingin pulang ke negara asal perlu mendapatkan Memo Periksa Keluar (*Check Out Memo* - COM). Dalam hal ini majikan bertanggungjawab untuk menguruskan permohonan COM pekerja asing dan hendaklah memastikan pekerja asing pulang pada tarikh yang ditetapkan dalam COM melalui pintu keluar yang dipohon. Sekiranya majikan tidak memohon, COM bagi pekerja asing yang dihantar pulang ke Negara asal pekerja tersebut dianggap masih bekerja dan berada di tanggungan majikan tersebut. Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, sejumlah 255, 160 orang telah keluar mengikut *Check Out Memo* telah dikeluarkan untuk penghantaran pulang pekerja asing di negara asal bagi tahun 2019. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Sepatutnya tiada diskriminasi dalam kita melayani pekerja tempatan ataupun asing. Namun, pelbagai faedah diperoleh oleh pekerja asing. Saya ingin tahu apakah faedah-faedah yang diperolehi oleh mereka? Apakah faedah baru yang diberikan oleh kerajaan hari ini kepada pekerja asing? Saya juga ingin tahu, berapakah jumlah pengaliran keluar wang negara hasil daripada pendapatan pekerja asing di negara kita pada tahun lepas? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa galakan tertentu diberi kepada pekerja asing. Hanya yang dibuat adalah mengikut undang-undang yang sedia ada. Akta Pekerja 1955 menyifatkan tidak ada diskriminasi di antara pekerja asing dan pekerja dalam negara ini. Kita perlu tahu mengenai perkara ini tetapi apa yang menjadi masalah ialah pekerja asing kerap kali sudi untuk bekerja *overtime* bermakna pendapatan mereka lebih dari pekerja dalam negara ini. Ini menjadi satu masalah kerana menunjukkan bahawa kita memberi perhatian kepada pekerja asing. Ini tidak benar langsung. Kita memberi keutamaan kepada semua rakyat Malaysia. *Malaysian are the first choice* dalam hal ini. Terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan mesyuarat]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat bahawa di negara kita sekarang terdapat banyak sangat pekerja-pekerja asing di mana kalau dahulu kita selepas selesai SPM, saya sendiri pernah bekerja sebagai seorang *petrol pump attendant* dengan izin. Sekarang kita lihat kerja itu pun, orang Malaysia tak boleh dapat kerana kerja itu pun, pekerja-pekerjanya adalah warganegara asing. So, semua masalah yang kita hadapi sekarang adalah lambakan pekerja asing kebanyakannya disebabkan oleh polisi kerajaan yang terdahulu.

Soalan saya adalah adakah kerajaan sekarang berhasrat untuk menukar polisi tersebut di mana kerja-kerja sebegini kita beri tumpuan dan perhatian kepada melatih warganegara Malaysia supaya mereka dapat menjalankan kerja-kerja ini. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, satu soalan yang tepat. Kerajaan baru ada dasar-dasar yang tertentu. Satu di antaranya untuk mengurangkan pergantungan pekerja asing adalah memberi inisiatif supaya anak-anak kita melanjutkan *short term courses* di TVET di negara ini di mana serta-merta mereka boleh dapat kerja di merata-rata tempat. Dikatakan 94 peratus keluaran anak-anak kita

dari TVET serta-merta mendapat kerja. Sistem yang kita ada, kita sudah ada langkah-langkah yang sedang dibuat untuk mengurangkan pergantungan untuk pekerja asing di antaranya mempromosi dan memudah cara peluang penempatan pekerja melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja, menetapkan *ratio* pekerja tempatan dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada tempatan, mengutamakan *exit policy* kepada penggajian pekerja asing dengan menyediakan Pelan Latihan Kemahiran kepada pekerja tempatan seperti yang saya kata sebelum ini. Ini adalah satu di antara dasar-dasar baru yang dibuat oleh kerajaan. Terima kasih.

9. **Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan status terkini tentang prestasi atlet wanita yang melibatkan sukan secara berkumpulan seperti bola sepak, takraw dan bola keranjang, adakah seimbang dengan pasukan lelaki.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan wanita pada negara dapat dilihat dalam pelbagai bidang termasuklah arena Sukan Negara. Selain atlet perseorangan wanita yang masyhur seperti Datuk Nicol David, Pandalela Rinong, Siti Zalina Ahmad, Farah Ann dan sebagai nya, atlet-atlet wanita secara berkumpulan juga turut mempamerkan prestasi cemerlang di persada antarabangsa.

■1150

Pasukan sepak takraw wanita diletakkan di bawah program podium kendalian MSN dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Malaysia. Pasukan ini telah menunjukkan pencapaian-pencapaian yang membanggakan di kejohanan-kejohanan seperti ASTAF atau *Asian Championships 2019* di mana mereka mendapat pencapaian pingat perak, *Road To Asian Games 2018* di mana mereka berjaya meraih pingat perak, temasya Sukan SEA di mana mereka berjaya meraih perak dan gangsa dan juga *ISTAF World Cup* di mana mereka berjaya meraih pingat gangsa.

Pasukan bola keranjang wanita juga mengikuti latihan di bawah program podium bagi menghadapi temasya Sukan SEA 2019. Pasukan ini berjaya meraih pingat emas untuk kontinen negara di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur dan juga Sukan SEA Singapura 2015. Pada tahun 2017, pasukan wanita ini menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan menjadi naib johan di kejohanan FIBA 3x3 Asia Cup 2017 di Mongolia.

Bagi sukan bola sepak wanita, pasukan ini dikendalikan sepenuhnya oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia. Pasukan ini telah menyertai Kejohanan Piala AFF *Women's Championship* di Myanmar namun tidak melepas peringkat kalah mati atau pun *knockout stage*. Bagi penyertaan di temasya pula, pasukan negara pernah menyertai temasya Sukan SEA di Myanmar dan menamatkan saingannya di tempat keempat.

Skuad hoki wanita negara juga mempamerkan aksi yang cemerlang setelah mengakhiri kempen kejohanan Siri Final Wanita FIH 2019 Ireland di tempat yang ketiga. Bagi penyertaan di temasya pula pasukan wanita ini juga merupakan penyumbang pingat emas yang konsisten di temasya Sukan SEA. Pasukan ini juga masih mempunyai peluang untuk memburu tempat di kelayakan akhir Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Secara keseluruhannya tumpuan yang diberikan kepada pasukan lelaki dan wanita adalah berdasarkan kepada prestasi dan pencapaian sukan tersebut. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara memberi penekanan kepada prestasi atlet berdasarkan sasaran pingat di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan ASIA dan Sukan SEA. Manakala bagi sukan-sukan yang tidak dipertandingkan di peringkat Olimpik pula, kementerian akan menjadi perhatian kepada kejohanan-kejohanan berprestij di peringkat antarabangsa.

Malah, kementerian juga dalam perancangan menyediakan garis panduan mengarusperdanakan gender atau dikenali sebagai *gender mainstreaming* dalam sukan bertujuan memperkasa dan menggalakkan lebih ramai wanita menceburi bidang sukan sekali gus mencapai kejayaan di arena ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya juga hendak mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet wanita yang telah pun mengharumkan nama di luar negara termasuklah pasukan *rugby* wanita yang telah pun menjadi juara trofi Asia dan juga pasukan *dodgeball* yang mana saya sendiri menjadi presidennya yang telah pun mendapat tempat nombor empat dunia setelah negara Australia, England dan juga Austria.

Soalan saya sebagai salah satu Indeks Prestasi Utama (KPI) kementerian adalah untuk melahirkan dan juga mendapat lebih banyak penyertaan atlet-atlet wanita di dalam sukan. Bagaimanakah pihak kementerian membantu agar atlet wanita ini yang berhadapan dengan pelbagai faktor ataupun risiko yang boleh merencangkan prestasi mereka seperti faktor keluarga, faktor kerjaya dan juga kurangnya pendedahan media

kepada mereka? Saya ingin tahu bagaimanakah pelan untuk pihak kementerian membantu mereka ini? Terima kasih.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Pertama sekali saya kena ucapan tahniah juga kepada Yang Berhormat Masjid Tanah kerana berjaya mengepalai pasukan *dodgeball*, menguruskan, membantu dan sentiasa prihatin dalam mengetengahkan masalah mereka sekian lama. Saya rasa perlu ada lebih banyak yang prihatin dalam membantu persatuan-persatuan sukan.

Dari segi dasar *gender mainstreaming* ini untuk makluman Yang Berhormat, kami akan mengumumkan pelan yang menyeluruh pada bulan Disember akhir tahun ini. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana kalau kita lihat peruntukan dan juga daripada segi latihan di mana mereka diserapkan dalam program podium atau di bawah program MSN di mana mereka ditaja penuh atau diberikan tajaan separuh masa di bawah program MSN agak kurang. Sebagai contoh daripada segi *women's rugby* yang prestasinya sangat baik tetapi perlu diserapkan lagi khususnya daripada segi pelapis pada umur yang muda untuk mereka disediakan. Futsal wanita dan juga pasukan bola sepak wanita di mana peruntukannya tidak sampai pun *one ten* dengan izin peruntukan yang diberikan kepada kumpulan pasukan lelaki.

Salah satu prinsip yang kita akan guna pakai adalah untuk mengikut *title nine* dengan izin yang diguna pakai di Amerika Syarikat pada pertengahan tahun 1980 yang telah pun berjaya melonjakkan prestasi kumpulan-kumpulan wanita di mana daripada peringkat sekolah, universiti dan juga MSN versi Amerika Syarikat perlu memberikan lebih banyak tumpuan dan juga peruntukan yang setimpal ataupun dengan izin *equitable distribution*, sama dengan kumpulan-kumpulan lelaki yang lain.

Kami berharap pada tahun memang kita akan lancarkan perkara ini dan kita ingin pastikan *gender mainstreaming* itu dapat direalisasikan sebaik mungkin. Pada masa yang sama saya akan berikan komitmen di sini untuk menyertakan pandangan dan juga Yang Berhormat kalau boleh bersama dalam perancangan ini saya agak yakin kita dapat mencari titik pertemuan untuk ke hadapan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan kedua Yang Berhormat Paya Besar.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Rantau Panjang.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi sebelum itu, saya ingin membuat sedikit makluman. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi dari *Islamic Consultative Assembly of the Islamic Republic of Iran [Tepuk]* yang diketuai oleh *His Excellency Ahmad Salek Deputy Head of the Cultural Affairs Committee. [Tepuk]* Kepada *His Excellency Mr. Ahmad Salek*, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran semua mereka ke Dewan yang mulia ini. Semoga dengan kehadiran *His Excellency Ahmad Salek* dan delegasinya ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan antara Parlimen Malaysia dengan Parlimen Iran. So, very warm welcome to the delegations from the Iran Cultural Affairs Committee. Silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, walaupun saya agak tersinggung dengan apa yang berlaku semalam tetapi saya tetap juga bangun untuk bertanyakan soalan tambahan buat Kementerian Belia dan Sukan. Pertamanya, adakah prestasi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi melibatkan Sukan Paralimpik dan bagaimana atlet wanita di Paralimpik dapat bersaing prestasinya sama dengan atlet wanita dalam sukan-sukan yang biasa?

Keduanya, e-sport, e-sport ini bagaimana kementerian mengambil kira peranan atlet wanita? Adakah Sukan SEA yang akan datang ini ada melibatkan atlet wanita untuk kita bertanding lima pingat di Sukan SEA di Filipina? Terakhirnya, adakah juga selaras pindaan semalam Yang Berhormat Menteri akan menetapkan umur atlet kepada hanya 30 tahun ke bawah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya tidak tahu bagaimana saya boleh menyindir perasaan Yang Berhormat Paya Besar, semalam semasa sesi debat ruang dibuka seluas-luasnya dan saya rasa sekurang-kurangnya saya 10 ke 15 minit lah menjawab soalan yang datang daripada Yang Berhormat. Akan tetapi tidak apa, itu pandangan masing-masing.

Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat ada dua perkara. Pertama, berkenaan suka e-sport dan keterlibatan wanita. Memang mereka dilibatkan dan ada penekanan khusus untuk melatih lebih banyak wanita untuk mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh baru-baru ini sahaja berkumpulan wanita dalam CS:GO telah pun berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa di mana mereka jadi johan peringkat Asia dan Asian dan akan mewakili

Malaysia di Eropah dalam tempoh yang terdekat. Ada juga pasukan-pasukan yang lain yang turut serta. *This is an all-women's team* dengan izin.

Persoalan yang kedua berkait rapat dengan kejayaan wanita dalam sukan Paralimpik teramat banyak khususnya daripada beberapa jenis sukan dan apabila kita hendak lakukan *gender mainstreaming* ini dengan izin pada tahun yang akan datang penekanan yang sama diberikan juga kepada Sukan Paralimpik juga. Dasar-dasar ini akan kita kemukakan kepada umum pada bulan 12 akhir tahun. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Satu lagi soalan Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan wanita.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih. Saya ingin tahu pihak kementerian, apakah dasar patuh syariah akan diperkenalkan kepada semua atlet wanita? Sebab kita melihat prestasi atlet tidak terjejas dengan berpakaian menutup aurat. Jadi sekiranya pihak kementerian dapat melaksanakan dasar ini adalah satu yang sangat terbaik untuk meningkatkan lagi kualiti sukan terutama di kalangan atlet Malaysia. Minta penjelasan.

■1200

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Untuk makluman Yang Berhormat Rantau Panjang, pada kali ini kita telah pun tidak lagi memusatkan kuasa hanya di bawah Majlis Sukan Negara. Sekarang ia juga telah pun dikembalikan semula di peringkat negeri. Juga di negeri Terengganu, juga di negeri Kelantan di bawah pentadbiran kerajaan negeri masing-masing untuk memastikan bahawa kita dapat menguruskannya bersama dan membangunkan sukan bersama.

Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat khususnya dari segi pakaian patuh syariah. Pendirian rasmi kerajaan kalau ada mana-mana pihak ingin menasihati, itu tiada masalah tetapi untuk memaksa atlet-atlet kita untuk memakai pakaian mengikut syariah, itu terletak di tangan mereka. Proses untuk menasihati kita terbuka kepada semua. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan. Sebelum kita teruskan, ada sedikit pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri Industri Utama. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam Sayangi Kokoku. Hari ini Lembaga Koko Malaysia ada satu pameran. Semua dijemput untuk menikmati coklat yang dihasilkan oleh Malaysia yang mana lebih baik daripada luar negara. Di sini boleh dapat ubat gigi buatan koko dan juga sabun buatan koko dan juga coklat buatan koko. Jadi, semua dijemput boleh dapat *free* dan saya berharap produk-produk ini boleh dieksport ke pasaran Iran mungkin pada masa depan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Layak jadi *sales girl*-lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya pamer juga barang-barang iklan daripada saya? Parlimen ini pelik.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat, tidak bolehlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ada industri buluh yang saya hendak perkenalkan nanti. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat hendak sebut lembu tetapi tidak apalah ya. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, jangan laga saya dengan Yang Berhormat Menteri. Kami kawan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]; dibacakan kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR13/2019 Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019, di No. 1 seperti yang tertera di Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 8 Julai 2019.”

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN (PINDAAN) 2019****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

12.04 tgh.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhimpunan Aman 2012 iaitu Akta 736 ialah suatu akta yang digubal selaras dengan fasal 1(b) dan fasal 2(b) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

- (i) selagi wajar untuk berbuat demikian bahawa semua warga negara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata; dan

- (ii) bahawa penggunaan hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata adalah tertakluk hanya kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu atas manfaat dalam suatu masyarakat demokrasi demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang awam.

Akta ini digubal bagi menggantikan seksyen 27 Akta Polis 1967 iaitu Akta 344 yang berkuat kuasa pada 23 April 2012 bertujuan untuk memudah cara sesuatu penganjuran perhimpunan aman di negara ini. Selain itu, APA 2012 juga merupakan akta yang bersifat prosedur kerana tiada peruntukkan di dalamnya yang menjelaskan hak seseorang warga negara untuk berhimpun secara aman. APA 2012 hanya memperuntukkan suatu siri langkah prosedur yang perlu diambil untuk memastikan dan memudahkan pelaksanaan hak untuk berhimpun yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Salah satu perkara yang dinyatakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam manifestonya sempena Pilihan Raya Umum ke-14 ialah mengenai pemansuhan dan pindaan beberapa undang-undang yang dianggap zalim. Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Khas Teknikal Undang-undang berkaitan keselamatan telah pun ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri bertujuan untuk menjalankan kajian terhadap enam rang undang-undang di bawah bidang kuasa kementerian termasuk Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA 2012) ini.

Kementerian berpandangan bahawa terdapat dua perkara asas yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Khas Teknikal yang boleh dipertimbangkan iaitu takrifan perhimpunan dan protes jalanan yang kurang jelas dan notis pemberitahuan pada pihak polis untuk berhimpun tidak kurang daripada 10 hari yang di had terlalu lama sekiranya sesuatu perhimpunan diadakan dengan segera. Oleh yang demikian, pindaan akta ini ialah perlu bagi memberikan lebih ruang kepada rakyat terhadap hak kebebasan bersuara dan berhimpun secara aman selaras dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, pindaan ini juga menunjukkan komitmen kerajaan untuk mengimbangi keperluan antara hak asasi manusia dengan sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 yang dicadangkan ini akan melibatkan perkara-perkara yang berikut:

- (i) memansuhkan peruntukan mengenai larangan protes jalanan dengan izin, *street protest* dan perbuatan ini tidak lagi menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012;
- (ii) memendekkan notis pemberitahuan untuk mengadakan perhimpunan aman oleh pengajur kepada pegawai yang menjaga daerah polis, OCPD daripada 10 hari kepada tujuh hari; dan
- (iii) mengadakan peruntukan mengenai pengkompaunan kesalahan di bawah seksyen 9 iaitu Notis Pemberitahuan Perhimpunan Aman dan 15 sekatan dan syarat perhimpunan aman APA 2012.

Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 ini bertujuan untuk memansuhkan larangan bagi melakukan protes jalanan (*street protest*) dan perbuatan ini tidak lagi menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012. Ini bagi membolehkan pengajur untuk menganjurkan suatu perhimpunan atau membolehkan orang awam menyertai suatu perhimpunan secara aman dan tanpa senjata yang sebelum ini termasuk dalam kategori *street protest* asalkan perbuatan tersebut tidak menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

■1210

Dalam hal ini, sekiranya berlaku kesalahan *street protest* yang boleh menimbulkan kekacauan, kekerasan jenayah dan menjadi tidak aman, pihak Polis Diraja Malaysia akan mengambil tindakan di bawah peruntukan Bab 8, *Offense's Against The Public Tranquility*, dengan izin, Kanun Keseksaan Akta 574 terutamanya Seksyen 143 dan 147 Kanun Keseksaan. Rang Undang-undang Perhimpunan Aman Pindaan 2019 ini juga bertujuan untuk memendekkan tempoh bagi pengajur mengemukakan notis pemberitahuan untuk mengadakan perhimpunan kepada pegawai yang menjaga daerah polis daripada 10 hari kepada tujuh hari. Pindaan yang dicadangkan ini jelas melambangkan hasrat murni kerajaan untuk mengimbangi hak kebebasan bersuara rakyat dengan sistem penyampaian kerajaan.

Rang Undang-undang Perhimpunan Aman Pindaan 2019 ini turut mengadakan peruntukan mengenai kesalahan yang boleh di kompaun di bawah APA 2012. Kuasa untuk mengkompaun kesalahan ini diberikan kepada pegawai yang menjaga daerah polis dengan keizinan pendakwa raya dan kesalahan yang boleh di kompaun ialah kesalahan di bawah seksyen 9 APA 2012 berhubung dengan kegagalan mematuhi kehendak pengemukaan notis pemberitahuan perhimpunan dan kesalahan di bawah seksyen 15 APA 2012 berhubung dengan kegagalan mana-mana orang untuk

menghormati syarat dan sekatan yang dikenakan oleh pegawai yang menjaga daerah polis untuk menganjurkan perhimpunan.

Jumlah kompaun yang diberikan bagi kedua-dua kesalahan ini ialah tidak melebihi RM5,000. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak perlu bimbang kerana kesalahan di bawah APA dianggap satu kesalahan yang ringan dan bukanlah suatu kesalahan jenayah yang menyebabkan seseorang tidak akan hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen dan untuk bertanding di bawah Perlembagaan Persekutuan di pilihan raya yang akan datang. *[Tepuk]* Selain pindaan-pindaan yang dinyatakan, kementerian bercadang untuk menambah tempat perhimpunan yang ditetapkan. Ini ialah salah satu komitmen kerajaan dalam memudah cara penganjuran sesuatu perhimpunan, di mana penganjur tidak perlu mengemukakan notis pemberitahuan kepada pegawai yang menjaga daerah polis.

Walau bagaimanapun, penganjur perlu memohon kebenaran dengan pemilik premis yang berkenaan. Pada masa ini, hanya satu tempat telah diwartakan sebagai tempat berhimpun di bawah seksyen 25 akta ini iaitu Stadium Darul Makmur di Negeri Pahang. Oleh yang demikian, Kementerian Dalam Negeri bercadang mewartakan Padang Merbok dan Jalan Raja Kuala Lumpur dalam masa yang terdekat. Selain mengenal pasti lebih banyak lagi tempat yang sering menjadi tumpuan sesuatu perhimpunan untuk diwartakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan rekod pada tahun 2018, sebanyak 8,668 perhimpunan aman telah diadakan.

Dari jumlah tersebut, hanya satu sahaja kes yang telah dituduh di mahkamah kerana melanggar seksyen 9 kerana kegagalan mengemukakan notis pemberitahuan pada pihak polis. Sementara itu, sehingga Mei 2019, sebanyak 1,592 perhimpunan aman telah diadakan. Pihak polis telah membantu dalam memudah cara kesemua penganjuran perhimpunan aman tersebut dan sepanjang tempoh berkenaan juga, tiada sebarang kes yang didakwa di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perhimpunan Aman Pindaan 2019 ini mengandungi sembilan fasal seperti yang berikut.

Fasal 1, memperuntukkan bagi perkara yang berhubungan dengan tajuk ringkas akta dan tarikh permulaan kuat kuasa.

Fasal 2, 3 dan 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 3, 4 dan 21 APA 2012 bagi meniadakan kesalahan yang berhubungan dengan protes jalanan dan perbuatan ini tidak lagi menjadi suatu kesalahan di bawah APA 2012 ini. Disebabkan terdapat

perubahan dasar kerajaan, kerajaan berpandangan bahawa hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata bolehlah termasuk hak untuk menganjurkan atau menyertai sesuatu protes jalanan, selagi protes jalanan itu tidak membawa apa-apa ancaman atau memberikan kesan terhadap keselamatan persekutuan atau ketenteraman awam. Protes jalanan itu juga hendaklah diadakan dengan cara yang mengambil kira perlindungan hak dan kebebasan orang lain. Jika sesuatu protes jalanan menyebabkan apa-apa kacau ganggu atau melibatkan apa-apa perbuatan ganas atau perlakuan apa-apa kesalahan jenayah, perlakuan itu bolehlah ditangani di bawah undang-undang lain seperti Kanun Keseksaan Akta 574 dan Kanun Tatacara Jenayah Akta 593.

Fasal 4, bertujuan untuk meminda seksyen 9 APA 2012 untuk memendekkan tempoh pemberitahuan sesuatu perhimpunan daripada 10 hari kepada tujuh hari sebelum tarikh perhimpunan itu diadakan. Pindaan ini adalah untuk memudahkan lagi penganjuran perhimpunan.

Fasal 5, bertujuan untuk meminda seksyen 12 APA 2012. Berbangkit daripada pindaan yang dibuat pada seksyen 9 bagi memendekkan tempoh pemakluman kebimbangan atau bantahan orang yang mempunyai kepentingan terhadap sesuatu perhimpunan pada pegawai yang menjaga daerah polis daripada 48 jam kepada 24 jam.

Fasal 6, bertujuan untuk meminda seksyen 16 APA 2012. Berbangkit daripada pindaan yang dibuat pada seksyen 9 bagi memendekkan tempoh masa rayuan oleh pengajur yang terkilan dengan pengenaan sekatan dan syarat di bawah seksyen 15. Selain itu, tempoh masa bagi keputusan tersebut oleh Yang Berhormat Menteri turut dipendekkan daripada 48 jam kepada 24 jam dari penerimaan rayuan oleh pengajur.

Fasal 8, bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu iaitu seksyen 21A, bagi mengadakan peruntukan mengenai kuasa untuk mengkompaun kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 9 berhubung dengan kegagalan mematuhi kehendak pengemukaan notis pemberitahuan perhimpunan dan seksyen 15 berhubung pengenaan sekatan dan syarat ke atas sesuatu perhimpunan.

Fasal 9, bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian iaitu:

- (i) Kehendak mengenai tempoh yang berhubungan dengan pemberitahuan di bawah seksyen 9, 12 dan 16 sebagaimana yang dipinda oleh akta ibu bagi sesuatu perhimpunan yang belum diadakan sebelum tarikh

permulaan kuat kuasa akta ini, hendaklah terpakai pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

- (ii) Apa-apa penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah akta ibu yang belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa akta ini, diteruskan seolah-olah akta ibu tidak dipinda oleh akta ini. Akta ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang Berhormat Menteri melalui pemberitahuan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Tuan Yang di-Pertua, saya Yang Berhormat Sepanggar menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perhimpunan Awam 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum itu, saya telah menerima senarai-senarai pembahasan kecuali senarai daripada GPS. Tolong sampaikan kepada saya, kalau ada. Saya menjemput untuk memulakan perbahasan Yang Berhormat Tanjung Malim dan kemudian Yang Berhormat Pontian, 20 minit seorang. Disusuli dengan pembahasan-pembahasan yang lain yang akan diperuntukkan 15 minit seorang seperti biasa.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan berikan senarainya. Yang Berhormat Tanjong Malim, Yang Berhormat Pontian, selepas itu Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kampar, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Lembah Pantai dan seterusnya akan saya umumkan. Silakan.

12.19 tgh.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman 2012.

■1220

Saya mengalu-alukan pindaan pada kali ini kerana pada keseluruhannya, ini adalah satu pindaan yang sangat baik. Saya juga menyambut baik usaha murni kerajaan

untuk mengembalikan hak berhimpun secara aman yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan kepada rakyat. Ini juga selaras dengan janji Manifesto Pakatan Harapan, iaitu Janji 27 iaitu kita berjanji untuk menghapuskan undang-undang yang zalim dan juga mansuhkan peruntukan-peruntukan zalim termasuk dalam Akta Perhimpunan Aman 2012.

Tuan Yang di-Pertua, hak berhimpun adalah hak asasi manusia. Apabila kita kata hak asasi manusia, bermakna, hak itu tidak harus diberikan sekatan ataupun tidak boleh dinafikan walau apa pun kepercayaan ataupun kecenderungan politik seseorang. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa saya juga merupakan salah seorang bekas mangsa Akta Perhimpunan Aman 2012 ini, iaitu saya didakwa di bawah seksyen 4(2)(c), “... *menganjurkan atau menyertai sesuatu protes jalanan*”. Saya berasa malu untuk memberitahu kawan saya dari luar negara, apa seksyen yang saya didakwa. Ini disebabkan bila orang tanya, saya kata saya ditahan, didakwa. Orang bertanya “*Kerana apa?*”, “*Kerana perhimpunan*”, “*Perhimpunan bawa senjata atau tidak?*”, saya kata, “*Tidak*”, “*Aman kah atau tidak?*”, “*Aman*”. Akan tetapi saya didakwa di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012. Itulah sesuatu yang sangat memalukan. Mujurlah zaman jahiliah telah berlalu.

Beberapa Ahli: Betul!

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Masuk era Malaysia baru.

Beberapa Ahli: Betul! Betul!

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya mengalu-alukan cadangan kerajaan iaitu seksyen 4(2)(c) dicadangkan untuk dimansuhkan. Saya bersyukur kerana selepas ini, tidak akan ada sesiapa yang akan dihukum kerana melaksanakan hak asasi mereka.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat Tanjong Malim. Sikit sahaja.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong minta laluan. Silakan, ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Boleh dikatakan dalam sejarah, orang yang paling banyak dituduh di bawah akta ini adalah semasa pemerintahan Yang Berhormat Pekan. Betul atau tidak? Setuju atau tidak? Berlaku semasa pemerintahan Yang Berhormat Pekan. Pemerintahan kuku besi semasa Yang Berhormat Pekan di mana ramai sangat Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang dituduh. Setuju atau tidak Ahli-ahli Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: Setuju.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pemerintahan kuku besi Yang Berhormat Pekan pada masa itu. Adakah beliau berani bahas perkara ini sekarang? Saya cabar dia sekarang! Dia pergi Jelutong, cabar saya. Saya cabar di Parlimen sekarang!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, terima kasih ...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Sudah tiada modal.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Zaman Yang Berhormat Langkawi pun ramai kena tangkaplah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jangan berdendamlah Yang Berhormat Jelutong. Jangan berdendam.

Tuan Yang di-Pertua: 20 minit, 20 minit.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Jelutong, kuku besi. Zaman UMNO sebenarnya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ini *floor* saya, ini *floor* saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Besar ... [*Tidak jelas*]

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong. Bukan saya mahu setuju atau tidak, tetapi itu adalah satu fakta.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Jelutong, kuku besi.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Selain daripada seksyen 4(2)(c), kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 9 iaitu kegagalan memberikan notis 10 hari ataupun seksyen 15, sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Ini di mana, apabila disabitkan kesalahan, seseorang boleh didenda tidak melebihi RM10,000 dan itu juga bermakna, kalau ada wakil rakyat ataupun ada orang yang bakal hendak menyertai pilihan raya, dia akan kehilangan kelayakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor. Silakan, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Malim. *Just* saya hendak tanya, dua perkara yang berkait berkenaan dengan notis. *Notice period* sekarang dicadangkan untuk dikurangkan dari 10 hari kepada tujuh hari. Seperti yang telah pun Yang Berhormat Tanjung Malim katakan tadi,

pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini adalah dialu-alukan. *It is good*, tetapi boleh lebih diperbaiki.

Jadi, soalan yang saya ingin tanya adalah dua, *twofold*. Satu, pertamanya berkenaan dengan *notice period*, adakah ia boleh di-improve? Sekiranya kita mempunyai keperluan untuk mengadakan *spontaneous assembly*, contohnya, baru-baru ini dalam *bombing* ataupun *shooting Christchurch* di New Zealand yang malangnya berlaku, kita perlu mengadakan *assembly* yang *urgent*, yang segera. Sekiranya itu diperlukan, sekiranya kami masih diperlukan untuk memberi masa yang agak lama untuk notis tersebut, tujuh hari, maka, *the purpose is defeated*. Apakah pandangan Yang Berhormat Tanjong Malim? Itu satu.

Keduanya – minta maaf, *since I am ‘add it’*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan *the right to organize assemblies*. Pada dasarnya, pada undang-undang prinsipal, mereka yang berumur di bawah 21 tahun, tidak dibenarkan ataupun dilarang meng-organize-kan ataupun menguruskan *assembly* tersebut. Sekiranya kami mencadangkan agar *voting age* kita boleh diturunkan kepada 18 tahun, apa salahnya seseorang di bawah 21 tahun menganjurkan satu *assembly*? *If you are going to extend the right to vote to under 18 years old – Sorry, 18 years old and above, from 21 years old. Now, why cannot we* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua *do the same in the Peaceful Assembly Act*. Apa pandangan Yang Berhormat Tanjong Malim? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Okey, okey.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Ada kaitan dengan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi berkenaan dengan tempoh notis itu. Sebagaimana yang disebutkan tadi, tempoh itu dipendekkan dari 10 hari kepada tujuh hari. Akan tetapi, saya dimaklumkan bahawa Majlis Peguam Malaysia telah pun membuat cadangan sejak tahun 2011, supaya tempoh itu ialah selama lima hari. Akan tetapi, mungkin penjelasan yang lebih baik ialah pertanyaan, apakah justifikasi kenapa tujuh hari? Kenapa tidak lima hari, tiga hari dan seterusnya? Terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor dan juga Yang Berhormat Ledang. Memang selepas ini saya akan menghuraikan lebih dalam dua perkara itu iaitu notis dan juga *right to organize* untuk kanak-kanak dan orang di bawah umur 21 tahun.

Akan tetapi, izinkan saya habiskan yang ini dahulu. Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk menukar denda kepada kompaun iaitu tidak akan ada sesiapa yang kehilangan kelayakan untuk bertanding dan juga kehilangan kelayakan sebagai wakil rakyat kalau dia terlibat dengan penganjuran, satu perhimpunan aman. Saya tahu betapa seksanya kalau minda kita dihantui dengan *threat*, iaitu kehilangan kelayakan kerana menganjurkan ataupun menyertai satu perhimpunan aman.

Perkara ketiga yang saya mahu masuk adalah, perkara-perkara yang perlu diperbaiki lagi iaitu apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor, seksyen 9(1) iaitu notis sepuluh hari di mana penganjur harus diberikan notis 10 hari telah dikurangkan kepada tujuh hari. Saya menyambut baik usaha kerajaan, tetapi pada pandangan saya, notis ini boleh dipendekkan lagi. Mahkamah Rayuan – ada satu kes yang melibatkan dua Ahli di dalam Dewan ini iaitu dalam kes Nik Nazmi lawan PP iaitu melibatkan – semasa itu Tuan Yang di-Pertua adalah salah seorang hakim Mahkamah Rayuan yang memberikan keputusan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan telah memutuskan seksyen 9(5) yang menjadikan kegagalan penganjur memberikan notis sepuluh hari sebagai satu kesalahan adalah tidak munasabah kerana ia terjumlah kepada larangan efektif terhadap perhimpunan segera dan spontan.

Pendek kata, roh Akta Perhimpunan Aman 2012 ini adalah supaya kita boleh memberikan ruang kepada rakyat untuk berhimpun secara aman dengan segera dan spontan. Jangan ada terlalu banyak sekatan agar perhimpunan itu tidak dapat dijalankan dengan segera dan spontan.

Yang Arif ...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sikit. Boleh, boleh?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Cepat ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Tanjong Malim. Yang Berhormat Tanjong Malim beritahu tadi untuk hak berhimpun secara spontan. Jadi saya mahu merujuk balik apa yang disebutkan tadi berkaitan dengan notis. Apakah pandangan Yang Berhormat Tanjong Malim, Yang Berhormat bersetuju adakah kita mansuhkan notis ini? Langsung tidak payah bagi notis seperti mana yang diminta oleh Yang Berhormat semasa berada di sini tempoh hari.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Tanjong Malim, boleh sikit? Berkaitan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya sila, Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya sebenarnya notis baik tujuh hari kah, lima hari kah, sebenarnya adalah lebih bersifat kepada pengurusan. Mungkin pihak Kementerian Dalam Negeri sediakan notis ini supaya isu-isu keselamatan dapat diuruskan misalnya oleh pihak polis.

■1230

Cuma, mungkin kita boleh cadangkan penambahbaikan, maksudnya selain daripada notis, mungkin ada satu ruang untuk kebenaran khas mungkin melalui kebenaran oleh Menteri. Sebab, dalam perhimpunan ini, ada isu-isu yang mendesak. Bukan semua perhimpunan mesti dirancang. Kadang-kadang ada isu mendesak, lagi 30 minit pun kita boleh berhimpun. Jadi minta pandangan daripada Yang Berhormat Tanjong Malim.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya akan masuk bab itu selepas saya membaca penghakiman Tuan Yang di-Pertua kita dalam kes Nik Nazmi.

Tuan Yang di-Pertua: Itu dahulu ya.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Itu dahulu. Ya, ya. [Ketawa]

Dalam penghakiman Tuan Yang di-Pertua, seksyen 9(5) adalah tidak berperlembagaan. Peruntukan berkenaan tidak mengakibatkan sesuatu perhimpunan itu haram tanpa memberi notis 10 hari atau diadakan dengan notis yang lebih singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada banyak contoh-contoh yang kita boleh guna atau kita boleh rujuk sebagai satu rujukan bagaimana kita hendak pendekkan notis. Saya bagi contoh. Di Australia, cuma perlu lima hari notis sahaja. Di France tiga hari, Portugal dua hari, Itali tiga hari.

Ini juga berkait rapat dengan keupayaan polis dalam menguruskan perhimpunan. Saya yakin dengan keupayaan polis kita yang begitu berpengalaman dan kuat, saya rasa tiga hari bukan satu masalah. Kita boleh balik kepada cadangan sebelum akta ini digubal iaitu *Bar Council* memberi cadangan supaya notis dikurangkan kepada lima hari. SUHAKAM memberi cadangan dikurangkan kepada dua hari sahaja.

Saya bagi contoh. Tadi Yang Berhormat Bukit Gelugor telah memberi contoh perhimpunan Christchurch. Ia ada *urgency*, dengan izin. Bukan sahaja itu. Saya bagi contoh juga kalaulah ada ahli-ahli UMNO yang ingin membela Yang Berhormat Pasir Salak, walaupun bagi kami tindakan beliau sangat memalukan, tetapi kalaulah ada anggota UMNO hendak membela Yang Berhormat Pasir Salak, dia kena beri notis tujuh hari dan bila dia adakan perhimpunan itu, Yang Berhormat Pasir Salak sudah masuk

balik dalam Dewan yang mulia ini. *[Dewan Ketawa]* Tidak ada gunanya... *[Disampuk]* Ya, *defeat the purpose of having* perhimpunan, dengan izin.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, sedikit sahaja, Yang Berhormat. Sedikit sahaja. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Daripada ucapan Yang Berhormat Tanjung Malim, jelas sekali bahawa niat Kerajaan Pakatan Harapan adalah begitu baik. Akan tetapi, saya ingin mendapatkan pendapat Yang Berhormat, ada yang mengadakan perhimpunan-perhimpunan awam ini yang mendoa-doakan kejatuhan Kerajaan Pakatan Harapan. Mereka mengadakan perhimpunan awam mendoa-doakan kejatuhan Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bid'ah* itu. *Bid'ah*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apakah baik ini dibalas dengan kejahanan begitu? Terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya rasa hak berhimpun adalah hak asasi manusia yang kita tidak harus menafikan hak orang lain walaupun kita tidak bersetuju dengan agenda ataupun objektif perhimpunan tersebut. Maka, mereka harus diberikan ruang untuk berhimpun secara aman. Itu adalah *keywords*, dengan izin.

Maka, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya kita melihat balik. Bolehkah kita kurangkan notis dari tujuh hari kepada tiga hari?

Perkara kedua yang saya ingin mencadangkan satu penambahbaikan kepada kerajaan iaitu tentang sekatan kanak-kanak di bawah seksyen 4(2)(d) di mana sekatan itu tidak memberarkan seseorang di bawah umur 21 tahun untuk menganjurkan perhimpunan. Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor iaitu kita telah pun menunjukkan niat untuk menurunkan hak mengundi daripada 21 kepada 18 tahun, apa salahnya kita memberarkan pemuda yang berumur 18 tahun untuk menganjurkan perhimpunan.

Satu lagi, seksyen 4(2)(e) iaitu melarang kanak-kanak untuk menyertai sesuatu perhimpunan aman. Perkara 15 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak iaitu *Convention on the Rights of the Child (CRC)* mengatakan kebebasan berpersatuan dan kebebasan berhimpun secara aman dijamin walaupun mereka adalah kanak-kanak. Dalam Perkara 10 Perlumbagaan Persekutuan kita juga tidak memberi had umur kepada rakyat. Ayatnya adalah, “*Setiap warganegara berhak untuk...*”

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Tanjong Malim.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Ya, ya. silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Saya agak terkesan apabila Yang Berhormat mempunyai pandangan supaya seksyen yang Yang Berhormat sebutkan tadi berkaitan kanak-kanak dan dibandingkan dengan konvensyen antarabangsa melibatkan kanak-kanak untuk mempunyai hak yang sama. Sebab apa, dalam pemerhatian saya dalam penglihatan dalam banyak-banyak media sosial, apa yang berlaku dalam perhimpunan yang diadakan oleh pembangkang dahulu, sebagai contoh Bersih, mereka memijak gambar, memaki hamun, merosakkan kenderaan-kenderaan. Inikah sebenarnya yang ingin ditunjuk sebagai *role model* kalau kanak-kanak ini terlibat dalam perhimpunan sedemikian? Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Itu adalah kelakuan individu di dalam sesuatu perhimpunan. Akan tetapi, kita tidak boleh kerana kelakuan seseorang dewasa dalam perhimpunan tersebut, kita menafikan hak kanak-kanak untuk menyertai perhimpunan aman.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat, boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Petaling Jaya dengan Yang Berhormat Lanang. Yang mana satu? Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya dahulu.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Saya hendak tanya Yang Berhormat. Setuju atau tidak setuju yang mana perhimpunan Bersih tidak ada kerosakan dan juga dilancarkan dengan secara aman dalam lima perhimpunan yang diadakan oleh Bersih?

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Amat setuju. Yang Berhormat Lanang, silakan.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Saya memang mencadangkan supaya kanak-kanak juga dibenarkan untuk menyertai perhimpunan aman kerana sebagai seorang ibu, saya rasa kalau saya sendiri hendak menyertai sesuatu perhimpunan aman, tentu saya akan bawa anak saya bersama, dengan *condition* iaitu memang satu perhimpunan yang aman. Hari ini akta ini memang Akta Perhimpunan Aman dan kita pun perlu memastikan sesuatu perhimpunan itu adalah aman dan selamat. Jadi saya

rasa tiada halangan untuk membawa kanak-kanak untuk menyertai sesuatu perhimpunan aman dan selamat. Terima kasih.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Terima kasih. Saya minta kenyataan Yang Berhormat Lanang dimasukkan ke dalam ucapan saya.

Saya juga ingin menyentuh tentang seksyen 4(2)(a) iaitu bukan warganegara tidak dibenarkan untuk menyertai satu perhimpunan aman. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa walaupun mereka bukan warganegara tetapi mereka harus diberikan ruang untuk berhimpun secara aman di dalam negara kita sepertimana warganegara kita di luar negara pada masa perhimpunan Bersih diadakan di dalam negara kita, ramai warganegara kita berhimpun di ratusan negara di luar sana, bukan di negara kita tetapi mereka berhimpun di luar negara untuk memberi solidariti kepada Bersih di dalam negara kita.

Saya rasa kita harus juga membalas dengan ruang berhimpun secara aman kepada bukan warganegara. Bukan isu politik sahaja tetapi ada isu-isu lain seperti apabila pekerja asing menghadapi masalah dengan majikan di sini ataupun mereka mempunyai pandangan yang berbeza mengenai polisi pekerja negara kita. Maka, saya rasa mereka harus diberi ruang untuk menyuarakan secara aman juga.

Perkara ketiga yang saya rasa perlu...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Tanjong Malim, sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Besar. Ya, silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya tidak faham bagaimana Yang Berhormat Tanjong Malim punya *way of thinking* tetapi saya hendak penjelasan. Apakah pandangan Yang Berhormat Tanjong Malim apabila Yang Berhormat Tanjong Malim menyatakan *reciprocal action* yang dibuat oleh negara luar membenarkan rakyat kita berhimpun dan sekarang kita hendak beri kepada rakyat mereka pula berhimpun dan menganjurkan.

Akan tetapi, adakah ini sebenarnya menunjukkan satu tindakan yang baik dalam Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini dalam memastikan agar tidak wujudnya pertubuhan-pertubuhan yang berada di luar negara menghentam Malaysia? Sepertimana yang saya sebut tempoh hari semasa sesi soal jawab dengan Wisma Putra, bagaimana sesebuah persatuan diwujudkan di luar menghentam Malaysia dan hari ini dia seolah-olah menunjukkan bahawasanya perkara yang sama juga akan berlaku di Malaysia.

■1240

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Saya rasa itu dua perkara yang tidak berkaitan, sebab mengadakan perhimpunan aman ini tidak semestinya menghentam dan menyampaikan mesej-mesej negatif. Kita juga ada perhimpunan aman yang memberikan mesej yang sangat positif seperti kita memberikan solidariti kepada apa yang berlaku di Christchurch. Apabila kita adakan perhimpunan aman untuk memberi solidariti kepada insiden Christchurch, kenapa kita hendak mengecualikan bukan warganegara untuk menyertai perhimpunan aman tersebut. Saya rasa kita harus menimbang dan selagi perhimpunan itu adalah aman, kita harus memberikan ruang kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara *last* yang saya ingin sentuh adalah tentang tempat larangan. Di dalam jadual pertama iaitu yang dinyatakan di dalam Akta Perhimpunan Aman (APA) seksyen 3 itu, kita nampak ada banyak juga tempat larangan. Tempat larangan yang munasabah adalah seperti loji rawatan air, stesen penjana elektrik, stesen minyak, lapangan terbang dan lain-lain. Akan tetapi apabila kita meneliti balik, kita mendapati banyak tempat yang merupakan tempat biasa di dalam komuniti kita seperti tadika, sekolah, tempat ibadat, balai bomba, hospital dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua saya haraplah, kerajaan boleh memberikan pertimbangan supaya kita jangan ada terlalu banyak tempat larangan sebab tempat larangan ini bukan sahaja kita tidak boleh berhimpun secara aman di tempat-tempat tersebut tetapi di dalam lingkungan radius 50 meter. Jikalau kita di dalam bandar, di sini ada stesen minyak, di sana ada sekolah, di sini ada gereja, di sana ada masjid, kita tidak dapat mengadakan perhimpunan secara aman. Maka saya menyeru kepada kerajaan supaya mempertimbangkan mengurangkan tempat larangan untuk perhimpunan aman. Saya rasa itu sahaja yang saya ingin sampaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian, silakan.

12.42 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang membentangkan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian, 20 minit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pada 22 November 2011 di Dewan ini, kerajaan dahulu telah membentangkan Akta Perhimpunan Aman ini. Kemudian pada 29 November 2011, ia diluluskan. Akan tetapi pada 29 November 2011 itu mengikut rekod yang saya semak, berlaku apa yang dipanggil sebagai Memorandum *Walk For Freedom*. Ada 1,000 orang peguam berarak daripada Taman Tasik selepas itu pergi ke Parlimen, kemudian menyerahkan memorandum bantahan supaya Akta Perhimpunan Aman ini dimansuhkan.

Pada hari itu yang menerima bagi pihak kerajaan pada ketika itu ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sekarang ini beliau sudah menjadi Menteri di sebelah sana, dahulu Bahagian Sandakan, sekarang Batu Sapi. Bagi pihak Yang Berhormat pembangkang pada ketika itu diterima oleh Yang Berhormat Permatang Pauh yang sekarang ini Yang Berhormat Port Dickson, orang yang sama. Ketika akta itu diluluskan di sini, ahli-ahli pembangkang yang sekarang berada di sana sebahagiannya keluar dari Dewan ini, Yang Berhormat kerana membantah, mereka tidak setuju diwujudkan akta ini. Pada hari ini saya melihat ia satu *u-turn* daripada pihak kerajaan. Sepatutnya akta ini dibatalkan dan dimansuhkan, sebagaimana Akta GST kerana tidak suka GST, dimansuhkan Akta GST.

Jadi pandangan saya, ini satu *u-turn* dari pihak kerajaan, daripada ingin memansuhkan hanya kepada membuat pindaan. Dengan lain perkataan dahulu ada eloknya tetapi pada ketika itu tidak dipersetujui. *U-turn* ini Yang Berhormat Menteri, ada banyak kali dibuat oleh kerajaan. Kalau kita tengok PTPTN, ada empat kali *u-turn*. Pada mula-mula kata hendak pendidikan percuma, selepas itu *u-turn*, masuk pada gaji RM4,000 baru di buat bayaran PTPTN. Kemudian *u-turn* sekali lagi Yang Berhormat Jelutong iaitu gaji RM1,000 sudah kena bayar PTPTN ini. Kemudian apabila kita bantah, kita marah, kita timbulkan hiruk pikuk di dalam Dewan ini, *u-turn* sekali lagi, gaji RM2,000 baru bayar. Jadi ini pada pandangan saya, satu *u-turn* dari kerajaan yang dahulu pembangkang yang tidak suka kepada Akta Perhimpunan Awam ini yang menyatakan bahawa ia adalah satu akta yang *drakonian*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dan akta ini juga ...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hendak tanya sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bukankah itu menunjukkan kerajaan ini peka terhadap permintaan rakyat di luar sana. Boleh membuat peraturan-peraturan yang memberi manfaat kepada rakyat, bukan macam dahulu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Terima kasih, peka untuk membuat *u-turn* ya [*Ketawa*]. Akta ini kalau merujuk kepada apa yang ada dalam penyelidikan saya dicabar di mahkamah oleh ADUN M. Manoharan dan juga peguam Edmund Bon.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Orang lain yang minta.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Cuma saya hendak dapat pencerahan daripada kawan saya di sebelah ini, berapakah bilangan kes yang telah ditangkap di bawah Akta Perhimpunan Aman ini? Adakah beberapa individu tertentu yang telah ditangkap dan dibawa ke mahkamah? Ini gambar-gambar lama [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*]. Ini saya simpan ini. Gambar Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tidur, baring atas jalan raya, Yang Berhormat Menteri Agama ini. Selepas itu Yang Berhormat Menteri Pertahanan baring juga, tidur atas jalan raya. Adakah mereka ini telah dikenakan tindakan undang-undang? Ketika itu seperti mana Yang Berhormat Pontian kata ramai pemimpin dahulu tidak setuju dengan akta ini, kenapa sekarang ini buat *u-turn*, itu yang saya tidak faham.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri tadi sudah menjawab tentang perkara ini bahawa hanya satu kes sahaja. Oleh sebab kerajaan dahulu sebenarnya amat baik kepada mereka yang baring atas jalanan dan sebagainya ini dan kita tidak ambil apa-apa sebarang tindakan, baiklah itu ya. Ya, Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak balik kepada APA ataupun Akta Perhimpunan Aman. Ialah semasa kita jadi pembangkang, kita boleh tidur apa semua kerajaan tidak ambil tindakan apa-apa, tidak hantar FRU dan sebagainya. Jadi maknanya itu amanlah, tetapi dalam perhimpunan yang kita buat dahulu, dahulu sebagai

pembangkang di sebelah sana, mereka melawan kerajaan, menjatuhkan kerajaan pada ketika itu. Sekarang ini kita pembangkang, kita mewajibkan jatuhkan Kerajaan Pakatan Harapan. Itulah demokrasi. Dahulu kamu melawan kerajaan, sekarang kita melawan kamu sebagai kerajaan pula, baru ada perseimbangan dalam sebagai pembangkang dan kerajaan. Lagi pula Yang Berhormat Pontian, janji-janji Manifesto PRU 14 sampai sekarang, rakyat tidak puas hati. Jadi kita menyeru kerajaan, menghasut rakyat supaya wajib menjatuhkan Kerajaan PH. Oleh sebab mereka tidak dapat tunaijanji kerajaan menipu rakyat sebelum PRU 14 dahulu. Macam mana pandangan?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Pontian..

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, saya – sabar dahulu.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Pontian, Bukit Gelugor minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Banyak lagi *point* ini. Yang Berhormat Pendang, tadi Yang Berhormat Jelutong –

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah berkaitan, berkaitan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Jelutong ada menyebut bahawa kenapa diadoakan supaya kerajaan ini dijatuhkan dan sebagainya. Tidak akan kita hendak doa supaya kerajaan ini kekal *[Ketawa]*. Bererti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong itu tidak masuk akal lah.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sebelum itu, Yang Berhormat Pendang, memang dahulu ada –

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bangun]*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *Check and balance*. Kalau tidak ada *check and balance*, semak dan imbang, maka kerajaan yang ada ini ia tidak teringat tentang segala janji-janjinya. Sebagai contoh sepuluh janji 100 hari, tidak ada satu pun dalam 100 hari itu janji-janji sepuluh itu yang di tunai 100 peratus. Yang Berhormat Pagoh, saya ingin mengulang, dalam masa 100 hari tidak ada satu pun daripada sepuluh janji itu yang di tunai 100 peratus. Tidak ada satu pun dan sehingga sekarang daripada janji sepuluh itu yang sepatutnya ditunaikan 100 hari, sudah banyak

ratus hari ini. Sebagai contoh ingin mewujudkan Suruhanjaya Diraja untuk 1MDB, FELDA, MARA dan Tabung Haji, tidak dibuat pun. Itu satu daripada kotak sepuluh itu. Saya hafal Yang Berhormat Menteri tentang kotak-kotak yang sepuluh itu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Pontian, minta sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kangar minta laluan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit sahaja, 30 saat pun tidak sampai.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau tidak bagi, minta maaf.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *[Ketawa].*

Tuan Yang di-Pertua: Kena tanya Yang Berhormat Arau *[Ketawa].*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Dia tidak bebaslah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kangar hendak tanya soalan tidak? Kalau hendak tanya, saya akan minta tolong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Ketawa].* Yang Berhormat Arau.

■1250

Jadi saya ingin menyatakan sekali lagi perkara utama yang saya maksudkan yang pertama tadi bahawa ini adalah satu lagi *U-turn* daripada kerajaan sekarang yang mana sepatutnya mereka membatalkan sahaja akta perhimpunan aman ini sebagaimana hasrat pihak kerajaan ketika mereka menjadi pembangkang dahulu. Itu perkara yang pertama.

Kalaupun hendak diteruskan dan saya rasa ia akan diteruskan, ada beberapa perkara yang saya ingin cadang, Yang Berhormat Menteri. Satu, tentang protes jalanan yang dibenarkan, saya ingin tahu apakah perincian protes jalanan ini? Tadi saya difahamkan di luar sana ada satu protes jalanan di hadapan bangunan Parlimen ini di luar kawasan, di hadapan tempat masuk itu. Apakah protes jalanan itu meminta supaya Yang Berhormat Merbok, eh! Merbok pula, Yang Berhormat Gombak letak jawatan, supaya Yang Berhormat Gombak letak jawatan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian minta sedikit pencelahan. Sedikit sahaja, ini penting.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Pendang.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita hendak beri tahu dalam Dewan ini bila kita lulus Akta Perhimpunan Aman ini, APA ini kita kena bersedia. Apabila kita lulus juga umur 18 tahun ke bawah, selepas ini *form five, form six, upper six* akan buat juga, matrikulasi akan buat juga perhimpunan di sekolah-sekolah. Ini kita perlu bersedia, kalau ini juga kita bersedia dalam hal ini...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian, minta laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Pendang, kemungkinan itu ada dalam...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian minta laluan. *[Disampuk]* Bagilah sedikit singkat sahaja, singkat sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bagi pencelahan kepada pihak sebelah sana nanti ya – iaitu kaedah perincian protes jalanan ini Yang Berhormat Menteri. Berapa jumlah orang yang dibenarkan?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Pontian, bagi laluan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Apakah tempat-tempat, adakah mengganggu atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri laluan, sila duduk.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jika dibuat di hadapan bangunan Parlimen ini, kita ada kaedah supaya laluan itu tidak boleh dihalang. Adakah kalau dibuat di hadapan bangunan Parlimen seperti protes jalanan pagi ini meminta Yang Berhormat Gombak letak jawatan dan meminta supaya dijaga nama baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang kes ataupun ada kes atau tidak ada kes hal semburit ini ya. Jadi, ini berlaku pada hari ini dan khabarnya esok di hadapan Masjid Putrajaya, khabarnya ya. Siapakah yang akan membuat itu? Saya pun membaca sahaja daripada media sosial.

“NGO Anak Muda Tolak Semburit dan Bersih 7.0.” Esok depan pintu Masjid Putrajaya lepas Jumaat. Yang Berhormat Menteri, saya kira perkara itu sesuai atau tidak perkara seumpama itu hendak dibuat di hadapan Masjid Putrajaya. Jadi, saya ingin pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri apa takrifan ‘street protest’ ini? Protes jalanan yang dibenarkan ini? Hendak buat depan masjid hendak buat depan bangunan

Parlimen, hendak buat di mana-mana ini perlu ada kebenaran-kebenaran yang tertentu dan bukan hanya kita benarkan begitu sahaja.

Satu lagi ialah saya ingin mencadangkan supaya alang-alang kita sudah tambah dan gazetkan Padang Merbok, kita gazetkan Stadium Darul Makmur, Jalan Raja. Saya ingin mengesyorkan agar di setiap negeri ada kawasan yang digazetkan. Di Perlis ada, di Sabah ada, di Sarawak ada, di Johor ada, tempat-tempat yang tertentu yang merupakan tempat yang strategik. Jangan tempat-tempat yang tersembunyi yang orang tidak nampak. Perhimpunan awam ini untuk pihak awam melihat perhimpunan itu. Jadi, kalau tempat yang diluluskan dan digazetkan itu tempat yang tertutup dan jauh daripada awam, ia tidak ada faedah. Jadi, saya ingin mengesyorkan agar kawasan yang digazetkan itu diadakan oleh setiap negeri.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri, PBT ini, PBT ada kuasa-kuasa tertentu di bawah kerajaan negeri. Jadi, perkara ini perlu diselaraskan supaya PBT tidak mlarang apabila telah dibenarkan oleh polis tentang perkara itu. Banyak kali, kalau kita lihat hendak diadakan di kawasan Stadium Merdeka misalnya, DBKL bersama dengan Ketua Polis Kuala Lumpur, Ketua Pengarah DBKL, Ketua Polis Kuala Lumpur kena ada bersama membuat sidang media. Ini kita mengharapkan kerjasama daripada PBT apabila ditambah lagi kawasan-kawasan yang digazetkan.

Kemudian saya ingin merujuk kepada satu kes pada Januari 2015, Mahkamah Tinggi menolak saman Kerajaan Malaysia terhadap Pengurus Bersih 3.0, Datuk S. Ambiga dan 14 jawatankuasa pengajur berhubung kegagalan mengawal perhimpunan yang menyebabkan 15 kenderaan milik kerajaan rosak pada Bersih 3.0 yang diadakan pada 28 April 2012 dan ditolak pada Januari 2015. Saya ingin maklumat daripada Yang Berhormat Menteri, kenapa perkara itu berlaku ya? Kenapa Mahkamah Tinggi menolak walhal apa yang disebut itu, 15 kenderaan milik kerajaan rosak. Kenapa ditolak? Adakah terdapat *lacuna* ataupun kelompongan seksyen 6, 7 dan 8 Akta Perhimpunan Aman ini, sehingga menyebabkan penolakan oleh Mahkamah Tinggi.

Satu lagi ialah, tentang demonstrasi yang kita adakan di pihak kami iaitu ICERD pada 8 Disember, 2018, terlibat puluhan ribu orang. Saya juga terlibat sekali bersama dan saya dapat memahami apakah maksud perhimpunan aman. Putih satu Kuala Lumpur! *[Dewan riuh]* Sebelum itu, kali pertama saya ada terlibat apabila Yang Berhormat Port Dickson dipecat ya. *[Ketawa]* Itu cerita lama Yang Berhormat, cerita lama lah, dahulu. Dahulu punya cerita. Jadi, bererti ICERD 8 Disember itu saya memang

terlibat, begitu hebat perhimpunan itu, amat ramai, putih seluruh Kuala Lumpur. Paling ramai dalam sejarah Malaysia setakat yang kita tahu. [Dewan riuh]

Lebih ramai daripada Bersih 1.0 sampai 5 ya. Lebih ramai daripada Bersih 2.0 pada 29 Julai 2011, lebih ramai daripada Bersih 3.0 pada 28 April 2012, lebih ramai daripada Bersih 5.0 pada 19 November 2016. Ada segala tarikh-tarikh itu dan itu satu contoh perhimpunan aman yang apabila selesai, ada satu *task force* untuk membersihkan seluruh kawasan Yang Berhormat Pagoh. Yang Berhormat Pagoh mungkin dapat laporan tentang perkara itu. Habis sahaja ICERD itu, perhimpunan ICERD pada 8 Disember, seluruh Kuala Lumpur itu bersih Tuan Yang di-Pertua. [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak terlibat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak terlibat... [Ketawa]
[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Seluruh Kuala Lumpur!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa Bersih buat kotor.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Masa Bersih buat kotor. Akan tetapi masa ICERD buat bersih. [Ketawa] Itu yang menarik kerana ada satu kumpulan Unit Amal PAS dan kumpulan-kumpulan tertentu membawa plastik-plastik sampah, ada jawatankuasa khas pembersihan kawasan. Itu satu contoh, kalau saya boleh – saya harap boleh dijadikan SOP Yang Berhormat Pagoh. SOP kepada perhimpunan awam dan juga protes jalanan ini, supaya pembersihan dibuat selepas diadakan protes-protes jalanan. Ya, Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi pihak Yang Berhormat Kangar sama ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya hendak tanya Yang Berhormat, semasa Bersih dianjurkan, kita lihat ia didominasi oleh satu kaum. [Dewan riuh]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Lebih ramailah, lebih ramai. Akan tetapi, bila ICERD buat, satu kaum yang mendominasi. Apakah kita tidak melihat ini satu benda yang kurang bagus? Kurang manis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita cuma nampak MIC, Yang Berhormat Tapah yang ada di situ, ICERD itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya bukan berucap, saya minta penjelasan pakcik. *[Dewan riuh]* You minta penjelasan dekat dia lah. Akan tetapi, masa Bersih buat saya tidak nampak pun Yang Berhormat Jelutong. Dia cuma sudah menang baru dia tunjuk muka, dah orang bagi kerusi. Tidak nampak pun muka you.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak nampak. ICERD nampak saya. Okey, saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah dengan memperbaiki akta ini sebenarnya kita tidak menolong untuk kita dapat perhimpunan aman. Kedua, kenapa kita dibandingkan dengan Pakistan? Yang Berhormat, Pakistan bukan negara yang baik untuk dibuat perbandingan berhubung dengan perhimpunan aman.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, ada lagi negara lain yang mengadakan Akta Perhimpunan Aman ini, selain daripada Pakistan, iaitu Amerika Syarikat dan juga Finland. Mungkin itu juga boleh dijadikan rujukan. Mengenai kaum-kaum tertentu yang terlibat, dia mungkin berkaitan dengan tema-tema perhimpunan itu. Saya juga terlibat dalam perhimpunan 4 Mei 2019 di Kuala Lumpur, Himpunan Pertahan Kedaulatan Islam. Maka saya kira tentulah rakyat yang beragama Islam yang lebih ramai hadir pada ketika itu.

Saya difahamkan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim, meminta 11 orang penganjur perhimpunan 4 Mei 2019 hadir memberikan keterangan pada 17 Mei 2019. Saya ingin tahu, apakah hasil daripada keterangan itu. Apakah ada tindakan atau tiada tindakan? Mereka menunggu-nunggu sama ada mereka akan diambil tindakan ataupun tidak mengenai Himpunan Pertahan Kedaulatan Islam 4 Mei 2019.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri saya ingin merujuk kepada perhimpunan 1 Mei 2015 iaitu demonstrasi membantah GST. Pada ketika itu, nama saya paling popular lah, bab GST itu. Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Tajudin Md Isa menyebut bahawa peserta telah menggunakan bom asap, peserta telah membakar mercun, peserta telah merosakkan harta awam di Masjid Negara. Itu di antara perkara-perkara yang diumumkan oleh Ketua Polis Kuala Lumpur selepas kejadian 1 Mei 2015.

Saya ingin mengetahui, apakah SOP yang perlu ada, bila masa FRU dibenarkan untuk masuk dan mengawal satu-satu perhimpunan aman itu? Setakat mana kekerasan ataupun tindakan kekerasan, semburan ataupun tidak semburan oleh FRU kepada peserta-peserta dan jenis-jenis semburan yang digunakan, yang menyakitkan atau tidak menyakitkan. Ini saya dapat gambaran banyak daripada rakan-rakan PAS apabila

mereka bersama dengan kita bercerita tentang perkara-perkara berkaitan. Jadi, SOP FRU ini, gas pemedih mata dan sebagainya ini, kita juga ingin tahu apakah ada atau tidak perkara-perkara itu ya. Kemudian...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila menggulung. Masa sudah habis ya, hampir.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, saya ingin mengesyorkan yang akhir bahawa kita terus benarkan rakyat berhimpun secara aman tanpa senjata, dibenarkan di tempat yang tidak mengganggu ketenteraman awam dan kita adakah perlindungan hak kebebasan orang lain, perlindungan hak dan kebebasan orang ini ada termaktub dalam Perlembagaan. Saya kira kita telah melonggarkan. Terima kasih kerana hanya memberikan kompaun RM5,000. Akan tetapi, kalau kita lihat perkataan kompaun dan denda, dia semacam serupa. Kalau perlu dijelaskan lagi dalam prosedurnya, kompaun itu bukan denda.

Akan tetapi, kalau kita melihat tafsiran kompaun maksudnya denda. Kalau denda lebih RM2,000 boleh melucutkan hak Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN dan juga Ahli Parlimen. Jadi, perlu dijelaskan di situ, kompaun adalah denda yang tidak membawa kepada hukuman di mahkamah. Ditulis sebegini sebab tafsiran Dewan Bahasa dan Pustaka, kompaun itu adalah denda. Jadi, kadang-kadang dia boleh melibatkan kekeliruan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, Majlis berhenti atau ditangguhkan bersidang sehingga pukul 2.30 petang ini. Pembahasan yang pertama bila kita mulakan adalah Yang Berhormat Kuala Nerus, diikuti oleh Yang Berhormat Kampar dan seterusnya. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempoahkan pada pukul 1.03 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempergerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis disambung semula dengan perbahasan. Oleh kerana senarai ini masih 27 orang Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian, maka setiap orang diperuntukkan masa 10 minit. Sekarang dijemput Yang Berhormat Kuala Nerus, sila.

2.32 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Berselawat]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih di atas ruang untuk membahaskan pindaan bagi Akta Perhimpunan Aman 2012. Saya mengalu-alukan hasrat baik Kerajaan Pakatan Harapan yang cuba membuka ruang demokrasi seluas-luasnya kepada rakyat. Antaranya demokrasi untuk berhimpun tetapi apa yang perlu ditegaskan bahawa setiap hak itu ada batasannya. Kita ada hak untuk mengkritik bukan untuk mengutuk, kita ada hak untuk menasihati bukan untuk melaknat. Kalau kita terlajak daripada perkara ini ia akan jadi terbabas bukannya bebas.

Oleh kerana itulah bila kita bincang tentang himpunan ini pun ada batasannya juga. Berhimpun ini merupakan satu sifat semula jadi masyarakat seperti mana kata seorang tokoh ulama Islam di bidang sosiologi, Ibnu Khaldun menyatakan bahawa, *[Membaca sepotong hadis]* “Manusia itu secara semula jadinya bersifat kemasyarakatan”. Antara sifat kemasyarakatan tentulah antaranya berhimpun sesama mereka. Cuma yang tinggal pada kita untuk kita melihat apakah dasar pada himpunan tersebut.

Islam menggariskan kepada kita dua dasar dalam berhimpun dengan merujuk kepada firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah Ayat 2, *[Membaca sepotong al-Quran]* Kata Allah Taala, “Hendaklah kamu semua bekerjasama atas dasar kebajikan dan juga bertakwa dan janganlah kamu bertolong-menolong atas dasar dosa dan juga permusuhan”. Ia menggariskan kepada kita bahawa dua matlamat himpunan manusia apabila timbul isu tolong-menolong, maka timbulah kepentingan berhimpun maka himpunan itu, adakah atas dasar kebajikan dan takwa kepada Allah SWT ataupun himpunan atas dasar dosa dan juga permusuhan kalangan manusia?

Oleh kerana itulah kalau kita dalam Islam, Islam mengajar kita berhimpun atas perkara yang baik seperti mana kata Nabi Muhammad SAW menjelaskan kelebihan orang yang berhimpun untuk *[Membaca sepotong hadis]*. “Berhimpun untuk membaca kitab Allah untuk menyebut nama Allah SWT diberikan pahala yang sangat besar”. Dalam Islam kita ada himpunan setiap hari, lima kali sehari di masjid, himpunan seminggu pada hari Jumaat, himpunan tahunan pada perayaan dan sebagainya.

Akan tetapi himpunan yang boleh memudaratkan, itu adalah himpunan yang perlu kita jauhi. Kerajaan perlu menyediakan garis panduan untuk menghalang apa sahaja himpunan yang memudaratkan. Maksud mudarat di sini ialah terutamanya

mudaratnya pada agama kerana Islam meletakkan – Perlembagaan kita meletakkan Islam sebagai Agama Persekutuan. Kedua, mudarat kepada akhlak dan juga sosial. Himpunan LGBT, himpunan berpesta secara terbuka minum arak, himpunan berbogel, himpunan lucah dan sebagainya. Ini adalah himpunan yang mudaratkan akhlak. Maka himpunan seumpama ini pula ada garis panduan dalam kerajaan. Tidak boleh atas nama demokrasi moden, kebebasan, kita benarkan rakyat bebas buat apa sahaja mesti ada garis panduan. Saya rasa apa yang penting untuk kita bincang tentang himpunan ini ialah tentang himpunan politik. Itulah selalu menjadi sasaran bila kita bincang tentang apa-apa himpunan.

Himpunan politik itulah hak rakyat, tetapi hak ini wujud bilamana kerajaan yang sepatutnya diberikan *wala'* oleh rakyat, tiba-tiba tidak mendengar pandangan rakyat. Tidak bagi ruang untuk memberikan nasihat atau teguran, maka akhirnya rakyat akan mengambil jalan untuk berhimpun. Maka yang terbaik bagi kerajaan ialah menyediakan ruang-ruang untuk rakyat menyampaikan pandangan mereka bukan untuk mengutuk atau nama kritik. Bukan untuk melaknat atas nama nasihat, memberikan pandangan secara bebas atas nama menasihati kepada kerajaan, maka di kala itu keperluan kepada himpunan politik ia akan makin mengurang. Akan tetapi jika tidak, rakyat akan mengambil satu langkah turun ke jalan raya dan mengadakan himpunan. Apabila berlakunya himpunan, tentulah akan berlaku ruang-ruang apa sahaja provokasi ia boleh berlaku dalam masyarakat. Bagi kita, kita menyatakan bahawa hak rakyat untuk membangkang kerajaan. Itulah hak yang dibenarkan oleh syariah Allah SWT.

Berdasarkan kaedah bahawa Islam itu *Addinu Nasihah*, Islam adalah agama nasihat. Antaranya untuk para pemerintah orang Islam, pemerintah orang beriman diberikan nasihat. Berdasarkan hadis Nabi SAW, [Membaca sepotong hadis] “*Sebaik-baik jihad adalah kalimah yang benar berhadapan dengan pemerintah yang zalim*”. Oleh kerana itu, kita menyatakan bahawa bila ada himpunan, himpunan itu untuk menegur kerajaan, memberi nasihat kepada kerajaan, maka ialah himpunan yang dibenarkan oleh syariah. Termasuklah ditimbulkan tadi tentang doa menjatuhkan kerajaan.

Doa itu perkara biasa, semua orang berhak berdoa. Orang yang mendoakan itu tidak perlu takut kerana doa yang diterima oleh Allah SWT adalah doa orang yang kena zalim. Kalau dia kena zalim, Allah SWT terima. Kalau dia tidak kena zalim, Allah SWT tidak terima. Ataupun kalau berlaku zaman Nabi SAW, orang-orang Quraisy sangat takut apabila Nabi SAW berdoa angkat tangan kerana orang Quraisy menzalimi Nabi SAW, menghalang Nabi SAW untuk solat di Masjid Haram. Maka dia angkat tangan

berdoa kepada Allah SWT menyebabkan pucat lesi muka orang-orang yang didoakan oleh Baginda SAW. Kenapa? Oleh sebab dia takut dengan doa Nabi SAW.

Apa yang saya hendak sarankan dalam bicara hari ini atau dalam ucapan saya pada hari ini ialah ada lima perkara. Pertama sekali, tentang saya mengalu-alukan usaha menggugurkan kesalahan protes jalanan dalam seksyen 3 dan seksyen 4. Perkara ini telah lama kita disebut dan kita berbicara di sini. Kedua, perlu juga untuk kita lihat kuasa polis yang diberikan untuk menyuraikan perhimpunan agar mengelakkan kekerasan. Ini kerana rakyat mempunyai hak untuk menyampaikan pandangan mereka dan kerajaan menerusi polis dan sebagainya, mempunyai hak dan kewajipan untuk menjaga keamanan dan memberi keselamatan kepada para rakyat yang berhimpun. Ketiga, saya ingin mencadangkan bahawa tempoh pemberitahuan perhimpunan yang disebut daripada 10 hari dipendekkan lagi dengan melihat kepada keperluan semasa. Antaranya ada perkara-perkara yang *urgent* yang boleh berlaku dengan yang memerlukan himpunan segera.

Saya hendak mencadangkan agar kita melihat ruang kita di Parlimen, kita ada mencadangkan usul yang disegerakan, usul tergempar kita panggil. Oleh kerana ada kepentingan tertentu, isu tertentu dan ada kepentingan awam, maka perkara ini perlu kita masukkan juga dalam akta yang baru ini, pindaan ini supaya ada ruang-ruang jika berlaku perkara-perkara *urgent*, segera, melibatkan kepentingan awam dapat kita segerakan himpunan dan tidak memerlukan lagi tempoh pemberitahuan selama tujuh hari atau 10 hari tadi. Itu hanya diperlukan 24 jam sahaja. Maka saya harap ia dimasukkan dalam cadangan pindaan nanti.

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat apabila ada sesuatu himpunan, kadang-kadang yang kita lihat ialah kakitangan awam. Mereka diugut untuk menyertai sesuatu himpunan sedangkan himpunan itu adalah satu keperluan untuk kepentingan masa depan negara.

■1440

Jadi apakah perkara ini perlu satu pindaan supaya membolehkan tidak kira siapa sahaja walaupun dia melibatkan kakitangan, jangan ada ugutan, beri kebebasan. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sama ada kakitangan kerajaan ataupun para pelajar sebagai contoh, mereka ada hak demokrasi mereka untuk menyampaikan pandangan. Maka tidak wajar pada pelajar diugut untuk menyertai perhimpunan yang baik dan tidak wajar juga pegawai-pegawai kerajaan diugut untuk menyertai perhimpunan yang baik. Berbeza sekiranya perhimpunan itu perhimpunan tidak baik, yang merosakkan masyarakat, merosakkan negara. Akan tetapi ini hak yang patut kita berikan kepada rakyat atau demokrasi membawa kebaikan negara.

Akan tetapi apa yang penting juga untuk saya nyatakan di sini ialah tentang peruntukan yang saya hendak cadangkan untuk dimasukkan tanggungjawab penganjur. Mereka yang menganjurkan perhimpunan yang besar, menjangkau jumlah ribuan manusia, tidak wajar hanya bergantung kepada polis sebagai pengawal keselamatan. Perlu juga disyaratkan kepada mereka ada pasukan tambahan yang boleh membantu perhimpunan agar berjalan dengan lebih baik seperti dibuat oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), kita ada unit amal kita yang kita gunakan untuk membantu polis mengawal keselamatan dan mereka selalu lebih tahu apa yang disampaikan oleh para penganjur perhimpunan ini.

Juga saya ingin sarankan dalam perbincangan kita pada hari ini tentang akhlak-akhlak yang patut di ambil tanggungjawab dalam menyertai perhimpunan ini dan patut dijadikan garis panduan oleh kerajaan kepada penganjur himpunan. Itu akta ini berkaitan dengan akhlak kerana akhlak ini adalah suatu cerminan kepada sebuah masyarakat. Siapa pun kita, apa pun yang hendak kita cakap, apa pun kita ketidakpuasan hati yang kita ingin sampaikan, tetapi masih dalam ruang lingkup iman kepada Allah dan juga akhlak yang diajar oleh Allah SWT. Contoh kita ambil dalam al-Quran menyatakan *[membaca sepotong ayat al-Quran]*, “Allah tidak suka orang yang sompong dan juga bongkak.” Berhimpun dalam bentuk kesombongan, kebongkakan. Sedangkan himpunan yang hendak dibuat itu untuk menyampaikan pandangan dan akan sampai kepada manusia sekiranya disampaikan dengan penuh tawaduk, bukan dengan cara yang kasar dan keras.

Maka akhlak seumpama ini perlu kita ambil. Begitu juga seperti mana kata Nabi SAW, *[membaca sepotong hadis]*, “*bukanlah orang beriman itu seorang yang menuduh, membuat tuduhan dalam ucapan ketika ingin membuat tuduhan yang tidak berasas.*” *[menyebut dalam Bahasa Arab]*, “*bukanlah orang yang melaknat orang lain, mengutuk orang lain.*” *[Menyebut dalam Bahasa Arab]*, “*bukanlah orang yang bercakap lucu,*” *[Menyebut dalam Bahasa Arab]*, “*tidak bercakap perkara yang kotor.*”

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Maka saya harap perkara-perkara seumpama ini kita jadikan sebagai panduan dalam kita membenarkan rakyat untuk berhimpun supaya matlamat perhimpunan itu akhirnya sampai kepada apa yang kita mahu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kampar. Sila.

14.43 ptg.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman 2012 ini. Tuan Yang di-Pertua, matlamat asal akta ini adalah untuk memastikan bahawa semua warganegara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan atau menyertai perhimpunan secara aman tanpa senjata. Itu adalah satu matlamat yang memang terkandung dalam akta asal ini dan apa yang kita lihat di sebaliknya akta ini telah diperalatkan oleh kerajaan pada masa yang terdahulu untuk menyekang hak untuk bersuara dan untuk berhimpun dan saya percaya banyak Ahli Parlimen di dalam Dewan hari ini merupakan tertuduh di bawah akta tersebut dan saya adalah salah seorang daripadanya setelah Yang Berhormat Setiawangsa dituduh di atas akta tersebut, seksyen 9(5).

Jadi apa yang kita lihat matlamat tersebut tidak memenuhi tujuan ia di mana kami ada hak untuk berhimpun. Apa yang kami adalah untuk menganjurkan perhimpunan dan kadang-kadang seperti mana yang telah pun dibahaskan oleh ramai Ahli Dewan ini, memang tidak ada cukup masa untuk 10 hari. Jadi notis di bawah Seksyen 9 itu menjadi satu isu dan masalah dan ini telah diperalatkan oleh kerajaan untuk menuduh kami ke mahkamah. Seperti saya lima tahun saya terpaksa menahan dan untuk bela diri saya

dalam pertuduhan tersebut di mana adalah satu pertuduhan yang remeh. Jadi saya menyambut baik kenyataan Yang Berhormat Menteri hari ini mengatakan selepas pindaan ini ia akan merupakan satu kesalahan yang ringan saja di mana ia boleh dikompaunkan.

Jadi ini adalah amat baik kerajaan mengambil langkah ini untuk memindah akta ini kerana memang di dalam Artikel 10, Perlembagaan Persekutuan membenarkan kebebasan hak untuk bersuara, berhimpun ataupun berpersatuan. Jadi ini memang hak asasi kami dan apa yang kerajaan melakukan sekarang adalah baik demi memenuhi hasrat rakyat yang telah pun membuat satu pilihan untuk bersama kerajaan Pakatan Harapan membuat satu perubahan ke arah Malaysia baharu ini. Jadi tiga faktor penting yang terkandung dalam pindaan ini yang saya ingin bahas adalah terutamanya yang pertama adalah notis untuk menganjurkan satu perhimpunan sekarang ini dikurangkan kepada tujuh hari dan ini adalah satu yang baik. Akan tetapi apa yang saya hendak bangkitkan di sini adalah kemungkinan kerajaan patut pertimbangkan apa itu notis.

Notis adalah merupakan satu pemberitahuan. Jadi selagi kami sebagai pengajur memberitahu kepada polis, tiada perlunya polis memberi kebenaran dan *consent is no longer necessities* padahal bila ia adalah merupakan satu notis sahaja. Selagi ada satu makluman, kami faham pihak polis perlu membuat kerja mereka dengan ada notis, mereka tahu apa yang sedang berlaku. Akan tetapi bila kami buat lagi satu *condition* atau syarat, polis perlu bagi kebenaran. Ini menjadi satu *redundancy*. Jadi saya harap kita dapat lihat notis ini dari segi satu pemberitahuan yang sebenarnya. Maknanya selagi kami telah beri satu notis dan jika polis tiada apa-apa alasan untuk membantah ataupun tidak memberi kebenaran, perhimpunan itu akan dijalankan. Tidak perlu lagi kita tunggu sehingga OCPD memberi kebenaran. Kita perlu syarat yang kemudiannya. Jadi ini perlu kita pertimbangkan agar penambahbaik ini betul-betul memenuhi syarat ataupun tujuan murni kerajaan kita sekarang ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Ya Yang Berhormat Kampar, apa pandangan Yang Berhormat Kampar kalau tempoh notis ini disingkatkan kepada tiga hari sahaja.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Itu maksud saya. Tempoh berapa hari untuk notis adalah satu isu yang kita boleh bincang. Tiga hari kah, 24 jam kah tetapi selepas pemberitahuan notis itu kenapa pula kita perlu ada satu lagi syarat bahawa polis OCPD yang akan memberi kebenaran ataupun bersetuju dengan notis tersebut. Notis merupakan satu pemberitahuan. *Its a notification. So as long as you notify dengan izin,*

itu cukup memenuhi syarat bagi saya. Jadi harap kerajaan dapat meneliti ini dan mempertimbangkan isu ini dengan lebih mendalam lagi.

Saya juga ingin memuji kerajaan kerana kita dengan pindaan ini kita akan mengambil keluar kesalahan protes jalanan ini dan Yang Berhormat Pontian tadi dia membangkitkan apa maksud protes jalanan ini dan saya amat hairan kerana protes jalanan ini kesalahan menganjurkan protes jalanan ini telah digubal oleh kerajaan yang terdahulu bukan kami. Jadi dia sepatutnya tahu apa itu protes jalanan yang kita sekarang, kami batalkan dengan pindaan yang akan dikemukakan dengan ini.

Lagi satu isu yang penting yang telah pun dikemukakan adalah kuasa untuk mengkompaun kesalahan kerana menurut Yang Berhormat Menteri bahawa ini merupakan satu kesalahan yang kecil. Akan tetapi apa isu adalah memang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri adalah disambut baik bahawa ia merupakan satu kesalahan yang ringan, yang tidak akan melucut-hak kami sebagai Ahli Dewan Rakyat ini sekiranya kami dituduh dan dikompaun. Akan tetapi ia tidak jelas, ia tidak terkandung di dalam akta ini. Saya harap hasrat kerajaan ini yang memang nyata juga dikandungkan di dalam satu seksyen di bawah ini bahawa ia tidak akan menjelaskan hak kami dalam sekiranya kami dikompaunkan di bawah akta tersebut.

Jadi apa yang kami lihat dalam pindaan ini, saya juga ada hendak bangkitkan isu perlembagaan di sini. Seperti mana yang telah pun dibahaskan oleh Yang Berhormat Tanjung Malim tadi, ada satu isu adalah di mana Mahkamah Rayuan telah pun memberi satu keputusan di bawah Yang Berhormat Setiawangsa punya kes, bahawa akta ini adalah bercanggah dengan perlembagaan kami. Akan tetapi ada lagi satu kes yang kemudiannya satu tahun kemudiannya yang juga mahkamah rayuan memutuskan di sebaliknya pula bahawa akta ini tiada masalah dan tidak bercanggah dengan perlembagaan. Jadi pada masa sekarang walaupun kita buat pindaan kepada akta ini, isu ini masih ada. *It is not settled.*

■1450

Jadi kalau kita buat satu pindaan dan isu pokok sama ada akta ini adalah *constitutional* ataupun tidak, itu tidak diselesaikan. Jadi saya rasa, kita terlepas pandang atas kepentingan untuk menyelesaikan masalah ini kerana sekiranya sesiapa ataupun ada orang dituduh di bawah akta pindaan baharu ini, beliau akan membawa isu ini sekali lagi. Ini disebabkan bila saya membela pertuduhan di bawah seksyen ini, isu ini juga dibawa oleh saya dan saya telah rujuk kepada Mahkamah Persekutuan untuk satu

penentuan bahawa sama ada akta ini melanggar hak kami di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu seksyen 3(10) atau tidak.

Jadi bila kita buat pindaan, masalah pokok tidak diselesaikan. *We will still be facing the same problems.* Jadi isu ini, bagaimana kami hendak selesai adalah saya harap kita buat satu pindaan yang memang tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan kami agar ia ada satu *clarity* yang jelas bahawa sesiapa yang jikalau dituduh, memang dituduh di bawah seksyen ini, tidak perlu lagi ada masalah kami rujuk kepada Mahkamah Persekutuan sama ada akta ini boleh dipakai atau tidak. Ini adalah amat penting sekiranya kami hendak membuat satu pindaan. Hendak buat pindaan secara keseluruhan dan bukan pindaan yang tidak menyelesaikan masalah pokok ini.

Jadi saya berharaplah kerajaan mengambil perhatian tentang isu yang dibangkitkan ini kerana kedua-dua kes yang saya nyatakan di sini adalah bercanggah. Saya mengikat mahkamah di bawahnya kerana kedua-dua keputusan kes mahkamah adalah dengan izin, *concurrent decision.* *That means* maknanya mahkamah di bawahnya mereka ada kekeliruan sama ada kes Yang Berhormat Setiawangsa terpakai atau kes Yuneswaran yang terpakai. Kita terlepas peluang untuk menyelesaikan isu ini.

Untuk mahkamah memutuskan bahawa akta ini tidak melanggar hak untuk berhimpun yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, kita perlu satu akta yang amat jelas sekali. Jadi harap isu yang penting ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dan pada dasarnya, memang saya menyokong pindaan yang dibuat ini kerana ia adalah merupakan satu langkah yang baik untuk kami memenuhi apa kehendak rakyat di luar sana. Bukan kami hendak pinda kerana kita dulu bantah tetapi kita pinda sebab memang akta ini adalah suatu akta yang telah diperalatkan oleh kerajaan yang terdahulu untuk menyekat kebebasan untuk bersuara dan berhimpun, terutamanya terhadap pihak pembangkang.

Jadi dengan itu, saya ingin menyokong pindaan ke atas rang undang-undang ini untuk membuat pindaan. Saya harap hujah-hujah saya ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kampar, menepati masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerang, sila.

2.53 ptg.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana tidak melupai nama-nama kami di kawasan parti-parti pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sentiasa diingati.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, saya pertama sekali ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dalam ucapan beliau tadi, beliau telah menggunakan beberapa perkataan yang jarang digunakan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Akan tetapi sekarang, hari ini, kerajaan adalah Pakatan Harapan, maka Yang Berhormat Menteri pun mempunyai suara-suara Kerajaan Pakatan Harapan.

Jadi di sini saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa Yang Berhormat telah menggunakan perkataan “*memberi lebih ruang kepada rakyat terhadap hak kebebasan bersuara dan berhimpun secara aman selaras dengan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan*”. Jadi sebenarnya Yang Berhormat Menteri, saya kagumlah ayat ini telah digunakan. Akan tetapi saya agak musykil sebab bagi saya pindaan kepada Akta APA ini, sebenarnya mewujudkan sesuatu yang tidak ‘apa’ kerana bagi saya seolah-olah adanya hanya pendekatan ‘Menanam tebu di bibir mulut’.

Ini boleh dilihat di dalam pindaan akta, tidak disentuh langsung Tuan Yang di-Pertua pada seksyen 15 iaitu sekatan-sekatan dan syarat-syarat. Sekatan-sekatan dan syarat-syarat ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa pindaan ini seperti yang saya sebut tadi adalah *cosmetic change*, dengan izin kerana sebenarnya bila sahabat-sahabat sebelah sini dan sebelah sana bercakap tentang kebebasan di bawah Perlembagaan untuk berhimpun, kebebasan tidak boleh mempunyai syarat. Kalau inilah yang disebut oleh kerajaan sebagai pendekatan baharu kerajaan untuk memberikan kebebasan, bagi saya kebebasan harus diberi dalam pendekatan yang sepenuhnya.

Yang Berhormat Menteri juga merujuk kepada dua akta undang-undang yang boleh dikenakan kepada mereka yang melanggar beberapa tindakan semasa dalam himpunan. Seperti contohnya kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan kesalahan di bawah dengan izin, *Criminal Procedure Code (CPC)*. Maknanya kesalahan itu masih ada. Bererti bahawa Akta APA ini tidak bererti bahawa memang semua orang boleh melakukan sesuka yang mereka mahu. Bererti, masih adanya sekatan melalui undang-undang-undang, tertakluk pada undang-undang yang lain. Itu yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri.

Jadi di sini saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, sepatutnya kalau betullah kerajaan mahu mewujudkan budaya kerajaan yang baharu, buanglah APA ini seperti yang dibuang kepada akta baru-baru ini semasa kerajaan menjadi kerajaan, membuang kepada apa yang disebut sebagai *Fake News Act*,

sebagai contoh. Kerajaan buang sebab kerajaan melihat undang-undang ini tidak relevan. Itu budi bicara kerajaan.

Jadi hari ini dalam APA ini, saya ingin mencadangkan bahawa perkara yang sama dilakukan. Kenapa saya bercakap demikian? Saya hendak rujuk kepada semua sahabat saya tadi yang berbahas, termasuk daripada dimulai dengan Yang Berhormat Tanjung Malim, kemudian sahabat saya daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor, kemudian Yang Berhormat Kuala Nerus sudah tentulah, kemudian sahabat saya daripada Yang Berhormat Kampar baru sekejap tadi. Kemudian sahabat saya belakang ini daripada Yang Berhormat Pontian yang menyatakan bahawa kalau kita lihat kepada keikhlasan dalam pindaan ini, tidak ada.

Pertama sekali, umur 21 tahun. Kalau lahir pindaan Perlembagaan diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, tidak akanlah hendak mengundi 21 ke bawah jadi 18 tahun tetapi bila hendak berhimpun, tidak boleh. Jadi seolah-olahnya adanya satu apa yang dikatakan *confusion*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Percanggahan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Saya tidak tahu lahir Yang Berhormat Menteri tetapi bagi saya, Yang Berhormat memulakan ucapan mengatakan bahawa, “*Adanya Jawatankuasa Khas dan Jawatankuasa Teknikal Kajian Undang-undang Berkaitan dengan Keselamatan ditubuhkan di dalam KDN. Tujuan untuk menjalankan kajian terhadap enam undang-undang termasuk juga Jawatankuasa Khas*”.

Kenapakah tidak sahabat-sahabat saya ...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pengerang. Yang Berhormat Pengerang, minta jalan sekejap.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Sekejap. Kenapa tidak pula ...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta laluan.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Sekejap. Kenapa tidak membenarkan sahabat-sahabat saya seperti Yang Berhormat Bukit Gelugor yang terkenal sebagai peguam jenayah, Yang Berhormat Jelutong terkenal sebagai peguam jenayah, ramai terkenal sebagai peguam jenayah, dimasukkan di dalam jawatankuasa supaya perkara ini dapat dilihat dan diselesaikan dan tidak membuang masa Dewan, sebagai contoh?

Point kedua Yang Berhormat Pendang, saya hendak sebut tentang – Tidak sampai lima minit yang saya ada. Bukan saja dari segi umur tetapi perkataan

“himpunan”. “Protes jalanan” dibuang, “himpunan” masih ada. Kalau kita lihat pada seksyen 15, terdapatnya ketidakfahaman di antara protes jalanan dengan himpunan di mana walaupun protes jalanan itu dibuang, tetapi himpunan tetap himpunan. Maknanya sama ada himpunan itu haram ataupun himpunan itu halal, himpunan itu akan dikenakan prasyarat.

Jadi saya sebut tadi bila saya mendengar sahabat-sahabat bercakap tentang definisi dan akhir sekali, sebelum saya beri Yang Berhormat Pendang hendak masuk ini, dengan notis, notis yang 10 hari pada tujuh hari. Kerajaan bangga “*Wah, notis sudah kurang*”. Tuan Yang di-Pertua, notis itu notislah tiga hari kah, dua hari kah, empat hari kah, masih notis. Tidak payah notis. Kalau kita tengok contoh-contoh negara Barat, ada 48 jam, dua hari. Ada yang lapan jam Tuan Yang di-Pertua, lapan jam sahaja dia kata bagi notis. Tidak payahlah hendak tunggu berhari-hari sebab adanya undang-undang lain yang boleh menghukum jika berlakunya kesalahan semasa ada perhimpunan.

Akhir sekali, sahabat-sahabat banyak cakap dulu Kerajaan BN buat, kenapa sekarang baru hendak cakap. Itu sebab saya kata, kalau hendak buat perubahan, buatlah perubahan yang betul Tuan Yang di-Pertua. Jangan sekali lagi saya cakap hanya ‘Menanam tebu di bibir mulut’, seolah-olah ada perubahan tetapi perubahan tidak sepenuhnya. Silakan Yang Berhormat Pendang, tinggal tiga minit.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Saya hendak teruskan kepada soalan. Minta penjelasan, adakah Yang Berhormat Pengerang bersetuju bila undang-undang APA ini ataupun Akta Perhimpunan ‘Haram’ ini dan kita menurunkan ...

Beberapa Ahli: Aman.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Perhimpunan aman dengan haram, dua perkara yang berbeza tetapi dua-dua boleh sebelum ini.

■1500

Bila kita turun daripada umur 21 ke 18, bermakna selepas ini kita juga membenarkan anak-anak kita yang masih lagi dalam kategori *student* atau pelajar boleh berhimpun untuk membuat satu tunjuk rasa tidak puas hati kepada pihak pentadbiran atau pada sekolah. Ini yang boleh termasuk dalam akta ini tak? Sila. Minta komen.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih ya sahabat saya. Sebenarnya bab kanak-kanak-kanak itu saya hendak komen pun susahlah sebab kalau hendak...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tak. Maksudnya yang sekolah...

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Bukan. Maksud saya hendak terangkan dari segi undang-undang bila hendak cakap tentang hak kebebasan untuk berhimpun, dia tak ada tetapkan kepada had umur. Kalau budak kecil pun definisi kalau luas, itu luas. Kalau tak luas itu dia tak luas.

Walau bagaimanapun, dalam perkara ini, saya melihat kalau kerajaan mahu pergi ke arah pendekatan kepada perubahan, maka perubahan kena 100 peratus. Itu sahaja cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri yang saya begitu hormati dan bagi saya beliaulah antara kepimpinan yang terbaik untuk memimpin Kementerian Dalam Negeri.

Akan tetapi, sedikit nasihat kepada Yang Berhormat Menteri. Kadang-kadang Yang Berhormat dengan pegawai kerajaan, kita beritahu pegawai kerajaan apa kita hendak, bukan pegawai kerajaan beritahu kita apa dia hendak. Sebab kalau ikut kata pegawai kerajaan, semua tak boleh. Itu sebabnya perubahan yang hendak bawa—kepada sahabat-sahabat saya yang jadi Menteri, biarlah ada keberanian. Hendak buat, buatlah betul-betul supaya tak payah lagi kita datang ke dalam Dewan pada sesi yang akan datang lepas pindaan Perlembagaan, kalau dapat, *insya-Allah*, ubah lagi undang-undang mengenai semua umur di bawah 21 dengan 18 tahun.

Dengan itu, saya Pengerang menyokong tetapi menyokong bersyarat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai. Selepas ini Yang Berhormat Rantau Panjang. Sila.

3.01 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu langkah yang baik bila kita lihat dan teliti beberapa perkara yang sedang diangkat. Saya juga meneliti apa yang telah disebut oleh sahabat-sahabat yang lain termasuk Yang Berhormat Pengerang. Saya terfikir bila dibangkitkan isu usia sebagai penganjur, mungkin itu satu perkara yang pihak kerajaan boleh berikan sedikit, bagi saya, tumpuan bila masa kita selaraskan secara keseluruhan. Mungkin bukan sahaja untuk Akta Perhimpunan Aman 2012 tetapi mungkin Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan boleh bersama-sama dengan pihak

Peguam Negara meneliti undang-undang lain yang mana perlu diselaraskan isu usia. Ini kerana bagi saya, jika kita sudah cukup usia untuk mengundi, kita sudah cukup usia untuk menyertai sebagai tentera, sebagai bomba dan sebagainya, maka bukan sahaja kita layak berpersatuan tetapi kita juga, pada hemat saya, juga layak untuk menganjur perhimpunan aman. Ini mungkin satu langkah yang boleh diambil, kalau tidak sekarang, di masa hadapan, *insya-Allah*, tetapi jangan dilihat hanya pada Akta Perhimpunan Aman tetapi juga akta-akta yang lain untuk diselaraskan.

Saya menerima baik, sebenarnya bukan isu notis, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bila kita lihat benda yang— bagi saya, dua perkara yang paling signifikan ataupun paling penting dalam rang undang-undang ini termasuklah perubahan atau pindaan yang tidak lagi menjadikan protes jalanan sebagai satu kesalahan dan kedua adalah kompaun. Kini kompaun bukan lagi dihadapkan ke mahkamah dan dijadikan senjata politik. Bagi saya, kedua-dua pindaan ini membuktikan bahawa Pakatan Harapan sebagai sebuah kerajaan yang berteraskan reformasi yang ingin menambah baik keadaan, akan menjadikan akta ini bukan satu senjata politik untuk menangkap dan mendakwa kerana saya rasa hak untuk kita berhimpun secara aman itu adalah hak yang termaktub dalam Perlembagaan kita.

Jangan dijadikan perbezaan pendapat, perbezaan fahaman politik yang termanifestasi di atas jalan raya ataupun tempat-tempat kita berhimpun sebagai alasan untuk kita mendakwa musuh politik dan menafikan mereka peluang untuk bertanding dalam pilihan raya.

Saya lihat bila disebutkan beberapa statistik oleh Yang Berhormat Menteri tadi 8,668 perhimpunan aman sepanjang tahun 2018 dan 1,562 perhimpunan aman yang telah berlangsung dari awal tahun ini hingga ke bulan Mei 2019, bagi saya ini adalah satu petanda bahawa rakyat Malaysia secara amnya semakin matang dan semakin faham bahawa mereka mempunyai hak untuk berhimpun dan menyuarakan pandangan mereka secara aman tanpa mengakibatkan kekecohan. Ini dengan secara pukal atau secara keseluruhannya menunjukkan bahawa di bawah pentadbiran yang ada sekarang ini bukan sahaja kita prihatin tentang hak kemanusiaan tetapi rakyat Malaysia juga faham dan tidak lagi patut timbul selepas ini hujah yang mengatakan bahawa rakyat Malaysia ini tidak matang dan tidak tahu hak-hak mereka terutama dalam isu berhimpun secara aman.

Saya ingin menegaskan satu perkara. Kalau boleh, Yang Berhormat Menteri, pertimbangkan— ada disebut di kalangan Ahli-ahli Parlimen, sahabat-sahabat yang

mana isu pemberitahuan yang kalau sebelum ini, dengan izin, *the honest is on the organizer* ataupun penganjurlah yang perlu memaklumkan kepada mereka-mereka yang mana mungkin mempunyai isu atau kepentingan dalam kawasan berhampiran ataupun di kawasan yang akan diadakan perhimpunan tersebut. Akan tetapi, saya berpandangan sama seperti beberapa sahabat yang lain, Yang Berhormat yang lain, bahawa mungkin pemberitahuan itu boleh diusahakan oleh pihak anggota keselamatan, sebagai contoh. Bagi saya, ini akan membolehkan para pengajur untuk lebih memberi fokus kepada aspek keselamatan dalam pengajuran mereka dan teruskan ke arah itu. Saya percaya pihak berkuasa mempunyai senarai yang penuh siapa yang perlu dimaklumkan. Mungkin boleh diperincikan proses pemakluman itu, pemberitahuan itu untuk memastikan tidak ada sesiapa yang ditinggalkan. Isunya adalah dari segi implementasi atau pelaksanaan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian Yang Berhormat Menteri yang telah menunjukkan bahawa bila kita melihat kepada pewartaan ataupun Warta Kerajaan Persekutuan pada tahun 2017, cuma sehingga tarikh tersebut, baru satu tempat sahaja yang telah diwartakan sebagai tempat untuk berhimpun secara aman iaitu di Stadium Darul Makmur, Pahang. Saya terima baik niat kerajaan dan juga kementerian dan Yang Berhormat Menteri yang akan meletakkan termasuklah Padang Merbok dan juga Jalan Raja sebagai tempat untuk berhimpun secara aman dalam warta.

Saya juga ingin mencadangkan mungkin kawasan siar kaki di kawasan Parlimen, bukan dalam Parlimen tetapi jalan siar kaki menuju ke Parlimen yang mana acap kali kita Ahli-ahli Parlimen keluar masuk daripada Bangunan Parlimen ini sering kali kita bersemuka bertemu dengan pelbagai pihak, memang bagi saya itu adalah satu tempat mungkin boleh dipertimbangkan sebagai tempat yang diwartakan untuk perhimpunan aman. Malah, pagi tadi juga saya rasa ada satu kumpulan yang telah berhimpun dan saya rasa itu adalah hak mereka untuk bertemu dan menyuarakan pandangan mereka kepada Ahli-ahli Parlimen.

Pada masa yang sama, saya ingin bertanyakan sama ada pihak kementerian boleh...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Lembah Pantai, sedikit.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Silakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat

Lembah Pantai. Betul, sepetimana Yang Berhormat Lembah Pantai memberitahu, tadi ada demonstrasi dan siar kaki itu dijadikan sebagai tempat yang diwartakan sebagai perhimpunan. Adakah ini yang Yang Berhormat Lembah Pantai maksudkan maknanya kita akan pastikan tiap-tiap hari akan ada perhimpunan aman di kawasan tersebut?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Kalau ada orang hendak menganjur, boleh. Akan tetapi, bagi saya...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Lembah Pantai bersetuju dengan demonstrasi pagi tadi?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya—mereka ada hak. Sesiapa yang ingin—saya tidak menafikan hak. Sama ada saya setuju atau pun tidak, bagi saya, dengan izin, *that is the second matter*. Tetapi mereka ada hak. Sesiapa yang ingin, mereka ada hak.

Bagi saya, yang lebih penting isu notis bila kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti bahawa pengurangan daripada 10 hari ke tujuh hari ini adalah satu penambahbaikan. Akan tetapi, saya ingin melontarkan satu pandangan yang mana bila kita lihat kepada, dengan izin, *Public Order Act* di Singapura iaitu *the equivalence act*, dengan izin, dengan Akta Perhimpunan Aman, mereka tidak mempunyai tarikh notis sama seperti kita. Dengan izin kalau saya boleh menyebut dalam seksyen 6 of the *Singaporean Public Order Act subsection (2)*, “*Notice under this section should be given not less than the prescribed period before the date on which the assembly or procession, as the case may be, is to be held*”.

Di Singapura yang mungkin ramai mempunyai pandangan tentang cara mereka mengamalkan demokrasi, di Singapura juga tidak ada juga, sebagai contoh, satu tarikh. Mungkin saya tidak pasti sama ada saya salah membaca, tetapi ini adalah satu perkara yang boleh kita pertimbangkan, mungkin kalau bukan sekarang mungkin di masa hadapan bila masa Malaysia dan rakyatnya semakin matang mengamalkan perhimpunan aman.

■1510

Saya juga berpandangan bahawa perkara yang berkenaan dengan - bila kita lihat kepada *jurisdiction* ataupun Parliment-parlimen yang lain. Mungkin kita boleh lihat juga dari segi konteks tadi disebut di negara-negara barat mungkin tidak terlalu bersesuaian

dari segi amalan demokrasinya secara keseluruhan. Akan tetapi mungkin kita boleh lihat di rantau Asia Tenggara dan kita boleh - mungkin di masa hadapan mempertimbangkan, mungkin kita boleh keluarkan seterusnya keperluan untuk mengadakan notis ini. Akan tetapi saya percaya itu akan mengambil sedikit masa. Setakat itu sahaja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang. Selepas ini Yang Berhormat Ipoh Timur.

3.11 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan Pakatan Harapan untuk membuat pindaan ini yang juga menjadi salah satu daripada janji dalam manifesto pilihan raya iaitu untuk menghapuskan undang-undang yang zalim. Jadi saya harapkan segala janji-janji bukan akta ini sahaja. Banyak lagi janji-janji yang telah dijanjikan kepada rakyat dalam pilihan raya umum yang keempat belas yang lalu dapat ditunaikan dengan segera. Kita mengharapkan pindaan ini akan menambahbaikkan lagi amalan sistem demokrasi dalam negara kita untuk memberi hak kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan-pandangan secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat pengalaman, banyak kita melalui himpunan-himpunan dalam negara kita dan bagi PAS sendiri, kita sebelum ini mengadakan banyak juga himpunan-himpunan termasuk kita mengadakan Himpunan Membantah Kriket Israel, Himpunan Mansuhkan ISA, Himpunan Mansuhkan PPSMI, Himpunan BERSIH, Himpunan ICERD, Himpunan RUU 355 dan banyak lagi penyertaan kita dalam pelbagai himpunan. Jadi sudah tentulah kita mempunyai pengalaman yang pahit dan manis yang telah kita lalui termasuk pernah di kalangan kita ada yang ke lokap, ada yang ditangkap, ada yang terkena gas pemedih mata dan pelbagai isu dan sudah tentu ia menjadi satu perkara yang menjadi ingatan kepada kita.

Jadi saya menyarankan supaya dalam melaksanakan himpunan ini, kita menegaskan supaya menjaga adab dalam mengadakan himpunan supaya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Nerus himpunan kita ialah mengajak masyarakat kepada kebaikan. Untuk mengajak masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik bukan mengajak kepada kemungkaran. Jadi sebab itu lah

adab tatasusila hendaklah dijaga. Apa yang paling penting ialah kita tidak mahu adanya golongan yang mengambil kesempatan dalam himpunan ini mengadakan provokasi.

Ini lah mungkin satu teknik yang perlu, supaya kita tidak membenarkan golongan mungkin yang menganjurkan tidak berhasrat dan tidak adapun perancangan untuk mengadakan perkara ini tetapi mungkin dibuat oleh musuh ataupun pihak yang di sebaliknya untuk mengadakan provokasi untuk menggambarkan bahawa himpunan yang diadakan oleh kumpulan ini adalah himpunan yang tidak aman dan sebagainya. Jadi, ini adalah satu tanggungjawab besar. Jadi sebab itu lah kita mengharapkan kerjasama daripada semua pihak.

Saya ingin penjelasan juga tentang peruntukan di bawah seksyen...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Rantau Panjang. Boleh?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya. Ya.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Sedikit pencelahan. Satu lagi Yang Berhormat adakah Yang Berhormat bersetuju satu aspek yang cukup penting selain daripada menjaga keselamatan dan membantu pihak berkuasa untuk memastikan himpunan ini berjalan dengan lancar iaitu dari sudut aspek kebersihan yang sudah pasti perlu diambil kira. *Alhamdulillah* sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, beberapa kali himpunan telah dianjurkan oleh PAS khususnya, *Alhamdulillah* anggota Unit Amal PAS dan juga para peserta yang hadir sudah pasti akan memastikan selepas daripada himpunan ini berlangsung akan memastikan kebersihan ini akan dapat dijaga. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan ini? Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya. Terima kasih dan saya sangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Krai. Kita tengok bagaimana himpunan yang baru ini kita buat sebelum ini iaitu Perhimpunan ICERD yang kita melihat bagaimana unit amal daripada PAS termasuk Briged Muslimat begitu tekun dalam memastikan suasana, keamanan, kebersihan dan kepatuhan kepada arahan sebagaimana yang diarahkan oleh polis. Jadi, ini membuktikan bagaimana kita boleh melakukan himpunan aman dengan berdisiplin dan ini dapat disaksikan oleh semua pihak. Saya mengharapkan perkara ini dapat dipatuhi dalam himpunan-himpunan yang akan datang.

Saya ingin penjelasan iaitu berkaitan dengan peruntukan seksyen 15 iaitu berkaitan dengan bidang kuasa dan tanggungjawab penuh pada pihak polis di mana

mengenakan sekatan syarat ke atas himpunan bagi menjaga keselamatan, perlindungan hak, kebebasan orang lain dan ketenteraman awam. Jadi, sejauh mana peraturan undang-undang ini yang disyaratkan, syarat-syarat dan perkara ini yang ditetapkan dalam undang-undang yang baru ini adakah sama dengan undang-undang yang lama ataupun ada pindaan terhadap seksyen ini?

Begitu juga saya ingin tahu tentang tempat-tempat yang akan digazetkan untuk mengadakan himpunan sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi di Stadium Darul Makmur, Pahang. Bagaimana tempat-tempat lain di negeri-negeri lain? Adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan tempat-tempat khusus di setiap negeri untuk memudahkan apa-apa jua himpunan secara aman dilaksanakan? Bagaimana sekiranya himpunan ini dibuat di tempat yang tidak disebut dalam undang-undang ini? Tidak digazet kan macam mana? Jadi selain daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi? Jadi apakah kriteria tempat-tempat yang dimaksudkan dan bagaimana untuk menentukan syarat-syaratnya? Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri tentang isu yang berkaitan. Saya ingin tahu juga setakat ini berapa kes yang sebelum ini yang telah diambil tindakan di bawah Akta Himpunan Aman ini, yang telah dikenakan tindakan dan yang telah disabitkan dengan kesalahan?

Saya ingin juga penjelasan tentang penglibatan himpunan, bagaimana? Walaupun tidak disebut dalam ini tentang boleh untuk bawa anak-anak? Akan tetapi bagaimana kami yang melibatkan ibu datang ke himpunan, ayah datang, tidak akan hendak tinggal anak-anak? Anak-anak yang maksud saya bukan anak *baby* lah. Mana yang boleh untuk menyertai sama. Jadi apakah ada peraturan yang disyaratkan di sini? Begitu juga tentang kakitangan awam yang mereka juga mempunyai hak untuk menyuarakan hak. Ada mereka sebelum ini yang takut untuk datang ke himpunan-himpunan yang terbuka kerana ada kekangan, ada ugutan, ada macam-macam sekatan daripada pihak majikan. Jadi sejauh mana perkara ini...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...diberi ruang dalam memastikan bahawa hak dan suara rakyat ini dapat disuarakan dengan sebaiknya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Rantau Panjang. Boleh minta penjelasan sedikit? Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya tertarik kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai membawa anak-anak ke *protest peaceful*/ini. pada bulan yang lalu, lebih kurang 12 hingga 15 orang anak

murid sekolah telah membuat satu protes di Pulau Pinang. Ini adalah budak-budak sekolah untuk membawa kesedaran mengenai *climate change* dengan izin perubahan iklim yang menjadi masalah bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga lain-lain negara. Sebenarnya protes itu merupakan satu protes global fenomena di mana seluruh dunia anak-anak muda di sekolah dan di universiti keluar untuk membawa perhatian kepada isu *climate change*. Akan tetapi soal kita sekarang mereka sebenarnya adakah mereka terpaksa membuat *approval process* dengan polis? Adakah mereka mesti pergi dekat polis, kita akan adakah protes. Soalan itu penting sebab pertama mereka adalah anak muda. Mereka sekolah.

Kedua, *this world they will inherit this world*. Ketiga, ini bukan provokasi tetapi hanya untuk membawa kesedaran kepada orangramai. Harus kah anak muda ini, budak-budak sekolah ini minta *permission* ataupun memberitahu kepada kerajaan, pihak polis supaya mereka diberi peluang untuk protes? Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat ke dalam ucapan saya dan saya juga minta supaya Menteri beri penjelasan. Macam mana kalau ada himpunan daripada pelajar-pelajar untuk menggerakkan kesedaran masyarakat dalam isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan ramai? Jadi adakah perkara ini juga perlu dibawa kepada kelulusan pihak penguasa. Jadi saya harap supaya dengan akta ini akan mendapat memberi ruang yang lebih luas kepada semua masyarakat tidak kira di mana sahaja kedudukan untuk menyuarakan pandangan yang terbaik bagi melihat negara kita memberi ruang yang terbaik untuk suara demokrasi. Ini untuk membolehkan rakyat memberi pandangan yang terbaik untuk masa depan negara kita. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1520

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ipoh Timur.

3.20 ptg.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyertai dalam perbahasan pada petang ini melibatkan suatu akta untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin menyuarakan pendirian saya untuk menyokong pindaan ini yang mana merupakan satu pindaan yang amat tepat

pada masanya. Sekiranya kita meninjau kembali pada tahun 2012, apabila Akta Perhimpunan Aman 2012 ini diluluskan, di bentang di Parlimen ini dan di luluskan. Ia adalah setelah dua demonstrasi ataupun himpunan aman yang besar. Bersih 2.0 dan Bersih 3.0 telah pun berlaku di negara kita yang mana pada masa itu sememangnya terdapat satu suara yang amat besar supaya kerajaan pada ketika itu memberikan ruang yang secukup cukupnya untuk rakyat supaya boleh berhimpun dengan aman dan juga diberikan kebebasan untuk bersuara dan berhimpun.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku setelah Akta Perhimpunan Aman 2012 ini diluluskan. Apa yang saya boleh nampak adalah pada ketika itu akta ini telah pun disalahgunakan yang mana adalah lebih wajar dikenali sebagai suatu "Akta Anti Perhimpunan Aman" yang mana rakan-rakan ramai di sebelah sini dari pihak kerajaan pada hari ini, sebelum ini apabila kita menganjurkan ataupun menyertai ataupun mengetuai mana-mana perhimpunan aman. *The next things we have in mind* dengan izin, adalah setelah perhimpunan aman tersebut bersurai. Kita kena bersedia untuk dipanggil oleh polis sama ada sebagai seorang suspek ataupun sebagai seorang saksi dalam perhimpunan aman tersebut.

Di bawah semangat kebebasan bersuara dan kebebasan berhimpun yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan kesemua ini tidak sepatutnya berlaku. Sekiranya himpunan aman tersebut berjalan dengan lancar, tidak ada apa-apa alasan daripada kerajaan harus mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan akta ini kita telah nampak ada pembaharuan seperti yang dijanjikan oleh pihak kerajaan di sebelah sini untuk supaya *to put a stop* dengan izin, perkara-perkara lampau yang tidak harus kita teruskan. Khasnya berkenaan dengan notis yang telah pun kita tetapkan pada 10 hari pada sebelum ini dikurangkan kepada tujuh hari.

Sememangnya seperti yang dibangkitkan oleh rakan-rakan di sebelah sini sekiranya boleh, jumlah hari tersebut boleh dipendekkan seberapa pendek yang mungkin. Itu adalah sesuatu yang kita harapkan. Akan tetapi sekiranya pihak kerajaan mahu supaya kita hanya mengurangkan tiga hari bagi satu tempoh sebanyak tujuh hari juga, dalam perkara ini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan pada masa kini ataupun dalam masa yang terdekat untuk mempertimbangkan supaya membuat satu pindaan lanjut terhadap seksyen 91 yang mana selain daripada tujuh hari, kita juga memasukkan satu elemen *judiciary*.

Satu elemen kehakiman, yang mana sekiranya mana-mana pihak yang tidak sempat untuk memasukkan satu notis sebanyak tujuh hari tersebut boleh mendapat satu perintah daripada majistret ataupun mahkamah untuk berbuat demikian supaya kesemuanya dapat diselaraskan di bawah Akta Perhimpunan Aman ini. Idea ini juga adalah selaras dengan apa yang dinyatakan di bawah *Queensland Peaceful Assembly Act* tahun 1992 dengan izin. Seksyen 10 yang mana ia menyatakan dengan izin, “*If the assembly notice was given less than 5 business days, a Magistrate Court has the power to make an order to authorize the holding of the assembly*” dengan izin.

Ini merupakan satu cadangan ataupun satu panduan yang kita boleh pertimbangkan kerana ada kala pada kebanyakan masanya apabila kita hendak menganjurkan satu perhimpunan aman sudah tentulah ada isu-isu terdesak dan sekiranya kita tunggu katakan 10 hari ataupun tujuh hari mungkin isu itu, *time has taken over the event* dengan izin. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, notis ini tujuh hari kita boleh persetujui. Akan tetapi kita harap bahawa dalam masa yang akan datang ini boleh ditambah baik dengan memasukkan satu elemen supaya pihak kehakiman boleh melibatkan diri dalam isu sebegini apabila tujuh hari tersebut adalah tidak mencukupi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tadi semasa pembentangan oleh pihak Menteri, ada menyatakan satu seksyen berkenaan dengan kompaun. Itu merupakan satu seksyen yang amat dialu-alukan. Namun demikian, pada masa yang sama kita juga berharap bahawa pihak kerajaan pada hari ini *we have gone so far from the previous 20 years* dengan izin, yang mana ramai antara kita di sini sememangnya adalah dilahirkan di satu-satu situasi yang mana kita ada menyertai perhimpunan aman ini.

Kita berharap bahawa pihak kerajaan boleh memberikan jaminan dalam penggulungan nanti yang mana apabila Akta Perhimpunan Aman ini dikekalkan dengan pindaan yang kita sedang bahas pada hari ini kerajaan boleh memberikan satu jaminan bahawa kerajaan tidak akan menggunakan APA 2012 ini untuk menindas ataupun untuk mengambil tindakan terhadap pihak lawan kita yang tidak bersamaan fikiran politik dengan kita.

Saya fikir bahawa ini merupakan satu jaminan yang perlu diberikan oleh pihak kerajaan dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya sememangnya tadi apabila saya dengar daripada rakan-rakan saya di sebelah sana, Yang Berhormat Kuala Nerus dan juga yang lain-lain, sememangnya kita tahu bahawa angkatan-angkatan sukarelawan seperti unit amal. *I agreed, fully agreed. We enjoy the day's with unit amal dengan izin.*

Angkatan Muda Keadilan, Skuad AMK, unit amal dan unit tindak, kesemua ini telah pun membantu pihak polis dalam menjayakan kesemua perhimpunan aman yang telah pun dilaksanakan, yang telah diadakan sebelum ini.

Mungkin kita harus merekodkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada kesemua pihak ini yang mana telah membawa sistem dan semangat demokrasi ke satu tahap yang amat tinggi yang kita boleh nikmati pada hari ini. Dengan itu, sekali lagi saya memohon menyokong berkenaan dengan meminda Akta Perhimpunan Aman 2012 ini. Sekian, daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar. Selepas ini Yang Berhormat Tampin. Bersiap sedia.

3.28 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan pindaan Akta Perhimpunan Aman yang saya kira amat penting kerana ia mempunyai niat dan tujuan yang amat baik.

Saya rasa bangga hari ini dapat mendengar pindaan yang dibuat oleh seorang tokoh yang saya amat kagumi, Yang Berhormat Pagoh mendidik saya semasa saya menjadi pelajar satu ketika dahulu. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak buat *open declaration* bahawanya Yang Berhormat pernah mendidik saya sebagai seorang pemimpin.

Akan tetapi dalam konteks perbahasa pada hari ini saya agak keliru Yang Berhormat Pagoh. Kenapa akta ini merupakan satu akta yang dibawa oleh Yang Berhormat Pekan ketika menjadi Perdana Menteri pada 24 November 2011, hari Khamis. Kemudiannya di bahas pada 29 November 2011, hari Selasa. Kerana apa, sebab yang saya sebutkan tarikh-tarikh ini ialah merupakan salah satu perkara yang saya agak keliru dan saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan perkara yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

■1530

Saya nampak dalam *Hansard* yang dikeluarkan oleh Parlimen, saya kira amat tepat dan saya meneliti setiap baris kata, seolah-olahnya pembangkang yang dahulunya

menjadi kerajaan tidak bersetuju dengan Akta Perhimpunan Aman ini. Saya bersetuju Yang Berhormat Pengerang mengatakan akta hari ini sudah menjadi tidak apa, kerana apa, sudah tidak ada konsisten dari segi perjuangan mereka. Saya rasa pelik, saya rasa hairan. Banyak perkara Yang Berhormat bangkitkan tentang notis. Saya kira notis ini merupakan satu perkara yang agak pelik, tetapi benar.

Dahulunya, semasa perbahasan 29 November, Yang Berhormat Permatang Pauh ketika itu menjadi Ketua Pembangkang dan hari ini menjadi Yang Berhormat Port Dickson. Membandingkan kerajaan yang ada, Kerajaan Barisan Nasional ketika itu dengan Burma, dengan Zimbabwe, dengan Hong Kong. Mereka membanding-bandinkan dan seolah-olahnya mengatakan Burma – saya hendak rujuk Burma dikatakan sebagai satu mengambil hanya lima hari sahaja. Nampaknya apabila kerajaan memutuskan satu notis masa dan akhirnya ia meletakkan kita ini di belakang Burma dan Zimbabwe, hanya meletakkan untuk empat hari.

Jadi, saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, kerana apabila Yang Berhormat Pekan membentangkan pada 24 November 2011 hari Khamis, ia membentangkan notis ini 30 hari. Akan tetapi, semasa peringkat jawatankuasa, Yang Berhormat Padang Rengas ketika itu menjadi Menteri yang bertanggungjawab kepada Menteri Undang-undang telah membuat pindaan hasil usul daripada Yang Berhormat Kota Belud ketika itu. Maknanya daripada 30 hari, turun kepada 10 hari. Selama 20 hari telah diturunkan. Bagaimana pula hari ini saya hendak melihat komitmen Kerajaan Pakatan Harapan sebagaimana Yang Berhormat Tan Sri sebutkan tadi, Yang Berhormat Pagoh sebutkan tadi merupakan perkara 10 kebebasan. Bercakap, berhimpun dan berpersatuan dalam Perlembagaan negara. Saya yakin dan percaya kalau betul-betul ikhlas, ingin memenuhi perkara 10 ini, semasa peringkat jawatankuasa nanti tolong buat pindaan. Saya mengharapkan supaya hanya notis satu hari sahaja diberikan kepada pelaksanaan perhimpunan.

Saya hendak menyentuh perkara yang kedua berkaitan protes jalanan dan perhimpunan. Saya juga agak keliru tafsiran-tafsiran yang diberikan. Bagaimana perhimpunan? Bagaimana protes jalanan? Ia betul, protes jalanan ini melibatkan perarakan. Adakah perarakan ini tidak mewujudkan perhimpunan? Perkara ini saya memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya juga melihat gambar-gambar Yang Berhormat Menteri, Bersih 3.0, Bersih 4.0. Apabila gambar Yang Berhormat Marang dengan Yang Berhormat Pekan dipijak, saya juga melihat Bersih 5.0, gerakan anak-anak muda ketika itu. Saya juga nampak

satu gambar Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Jerlun pun ada. Jadi, saya hairan, kalaular kita menggambarkan bahawasanya protes jalanan ini tidak akan diambil mana-mana tindakan melalui perundangan ini dan akhirnya ini lah cerminan negara yang kita akan bawa kepada golongan anak-anak muda. Kalau betullah ia tidak akan menjadi himpunan, ia hanya protes jalanan, saya minta kerajaan nyatakan, apakah implikasi kewangan daripada kita batalkan protes jalanan seksyen ini? Tanpa kita melupakan bahawasanya, kita benarkan yang ini rupanya seksyen 15 masih berada banyak tempat dan sekatan-sekatan yang masih kita berada dalam perkara ini.

Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri agar – mari kita melihat masa depan negara. Kalau kita hendak menunaikan janji, kita tunaikan janji sebaik-baik mungkin. Jangan kita hanya tunai janji mana yang kita hendak sahaja bukan janji secara keseluruhan. Saya juga masih berpegang kepada prinsip bahawasanya apabila kita berjanji, kita mesti tepati. Kerajaan yang ada pada hari ini, saya amat bersetuju kalau Malaysia baharu adalah Malaysia yang membawa suara hati rakyat. Rakyat hendak apa? Rakyat tidak mahu kerajaan meletakkan sekatan-sekatan, berilah sekatan keseluruhannya.

Saya hendak tahu juga Yang Berhormat, Jawatankuasa Teknikal Keselamatan, bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah *backbenchers* mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang ini? Saya nampak gaya penghujahan, gaya perbahasan mereka seolah-olah mereka agak keliru dengan apa yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Keselamatan ini. Saya hendak tahu siapakah pengurusnya? Siapakah anggotanya? Saya hendak tengok, ada atau tidak Ahli-ahli Parlimen di pihak kerajaan yang turut serta dalam Jawatankuasa Teknikal Keselamatan ini.

Seterusnya Yang Berhormat, saya juga ingin menyentuh perkara yang melibatkan kanak-kanak. Saya harap sangat supaya Yang Berhormat Menteri sedang membawa satu kementerian yang amat penting untuk menguruskan manusia dari segi perundangan dan penguatkuasaan. Saya harap penguatkuasaan diberikan tumpuan kepada kanak-kanak ini. Ia betul, perhimpunan dikatakan aman tetapi sudah pastinya apabila perhimpunan ini bertukar menjadi tidak aman, adakah kita membiarkan kanak-kanak ini? Masa depan negara dibiarkan keselamatannya terabai? Adakah ibu-ibu dan ayah-ayah akan dapat menjaga keselamatan anak-anak ini ketika berlakunya huru-hara? Kalau saya dapat melihat perhimpunan yang tidak ada kekecohan, perhimpunan yang tidak ada elemen-elemen. Apabila kita...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sila.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Paya Besar, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar banyak perbahasan oleh Ahli-ahli Parlimen. Saya ingin tanya Yang Berhormat Paya Besar, kerana perhimpunan aman ini bermaknanya selesa, selamat dan sebagainya. Kita sudah bahas cerita tentang kanak-kanak, cerita tentang kebenaran, tentang kebenaran yang lebih awal dan sebagainya. Juga saya hendak sebut dan hendak tanya Yang Berhormat Paya Besar, penting sangat kerana perhimpunan-perhimpunan aman ini menjaga tentang keselamatan kesihatan. Ini kerana, sudah beribu-ribu orang berkumpul, macam-macam boleh berlaku. Nanti ada orang pengsan dan sebagainya, boleh menggugat nyawa. Seperkara lagi ialah mewujudkan tempat-tempat terutamanya kepada orang Islam untuk solat. Kalau berhimpun begitu lama, begitu ramai, di mana orang solat? Ini sangat penting. Kalau orang tak jaga sembahyangnya, ini bukan aman. Ini huru-hara namanya, terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya berpandangan Yang Berhormat Bagan Serai, berkaitan keselamatan kesihatan itu perkara yang amat penting Yang Berhormat Menteri. Walaupun kita tahu ancaman-ancaman ini melibatkan tindak balas *body contact* tetapi perkara-perkara yang kita tidak nampak melibatkan kesihatan ini juga harus diberikan perhatian. Ini kerana, apabila sudah tidak rang undang-undang yang mengawal protes jalanan, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat nyatakan. Ini kerana, rang undang-undang mempunyai sifat yang baik. Dikatakan oleh Kerajaan Barisan Nasional ketika kami memerintah. Akan tetapi...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sedikit Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kangar, bolehlah sebab pergi Australia sama-sama kan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya dengan Yang Berhormat Paya Besar fasal penglibatan kanak-kanak tadi. Setuju atau tidak Yang Berhormat Paya Besar, kalau boleh kata pihak kementerian mungkin dalam permohonan ataupun notis, tidak kisahlah singkat ke berapa hari, ada jenis-jenis perhimpunan yang tidak langsung dibenarkan kanak-kanak terlibat? Oleh sebab itu, ada perhimpunan yang memang orang kata sifat dia *peaceful*, misalnya *walk for peace*. Ataupun kalau kita tengok hari ini pun dalam maraton pun banyak keluarga yang bawa

kanak-kanak. Jadi mak ayah rasa selamat tetapi kalau perhimpunan mungkin bersifat politik yang kita rasa isunya hangat, langsung tidak dibenarkan kanak-kanak terlibat.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya harap ucapan Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Kangar dimasukkan dalam ucapan saya. Saya minta satu minit Tuan Yang di-Pertua untuk saya merumuskan. Saya harap beginilah, rang undang-undang ini sudah pastinya pelbagai pihak ada pandangan masing-masing. Akan tetapi, sekiranya Barisan Nasional tempoh hari mempunyai perbezaan semasa bacaan kita yang pertama, dan kemudiannya kita membuat pindaan pada 29 November dan saya harap hari ini juga Yang Berhormat Pagoh, saya dapat melihat keikhlasan supaya daripada tujuh hari kita turunkan kepada 24 jam dan kita mesti berikan kebebasan sepenuhnya. Saya membawa semangat pembangkang yang dahulu Tuan Yang di-Pertua, agar kebebasan diberikan sepenuhnya. Biarlah kita bermain di padang yang sebenar, barulah kita dapat menentukan masa depan negara berdasarkan masa depan yang kita lakukan pada hari ini. Sekian, saya menyokong dengan bersyarat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin, selepas ini Yang Berhormat Jerai. Yang Berhormat Tampin tidak ada dalam Dewan. Jadi saya menjemput Yang Berhormat Jerai.

■1540

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Speaker, Yang Berhormat Beluran boleh ganti Yang Berhormat Tampin Speaker.

3.41 ptg.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh...
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada. Ada. Yang Berhormat Jerai selepas itu Yang Berhormat Tebrau. Selepas itu Yang Berhormat Tanjung Karang. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak ada panggil Arau daripada pagi tadi bangun. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau akan diberikan peluang. Sebelum waktu maghrib.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Speaker. Just be fair-lah kan. Daripada pagi tadi saya bangun sampai sekarang tahu. Saya satu-satunya Ahli Parlimen bangun berterusan dan tidak dapat. Sebab Menteri ini kesayangan saya. Dia bakal Perdana Menteri. Okey terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akan diberi peluang. Jangan risau. Yang Berhormat Jerai, sila.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 – hak berhimpun secara aman tanpa senjata. Ini bersesuaian dengan hadis Rasulullah SAW yang telah dibacakan oleh sahabat saya tadi... *[Membaca sepotong hadis]* Iaitulah maksudnya, sebesar-besar jihad ialah kalimah yang benar di hadapan pemerintah yang zalim.

Tadi ada disebutkan oleh pembahas dalam Dewan tentang penglibatan himpunan oleh pegawai kerajaan. Jadi saya berpandangan Speaker, kita mintalah selepas ini kalau ada perhimpunan aman, tidak ada tekanan untuk mana-mana pegawai kerajaan terlibat, untuk ikut serta, dan saya mohonlah penjelasan Menteri dalam hal ini.

Seterusnya, saya juga setuju Notis daripada 10 hari ke tujuh hari itu seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Payah Besar, sahabat saya tadi, dan juga daripada Yang Berhormat Kampar kita, berkenaan dengan Notis ataupun pemberitahuan, sekadar makluman dan bila kita buat pemberitahuan, kita minta juga supaya tanpa kita tunggu lagi daripada pihak polis, untuk kita teruskan perhimpunan.

Seterusnya, jika sekiranya perhimpunan aman dan tidak membawa senjata, saya rasa pada pandangan saya dalam Dewan ini, tidak salah untuk kita melatih anak-anak kecil untuk turut terlibat, agar mereka berfikiran kritis, prihatin kepada negara, kerana tujuan perhimpunan itu sendiri pun aman dan tidak bersenjata. Jadi takutnya kita jika kita membawa anak-anak ataupun kanak-kanak ke perhimpunan yang tidak sihat.

Saya percaya semua perhimpunan aman, dan dikawal selia dengan baik. Dan PAS sendiri pun sebelum ini, banyaklah gambar-gambar kanak-kanak yang hendak mendakwa ibu bapa dan sebagainya, dan kita mintalah agar kanak-kanak yang terlibat, tidak diambil tindakan kepada para ibu bapa. Jadi, atas isu yang begitu, saya rasa cukup sekadar itu Tuan Yang di-Pertua. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau. Sila.

3.43 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi kesempatan saya untuk membahas Akta Perhimpunan Aman 2019.

Saya sebagai seorang bekas mangsa Akta Perhimpunan Aman ini saya-walaupun tidak memuaskan 100 peratus pada pindaan ini, tetapi saya mengalu-alukan pindaan yang dibawa daripada Kerajaan Pakatan Harapan setakat ini.

Hujah-hujah saya untuk membawa atau berbahas adalah satu ekoran daripada hujah-hujah daripada peguam yang mewakili saya. Saya dapat pindaan-pindaan yang sudah dicadangkan masih ada ruang untuk ditambah baik.

Salah satunya adalah tempat himpunan. Saya berharap dengan cadangan itu banyak tempat awam- khususnya tempat awam akan diwartakan sebagai satu tempat yang boleh dijadikan tempat berhimpun untuk membuat apa-apa protes.

Dan juga tafsiran perkataan-perkataan dalam akta ini menimbulkan masalah besar dan kes yang saya didakwa di mahkamah adalah kerana saya berdiri- selepas keluar daripada kereta tetapi tempat parkir itu dekat, di belakang pam minyak.

Akan tetapi tempat himpunan adalah di depan balai polis. Lebih kurang 100 meter dari situ. Pada masa itu Yang Berhormat Pasir Gudang pun adalah peguam saya. Kita berhujah di situ, kita tidak berhimpun. Kita berhimpun depan balai polis. Akan tetapi kita didakwa kerana saya ternampak ada di situ, di belakang pam minyak itu, ada tempat halangan. Jadi saya didakwa, ya. Jadi tafsiran di mana tempat perhimpunan itu- kenalah ditafsirkan dengan jelas. Jadi, ini untuk mengelakkan keadaan seperti saya, yang didakwa di bawah seksyen 4(2).

Dan lagi terdapat Perkara 48, dalam Perlembagaan Persekutuan Fasal (1)(e), di situ seseorang akan hilang kelayakan untuk bertanding atau dinamakan, di mana-mana satu pilihan raya, kalau dikenakan denda melebihi RM2,000. Walaupun sekarang kita sudah ada cadangan untuk tambah satu seksyen 21(a) di mana satu kesalahan di bawah seksyen 9 dan 15 boleh dikenakan kompaun tetapi ini hanya boleh dikompaun jika ada keizinan secara bertulis daripada pendakwa raya. Ini bermakna masih ada kemungkinan besar kesalahan-kesalahan tidak dikompaun dan dibawa ke mahkamah, dan dijatuhkan hukuman dengan denda yang melebihi RM2,000.

Oleh sebab RM2,000 ini sudah ditetapkan pada masa yang lama, dan Akta Himpunan Aman ini adalah akta yang baharu, itu sebab saya nampak angka yang ditetapkan di bawah akta yang baharu ini sangat tinggi berbanding dengan RM2,000 di bawah Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu saya berharap dengan

permintaan ini, kerajaan akan ambil tindakan dengan merangka untuk membuat pindaan atas Perkara 48(1)(e), daripada RM2,000 saya cadangkan kepada RM10,000.

Ini bermakna kalau sesiapa dikenakan hukuman dengan denda tidak melebihi RM10,000 tidak akan hilang kelayakan menjadi calon, atau dinamakan sebagai calon. Dengan Notis untuk diberikan kepada polis.

■1550

Saya memang sokong hujah-hujah yang disampaikan, yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya. Memang kalau kita hendak izinkan perhimpunan aman, kita tidak perlu memberikan notis.

Hujahan *last* dari saya adalah umur yang boleh menyertai perhimpunan. Kita masihkekalkan 21 tahun sebagai umur yang layak menyertai perhimpunan. Ini tidak selaras dengan apa yang kita sudah buat pindaan di atas pertubuhan belia yang baru-baru ini kita luluskan iaitu semalam. Jadi, saya berharap pada masa yang akan datang, ini akan ada satu pindaan lagi untuk selaraskan umur kepada 18 tahun supaya tidak ada kekeliruan yang akan berlaku. Ini kerana ada akta yang menyebutkan 18 tahun, ada akta yang menyebutkan 21 tahun.

Dengan ini, saya sudi menyokong pindaan, tetapi saya harap hujah-hujah yang saya sampaikan dapat diterima oleh Yang Berhormat Menteri-menteri dan satu pindaan baharu akan dibuat pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang, selepas ini Yang Berhormat Rasah. Sila. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

3.52 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan kebenaran untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Perhimpunan Aman ini. Dalam masa yang ringkas ini, 10 minit sahaja, saya terus pergi kepada *point* sahaja.

Pertama, saya hendak bangkitkan bahawa walaupun pindaan ini agak baik tetapi ada beberapa *contradiction*. Pertama, saya lihat akta ini kita tahu ialah hasil daripada Perkara 10, Perlembagaan tetapi kita kena ingat bahawa dalam – walaupun kita ada kebebasan, tetapi Parlimen ada kuasa untuk membuat undang-undang demi untuk kepentingan keamanan di dalam negara kita.

Dalam akta yang lama, kita ada dua. Satu yang kita kata perhimpunan aman, yang satu lagi, protes jalanan. Akan tetapi hari ini yang protes jalanan ini telah pun dikeluarkan. Hanya yang saya – seperti mana Yang Berhormat Paya Besar cakap tadi, saya bimbang bahawa apabila protes jalanan ini tidak diterangkan dengan jelas, walaupun di dalam akta ini disebut, “Suatu protes jalanan, selagi protes jalanan itu tidak membawa apa-apa ancaman atau memberikan kesan terhadap keselamatan Persekutuan”, ini di bawah seksyen 10(b), Perlembagaan ini dia ikut Perlembagaan 10(b).

Akan tetapi kalau diberi kata secara *general* ini sahaja, saya bimbang nanti mereka yang terlibat dengan protes jalanan ini lebih teruk akan menerima hukumannya. Ini kerana apabila protes jalanan, polis boleh mengambil tindakan di bawah Kanun Keseksaan dan sebagainya. Jadi, kena jelas betul-betul protes jalanan ini berapa ramai yang boleh berhimpun dan sebagainya, kalau tidak pun mesti ada satu garis panduan.

Kedua, tadi saya dengar pihak di sebelah sana bercakap bahawa undang-undang ini, undang-undang lama lah. Tadi, saya dengar Yang Berhormat Tanjong Malim pun ada sebut, ada bangkitkan. Selepas itu tadi beberapa Ahli Parlimen di sebelah sana, mengatakan undang-undang yang lama ini ialah undang-undang yang zalim lah kata dia. Oleh sebab itulah dia buat pindaan. Yang Berhormat Ipoh Timur pun cakap ini undang-undang, anti perhimpunan ini yang aman, tidak adil dan zalim.

Jadi, kalau undang-undang ini zalim, mengapa tidak dibatalkan terus? Kalau kata undang-undang ini zalim, sewaktu kita memerintah, kenapa tidak mahu dibatalkan terus Akta Perhimpunan Aman ini, hanya dipinda beberapa seksyen sahaja? Sedangkan, kalau kita lihat bahawa undang-undang GST, dulu kata GST ini zalim, telah pun dibatalkan. Kemudian undang-undang *Anti Fake News*, itulah undang-undang juga yang dibawa ke dalam Dewan ini untuk dibatalkan. Akan tetapi, mengapa hari ini bila kita bentang undang-undang ini, tidak ada seorang pun yang mencadangkan supaya undang-undang ini dibatalkan?

Ini kerana kalau kita lihat, kalau dari segi Perlembagaan, macam kita lihat kes yang pernah diadili oleh Speaker kita, dia sebutkan di sini, dalam penghakiman Dato' Mohamad Ariff Md Yusof, seksyen 9(5), *“adalah tidak berperlembagaan kerana sebarang ketidakpatuhan di pihak pengajur tidak sepatutnya dikenakan penalti jenayah. Peruntukan akta berkenaan tidak mengakibatkan sesuatu perhimpunan itu haram tanpa memberikan notis sepuluh hari atau diadakan dengan notis yang lebih singkat. Oleh itu, apa yang pada asasnya halal tidak boleh dianggap tindakan yang”*

menyalahi undang-undang di pihak pengajur hanya disebabkan suatu kegagalan pentadbiran ataupun peninggalan". Maksudnya notis sepuluh hari. Ramai di sebelah sana cakap, tujuh hari ini pun panjang.

Jadi saya mahu tengok bagaimana cadangan kerajaan kepada Yang Berhormat Menteri. Ini bukan suara daripada pembangkang, suara daripada pihak sebelah sana supaya notis ini kalau boleh dipendekkan sahaja. Satu hari pun cukup. Kalau setakat mahu pinda akta ini dari sepuluh hari kepada tujuh hari, tidak ada makna. Masih lagi ada tempoh yang mesti kita patuhi.

Kedua juga saya tengok akta ini macam dibuat tergesa-gesa. Saya pun hairan kerajaan pada hari ini. Apabila membuat undang-undang, selalu sangat tergesa-gesa. Hari itu mengenai fasal pengisytiharan harta Ahli Parlimen pun dibuat tergesa-gesa, tidak ada peraturan yang betul. Sementara, Akta Pertubuhan Belia diturunkan ke bawah 30 tahun pun, Yang Berhormat Menteri Belia pun buat tergesa-gesa, tidak dengar pandangan daripada Majlis Belia Malaysia, di mana Majlis Belia Malaysia ini buat protes. Akan tetapi, Kementerian Belia dan Sukan *bulldoze* juga. Hari ini kita tengok contohnya, kita tengok di atas meja ini sudah ada satu pindaan Perlembagaan supaya yang boleh mengundi, berumur 18 tahun.

Akan tetapi, di dalam akta yang sedia ada, tidak pula dipinda. Hanya yang boleh menganjurnya ialah yang berumur 21 tahun. Jadi bagaimana ini? Kita kata, "*Kamu 18 tahun sudah boleh mengundi tetapi kamu tidak boleh menganjurkan perhimpunan aman*". Di mana ada keadilannya? Di mana yang kata kita punya hak yang sama? Kalau dia sudah boleh mengundi, bagaimana kalau dia esok hendak berkempen kah, [*Tidak jelas*] mana-mana pun dia tidak boleh hendak menganjurkan. Jadi kalau kita mahu pinda, kita kena pinda betul-betul. Jangan kita buat pindaan hanya dengan secara tergesa-gesa.

Masa tinggal empat minit. Saya juga lihat, yang saya bimbang ini ialah dari segi pelaksanaannya nanti. Saya kalau tengok kes-kes pelaksanaan yang saya lihat, contohlah, peristiwa pelajar-pelajar di Universiti Malaya – ini saya harap – saya bangkitkan dalam Parlimen ini dahulu tetapi belum dapat jawapan daripada pihak KDN. Kita sedia maklum bahawa kertas siasatan berhubung dakwaan provokasi melibatkan kumpulan penyokong Najib Tun Razak dan pelajar Universiti Malaya di sebuah restoran, telah pun diserahkan kepada Peguam Negara pada 26 Mei 2019.

Sehingga hari ini, kita tidak tahu apakah kesan kepada mereka yang membuat provokasi. Sedangkan, mereka yang mempertahankan Yang Berhormat Pekan telah

pun didakwa di mahkamah. Mereka yang membuat provokasi di luar, dengan membawa karikatur yang menghina Yang Berhormat Pekan, tidak diambil tindakan. Sedangkan, kalau kita lihat dalam satu kes, kartunis Zunar pernah ditahan polis ketika mereka membuat karikatur dan mahkamah telah memutuskan bahawa karikatur yang menghina ini adalah merupakan satu kesalahan. Jadi ini yang kita bimbang *double standard*. Mana yang penyokong pembangkang, akan diambil tindakan, yang mana mempertahankan sebelah kerajaan, tidak diambil tindakan. Jadi, kalau kita muh adil, kita kena adil kepada kedua-dua pihak.

Kemudian, kebebasan. Apa yang kita cakap ini kebebasan berhimpun. Akan tetapi, apa yang kita bimbang ialah kebebasan lain iaitu kebebasan bersuara akan disekat sebab kita ada Akta Hasutan. Kita mungkin nanti ada lagi akta yang mengganggu ketenteraman awam, akta yang mengganggu lagi harta awam. Jadi, nanti macam mana Yang Berhormat Menteri katakan tadi, ini hanyalah prosedur. Prosedurnya betul, ikut.

Akan tetapi, tindakannya nanti? Apa maknanya kalau kita boleh buat perhimpunan tetapi kita tersekat dengan pelbagai undang-undang yang lain? Hendak bercakap pun tidak boleh, cakap lebih pun nanti kena panggil polis dan pelbagai lagi tindakan sampingan. Ini yang kita kena lihat kerana hari ini saya lihat, cara pelaksanaan undang-undang sudah betul. Saya ambil lagi contoh ialah mungkin Yang Berhormat Menteri belum faham.

■1600

Macam kes yang kita sedia maklum, kes Adib sebagai contohnya lah. Polis sudah kata ini kes jenayah, tiba-tiba buat *inquiry*. Sudah buat *inquiry* itu pula, yang peguam mewakili KPKT sudah 39 hari, tiba-tiba dibatalkan pula, diberhentikan pula. Jadi, ini yang saya lihat kejadian-kejadian seperti ini pelaksanaannya yang saya bimbang apabila ada *double standard* dan bila ada tangan-tangan ghaib yang cuba campur tangan.

Sama juga macam kes semburit ini. Video, *partner* sudah mengaku sudah, *partner* sudah mengaku, tetapi yang saya tengok yang disiasat bukan peristiwa itu tetapi siapa yang menyebarkan video. Jadi, lain cara dia.

Jadi, kita rakyat di bawah ini melihat bahawa daripada segi pelaksanaan keadilan ini, melaksanakan undang-undang ini, dia tidak mengikut *rule of law* yang betul. Mungkin, macam yang saya kata, ada arahan-arahan tertentu yang menyebabkan kes yang sepatutnya boleh diselesaikan dengan begitu cepat tetapi akhirnya dia *drag*, dia

jadi panjang dan— apa matlamatnya? Adakah akhirnya kes-kes ini bila rakyat telah lupa, akan dilupakan begitu sahaja? Ini pelik zaman kerajaan Malaysia baharu. Ini bukan Malaysia baharu, Yang Berhormat Menteri. Ini adalah Malaysia haru biru.

Yang saya selalu kata bukan sahaja daripada kes penyiasatan, daripada kes mahkamah pun. Kes telah berjalan— Yang Berhormat Menteri Kewangan punya kes telah berjalan di mahkamah, saksi telah dipanggil, tiba-tiba DPP boleh minta *discharge* dan akhirnya kes ini dibebaskan. Jadi, kes-kes seperti ini yang kita hendak tuntut supaya Kerajaan Pakatan Harapan yang dikatakan hendak menegakkan *rule of law* tetapi ia tidak mengikut undang-undang yang sepatutnya.

Jadi, akta ini kalau kita luluskan, apa yang kita harapkan ialah pelaksanaannya mestilah dilakukan secara adil walaupun kepada kami semua di pihak pembangkang. Seperti kita buat perhimpunan baru-baru ini, saya pun hadir juga perhimpunan itu, tidak lama, yang menganjur sudah dipanggil polis, dipanggil untuk disiasat. Jadi, akhirnya kita buat berhimpun hendak bercakap pun tidak boleh, hendak bergerak tidak boleh, semua tidak boleh. Jadi, akhirnya tiada makna. Hanya gimik sahaja hendak beritahu rakyat kami bagi kebebasan tetapi sebenarnya lagi tekanan-tekanan politik dan juga tekanan dikenakan kepada pihak penganjur.

Jadi, saya harap kalau betul-betul hendak jujur, saya setuju dengan rakan-rakan di sebelah sana sepertimana yang— ya lah, Tuan Yang di-Pertua pun kata 9(5) itu tidak menurut Perlembagaan dan pada masa itu beliau jadi hakim masa itu, kita jangan adakan had ini. Buatlah. Sama ada protes jalanan atau perhimpunan aman, akhirnya kita berpendirian sama sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

4.03 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya turut serta dalam perbahasan pindaan kepada Akta Perhimpunan Aman 2012 pada petang ini.

Berbanding dengan rakan-rakan tadi macam Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Petaling Jaya dan Yang Berhormat Kampar yang ada pengalaman ditahan, disiasat di bawah akta ini, saya bernasib lebih baik. Akan tetapi, penglibatan saya dengan akta ini adalah sebagai peguam yang membela OKS yang didakwa di

Seremban untuk *Blackout 505* tahun 2013. Jadi, ada pengalaman untuk mengkaji, meneliti perenggan-perenggan, klausula-klausula dalam akta ini.

Saya anggap pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri pada pagi ini dan pada hari ini untuk kita menilai untuk kita membahaskan di Dewan yang mulia ini, pindaan yang dikemukakan walaupun saya fikir ada benda yang kita boleh tambah baik lagi, tetapi sekurang-kurangnya ia menunjukkan satu komitmen yang cukup hebat, satu komitmen yang cukup teguh daripada Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan kebebasan berhimpun rakyat Malaysia diangkat ke satu lonjakan yang lebih tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Tahniah kepada kerajaan khasnya KDN atas pembentangan pada hari ini yang memberikan ruang dan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua belah pihak untuk turut serta memberikan idea dan sebagainya.

Saya hendak menyentuh beberapa perkara. Pertama, berkaitan dengan prinsip akta ini. Kita tahu punca kuasa kepada akta ini daripada Artikel 10(2). Sebab, Artikel 10(1)(b) mengatakan kebebasan untuk berhimpun, hak kita untuk berhimpun. Ya, itu hak asasi yang terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan kita. Akan tetapi, Artikel 10(2)(b) khususnya menggariskan sekatan-sekatan yang boleh dikenakan.

Kita mengakui hakikat bahawa kebebasan yang termaktub yang diberikan punca kuasanya oleh Perlembagaan Persekutuan kita ada sekatan dan sekatannya di bawah Artikel 10(2)(b) dan yang tertulis yang dibentangkan di bawah APA 2012. Akan tetapi, bagi saya, paling penting dan mustahak, prinsipnya adalah jangan kita buat lebih banyak sekatan berbanding dengan kebebasan yang kita berikan. Kita kena pastikan kebebasan itu seimbang, diseimbangkan dengan sekatan. Sebab, saya nampak sebelum ini, lebih banyak sekatan daripada kebebasan.

Hari ini dengan adanya pindaan-pindaan ini, sekurang-kurangnya kita menuju ke arah memberikan lebih banyak kebebasan dengan ada sekatan-sekatan yang munasabah yang berpatutan supaya masyarakat kita sentiasa dalam keadaan yang penuh kesejahteraan dan kesantunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap pindaan kepada seksyen 4 iaitu hanya potong perkataan “*protes jalanan*” selaras dengan takrifan dalam seksyen 3 tersebut, kalau boleh ditambah baik dengan pindaan kepada seksyen 4(1)(d) yang turut disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi. Saya berharap bahawa umur kepada penganjuran mana-mana perhimpunan, penganjurnya kita turunkan had umur daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Sebab, dalam penggal Parlimen ini, kita akan membahaskan pindaan kepada Perlembagaan kita. Kalau mereka yang berusia antara 18 hingga 21 tahun kita hendak berikan hak kepada mereka untuk mengundi dalam pilihan raya umum (PRU), buat keputusan tentang negara ini, tentang siapa yang jadi kerajaan di negara kita, jadi dengan secara automatik atau secara semula jadinya, mereka turut wajar diberikan peluang yang sama untuk menganjurkan perhimpunan aman dan mereka juga boleh, seperti rakyat Malaysia yang lain, mempunyai hak yang dilindungi di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan notis pula, saya tengok...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya, Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya setuju dengan hujah Yang Berhormat. Tadi boleh tidak Yang Berhormat jelaskan, Yang Berhormat faham tidak beza di antara protes jalanan dengan perhimpunan aman ini? Apa agaknya perbezaannya yang Yang Berhormat faham?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Itu tidak apa. Nanti kita minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya teruskan berkenaan dengan notis. Notis di bawah seksyen 9. Kes yang saya sebutkan di awal tadi, apabila saya menjadi peguam bela, dia lebih kepada notis tidak cukup 10 hari. Kalau tidak silap saya, waktu itu notis dalam empat hari. Ya lah, buat perhimpunan selepas keputusan PRU dan sebagainya. Kita tahu dalam keadaan yang terdesak, keadaan tertentu, 10 hari itu memang tidak wajar, tidak munasabah.

Cadangan pindaan kepada tujuh hari, saya mohon melontarkan pandangan saya. Dua. *Plan A*—ini ada *plan A* dan *plan B* ini. *Plan A* nya, seandainya dikekalkan cadangan tujuh hari ini, kalau boleh ada cabang kedua. Dalam kes-kes yang terdesak, dikurangkan kepada 48 jam ataupun 72 jam. Akan tetapi, pihak yang berkuasa untuk memberikan ataupun mempertimbangkan perkara-perkara ataupun dalam kes-kes yang mustahak itu bukan Ketua Polis Daerah tetapi adalah Ketua Polis Negeri ataupun majistret. Maknanya, pihak yang mempunyai kuasa yang lebih tinggi daripada Ketua Polis Daerah sebagaimana yang digariskan dalam akta ini.

■1610

Pelan B adalah terus pinda cadangan asal tujuh hari kepada tiga hari sebagaimana yang disebutkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Oleh sebab bagi saya cadangan sebegini mungkin akan mendatangkan tekanan tertentu kepada pihak polis yang melaksanakan tugas. Akan tetapi seandainya kita

mempertimbangkannya secara mendalam, ia sebenarnya membawa makna yang lebih terhadap pindaan yang sedang kita bahaskan dan yang akan kita luluskan pada petang ini.

Saya berharap juga pihak KDN mengambil peluang dengan pindaan ini membuat tafsiran yang sebenarnya terhadap pemakluman (notifikasi) sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kampar tadi. Oleh sebab dalam banyak kes, ketua polis daerah dia anggap ini sebagai permohonan permit, tidak timbul isu itu walaupun Ketua Polis Daerah sebenarnya berhak. Ia bidang kuasa untuk meletakkan ataupun menggariskan sekatan-sekatan tertentu. Akan tetapi itu bukan permit. Masyarakat kita sebenarnya tidak diberikan peluang. Jadi, saya mohon KDN supaya menggunakan peluang pada pindaan pada hari ini untuk bukan setakat memberikan penerangan secukupnya kepada masyarakat umum tetapi kepada pihak polis sendiri supaya mengikuti atau memahami sepenuhnya inti pati ataupun roh kepada Akta Perhimpunan Aman 2012 ini.

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan pada petang ini berkenaan dengan kompaun RM5,000 yang dikenakan sekiranya pendakwaan masih belum dimulakan. Saya bersetuju dengan pengkompaunan ini, sebab bagi saya ia akan dapat menjimatkan masa mahkamah, mengurangkan lambakan kes dalam mahkamah dan ia membantu menyelesaikan kes. Akan tetapi saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya memastikan bahawa sama ada kompaun RM5,000 tersebut...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Adakah ia– Yang Berhormat Jelebu saya minta teruskan tinggal seminit sahaja.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sedikit sahaja fasal kompaun.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tinggal seminit sahaja, minta maaf. Saya mohon Yang Berhormat Menteri, pihak kementerian dapat mempertimbangkan cadangan saya bersama dengan artikel 48(1)(e) dalam Perlembagaan Persekutuan berkenaan dengan kelayakan seorang wakil rakyat, tidak kira Ahli Parlimen ataupun ADUN. Sama ada sabitan yang dimaksudkan itu, sebab sabitan itu bawah RM2,000, siapa yang lebih RM2,000 dia kena. Jadi apakah hubungan antara dua perkara ini. Apakah setakat jaminan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tersebut memadai memberikan satu jaminan kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat ataupun sesiapa sahaja sebab kita hendak perkara ini kita buat dengan ada kepastian. Supaya tidak ada pihak, tidak kira dipihak kerajaan maupun di pihak pembangkang

terperangkap dengan mana-mana perenggan dalam akta ini. Jadi sekian sahaja perbahasan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya menjemput Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Arau bawah lagi.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Arau kemudian sedikitlah Yang Berhormat Arau. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian dahulu.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: *Bismillahir Rahmaniir Rahim, Alhamdulillahi robbil Alamin, wasolatuwassalamu'ala asrofil ambiya iwal mursalinwa'ala alihu wasohibi aj ma'in.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang untuk membahaskan berhubung dengan pindaan kepada Akta Perhimpunan Aman 2012.

Persoalan besar dalam akta ini ialah memastikan bahawa perhimpunan itu aman dan sekiranya jaminan keamanan itu tidak dapat dipatuhi, maka akta ini tidak ada makna bagi kita. Dalam satu-satu perhimpunan, isu yang besar yang boleh mencetuskan suasana ketegangan ialah dua perkara. Pertama ialah provokasi daripada pihak-pihak tertentu, sama ada yang bersama dalam rombongan himpunan ataupun pihak luar yang mencetuskan suasana ketegangan tersebut. Saya fikir ini perlu dibuat satu penelitian semula terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam penganjuran perhimpunan.

Sebagai contoh, kita pun ada pengalaman beberapa pihak yang mencetuskan suasana ketegangan sewaktu himpunan, sama ada melalui provokasi yang akhirnya kita dapati penggunaan gas beracun sampai ke peringkat dalam masjid dan sebagainya. Jadi, kita perlu mengelak. Apakah aspek yang perlu diberi perhatian? Pertama ialah penama-penama yang disenaraikan dalam permohonan sahaja yang diberi kebenaran untuk terlibat dalam himpunan tersebut.

Campur tangan pihak di tengah-tengah sebagai contoh, kita ada kes sebelum ini di mana dalam Mac yang lalu di perhimpunan Hari Wanita, tiba-tiba ada golongan daripada pihak LGBT yang terlibat. Padahal dia tidak termasuk dalam senarai permohonan sebagai contoh. Sama juga kalau ada penyokong-penyokong liberal ataupun penyokong-penyokong Syiah sebagai contoh yang terlibat, ini boleh mencetuskan suasana yang tidak harmoni, tidak aman dalam himpunan.

Jadi elemen yang paling penting ialah bagaimana kawalan dapat dibuat oleh pihak penganjur dan pihak berkuasa supaya mereka yang terlibat itu betul-betul mereka yang tersenarai. Saya fikir dalam kes ini, pihak polis khususnya juga mestilah

menyediakan ruang supaya ada kadang-kadang tokoh-tokoh tertentu yang hadir pada waktu *last minute* tetapi disahkan oleh penganjur. Ini harus di terima sebagai sebahagian daripada mereka yang terlibat dengan permohonan dengan kelulusan pihak berkuasa.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Kubang Kerian, Jelebu.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Minta sedikit, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada hujah Yang Berhormat Kubang Kerian tadi yang kita namakan perhimpunan di dalam perhimpunan. Maknanya yang lulus permit lain yang dilakukan di dalam itu lain, macam perhimpunan LGBT.

Apabila ini dilakukan, tentunya *enforcement* akan ambil kompaun kepada pihak penganjur. Setuju tidak Yang Berhormat Kubang Kerian kalau penganjur yang dikenakan kompaun ini, kita *blacklist*, maknanya kalau dia langgar sahaja peraturan kompaun kali pertama kesalahan dia *blacklist*, *there's no more any* pengajuran untuk perhimpunan haram ataupun perhimpunan aman ini. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ya, saya setuju. Oleh sebab saya anggap bahawa ini sebagai kegagalan pihak pengajur mematuhi peraturan yang ada. Saya juga ingin menambah berhubung soal denda. Saya fikir denda yang disenaraikan di sini terlalu rendah dalam satu himpunan besar. Sebagai contoh, soal pembersihan dalam himpunan, sampah sarap. Kalau kita denda dalam jumlah yang sedikit, saya fikir tidak ada makna sangat. Saya fikir bahawa fikir perlu kita pertimbangkan satu jumlah denda yang sesuai supaya pihak pengajur dapat mematuhi dan di waktu yang sama, nilai-nilai tanggungjawab pengajur itu dapat kita pastikan.

Saya mengalu-alukan akta ini supaya kita sama-sama melihat ruang untuk rakyat menyatakan protes ini ialah fitrah naluri semua manusia. Sama ada melalui himpunan, bantahan bahkan pun satu luahan perasaan. Dalam Islam, luahan perasaan dalam dibuat, dalam hadis Nabi sebut kalau sekiranya berita gembira maka mereka bertakbir sebagai tanda kegembiraan. Bahkan kalau kita tengok, ini di antara luahan-luhan.

Cuma saya hendak sentuh beberapa perkara, yang pertama sekali di samping soal mematuhi peraturan-peraturan yang ada, kalau kita lihat dalam pindaan ini, pengurangan pemberitahuan kepada perhimpunan daripada 10 hari kepada tujuh hari. Saya ingat lagi sewaktu perbahasan penggubalan akta ini pada tahun 2011, pada waktu itu ramai daripada pihak pembangkang yang sebahagian jadi pihak kerajaan hari ini dia mempertikaikan kenapa tempoh tersebut dan membandingkan dengan negara Burma yang hanya memerlukan lima hari pemberitahuan perhimpunan.

Saya fikir dalam keadaan teknologi yang serba canggih hari ini, mungkin kita boleh meneliti semula supaya tempoh tersebut tidaklah terlalu lama dan kalau sekiranya Burma boleh bagi lima hari bekerja, saya fikir tidak ada masalah bagi kerajaan untuk mempertimbangkan tempoh yang lebih pendek daripada itu. Oleh sebab kita juga dibahas tadi ialah menyediakan ruang, tempat yang dijamin dan sebagainya. Daripada pihak kerajaan sebenarnya tidak perlu bimbang dengan himpunan tersebut.

Saya juga mengambil pengalaman PAS sebagai contoh, dalam mana-mana himpunan kita, kita membantu pihak kerajaan. Jabatan Amal PAS sebagai contoh mengawal lalu lintas, mengawal himpunan, mengawal pimpinan, mengawal daripada pihak yang melakukan provokasi. Jadi, maknanya pihak penganjur turut membantu supaya elemen-elemen provokasi itu dapat dielakkan. Perhimpunan itu akan berjalan dengan harmoni, dengan cermat dan berjaya mencetuskan matlamat kepada himpunan tersebut.

Semua orang bimbang soal keganasan dan kekecohan yang mungkin timbul. Apakah langkah-langkah strategik supaya sebarang himpunan benar-benar mematuhi peraturan yang ditetapkan dan saya setuju apa yang disebut tadi bahawa kalau ada pihak yang terlibat terlibat, kita *ban* terus penganjur tersebut. Mungkin dia tidak lagi dibenarkan jadi penganjur dalam himpunan kalau sekiranya dia gagal mematuhi peraturan yang ada.

■1620

Saya juga minta perhatian, soal bagaimana penglibatan pihak asing dalam himpunan. Kalau ikut peraturan yang ada, pihak asing tidak dibenarkan terlibat sama dalam himpunan tetapi sebagai contoh kita buat himpunan bagi menyatakan solidariti kita dengan rakyat Palestin. Perlu dipertimbangkan kalau ada wakil-wakil daripada negara Palestin yang turut sama terlibat dalam himpunan tersebut untuk menyatakan sokongan dia kepada himpunan kita dan bangga dia bila kita turut sama.

Demikian juga isu yang melibatkan Rohingya sebagai contoh. Kita ada persatuan-persatuan Rohingya di Malaysia, pelarian-pelarian yang ketua-ketua mereka yang sepatutnya boleh dilibatkan sama dalam himpunan supaya mereka juga boleh menyatakan sebab mereka tidak mampu hendak keluar kenyataan di tempat mereka dan mereka kena ada *base* di tempat-tempat yang mendukung perjuangan bagi membebaskan mangsa-mangsa tersebut. Ini mungkin boleh diberi penjelasan oleh pihak Menteri dalam waktu jawapan nanti, *insya-Allah*.

Akhir sekali saya juga ingin mengambil kesempatan supaya dalam Akta Perhimpunan Aman yang kita- rang undang-undang yang kita akan luluskan nanti, *insya-Allah* dia menjadi suatu mekanisme bagi rakyat yang memohon untuk menganjurkan perhimpunan dan tidak lagi rasa bimbang, takut sebab sekarang ini penganjur menjadi mangsa dalam setiap himpunan. Habis himpunan penganjur akan dipanggil di balai dan berbagai-bagai penyiasatan dibuat.

Bahkan kadang-kadang waktu himpunan, saya fikir nilai-nilai yang sebelum ini ada itu kita harapkan selepas ini dapat ditiadakan dan kita boleh menyaksikan himpunan luahan bantahan dengan harmoni, dengan tenang dan ia sebahagian daripada sistem demokrasi yang kita dukung bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Petaling Jaya dan kalau Yang Berhormat Lipis membenarkan selepas itu Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Petaling Jaya dahulu. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini saya berikan kepada Yang Berhormat Arau.

4.22 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab saya tahu, kalau saya tidak berikan kepada Yang Berhormat Arau, dia akan keliling di sini. *[Ketawa]* Ya, silakan.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana membawa pindaan ini. Namun begitu saya ingin menegaskan beberapa perkara untuk dipertimbangkan. Kebebasan untuk berhimpun adalah salah satu hak atau *civil liberties* yang termaktub dalam undang-undang negara dan juga dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perkara 10(1)(b) "Semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata." Saya ingin tekankan bahawa himpunan awam telah digunakan sebagai platform oleh pejuang buruh semasa menuntut kemerdekaan dan juga oleh parti-parti politik, *civil societies* dan lain-lain.

Semangat perhimpunan bukan untuk menjatuhkan sesiapa tetapi untuk menyediakan sesuatu aliran bagi pelbagai gerakan untuk menyuarakan pendapat mereka. Contohnya, gerakan rakyat BERSIH 2.0 telah menentang gejala rasuah dan menuntut pilihan raya yang bersih dan adil. Kita pun ada Himpunan Hijau, kita pun ada Himpunan Solidariti untuk warga Palestin, untuk Rohingya kerana kita rasa isu-isu kekejaman ke atas manusia yang tidak bersalah. Kita juga ada Himpunan Ummah dan Anti ICERD yang diberi peluang untuk menyuarakan tentang mereka dan juga Himpunan Wanita. Ini semua menunjukkan kita boleh menerima pandangan yang berbeza.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *[Bangun]*

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Hak-hak berhimpun merupakan asas kepada golongan-golongan yang berasa tertindas untuk menyuarakan pendapat mereka. Saya ingin tekankan bahawa kerajaan perlu mengambil pendirian yang teguh dan adil dalam menjamin hak berhimpun dan bersuara serta mengukuhkan lagi perlindungan hak ini untuk semua pihak.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Petaling Jaya.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Saya mengalui-alukan beberapa perubahan. Walaupun saya menyokong perubahan tempoh notis saya berharap tempoh masa ini boleh diturunkan kepada 24 jam sahaja ataupun mengikut cadangan SUHAKAM, 48 jam. Oleh kerana yang pertama ini adalah selaras dengan prinsip kebebasan bersuara dan hak berhimpun tanpa halangan birokrasi. Kita boleh mengatasi masalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Jaras, maaf Yang Berhormat Paya Besar minta jalan.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Nanti, saya habis *paragraph* ini.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bagi ya? Okey, terima kasih.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Masalah tempoh notis ini dengan mengadakan SOP untuk membenarkan protes diadakan dengan segera, *urgent* dalam masa 24 jam serta juga perhimpunan yang dirancang. Kedua ialah perhimpunan tidak memerlukan permit atau kebenaran atau keizinan daripada polis. Ini sering kali menjadi titik ketegangan, *point of tension* di antara pengajur dengan polis yang mana

seksyen 27, Akta Polis 1967 yang memerlukan permit polis telah pun dimansuhkan pada tahun 2012 semasa pengenalan Akta Perhimpunan Aman.

Selain daripada itu, Mahkamah Rayuan adalah beberapa kes seperti PP *versus* Nik Nazmi dan juga PP *versus* R.Yuneswaran yang mengatakan dan juga memutuskan bahawa permit daripada polis tidak diperlukan. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Yang Berhormat Petaling Jaya. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat kerana apa saya yakin Yang Berhormat merupakan salah seorang penggerak BERSIH. Pertama, apakah bezanya BERSIH dengan ICERD? Itu yang pertama. Kedua, Yang Berhormat ada sebut sebentar tadi tempoh masa. Adakah tempoh masa seperti mana yang dalam ucapan saya tadi hanya melibatkan 24 jam sahaja notis mencukupi pada hemat Yang Berhormat, untuk mereka bersiap-sedia untuk membuat segala-gala proses di pihak Kementerian Dalam Negeri? Terima kasih, Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sedikit, boleh?

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Saya rasa tidak ada perbezaan kerana kedua-dua perhimpunan adalah aman. Kalau kita ambil 24 jam, ini adalah perbezaan kerana ini adalah notis bukan kebenaran. So, notis saya rasa di lain-lain negara, notis ialah hanya hantar surat sahaja dan polis hanya perlu *facilitate* perhimpunan. Ini adalah satu cadangan dan juga datang daripada SUHAKAM.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan?

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Rang undang-undang pindaan ini juga bakal membenarkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjung Karang minta laluan.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Nanti saya habis dahulu. Protes jalanan yang sememangnya sukar untuk dipisahkan daripada konsep perhimpunan aman. Saya juga harap kementerian boleh kaji semula seksyen 95 kerana kegagalan memberi notis masih dianggap satu jenayah dan penganjur boleh ditahan. Saya memohon supaya kementerian *decriminalized* aspek ini.

Namun, saya perlu juga membawa satu lagi isu ialah saya harap bahawa akan ada penambahan bagi kawasan-kawasan berhimpun yang bakal diwartakan walaupun kita masih boleh berhimpun di lain-lain tempat. Walaupun Stadium Darul Makmur dan juga Padang Merbok akan diwartakan, lebih banyak lagi tempat seperti Dataran

Merdeka juga perlu diwartakan sebagai kawasan untuk perhimpunan awam. Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tanjung Karang, silakan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Kita semua tahu Yang Berhormat dahulu penggerak BERSIH, saya hendak tanya ikhlas daripada Yang Berhormat. Katalah Yang Berhormat sebelah sini, pembangkang, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pindaan yang ini, dahulu bila kita buat undang-undang asal, pembangkang protes.

Sekarang, pindaan pun saya tengok tidak banyak pindaan yang dibuat. Notis kurang tiga hari, selepas itu tidak ada dikeluarkan protes jalanan, kemudian sedikitlah kompaun yang masih dipersoalkan ini boleh. Kalau Yang Berhormat sebelah sinilah, Yang Berhormat setujukah undang-undang ini diadakan?

■1630

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Ya, memang setuju kerana ini adalah pindaan yang mempertahankan hak bersuara dan juga hak berhimpun.

[*Tepuk*]

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sikit Yang Berhormat Petaling Jaya, saya hendak– hello....

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Golongan belia, nanti saya akan....

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Ada kaitan dengan...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Saya akan bagi *chance*. Golongan belia mempunyai kepentingan yang mustahak yang mereka perlu pertahankan dan suarkan. Saya harap pindaan ini juga akan diselaraskan dengan pindaan-pindaan kerajaan baru-baru ini bagi memberi kuasa kepada belia berumur 18 tahun untuk turut terlibat dalam demonstrasi. Ini penting dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk meluaskan ruang penglibatan belia dalam politik. Pihak polis dan peserta perhimpunan mestilah bekerjasama untuk memastikan sesuatu yang tidak diingini tidak akan berlaku. Saya yakin bahawa dengan kerjasama dan *good faith* kepentingan kita bersama dapat dipelihara. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Sehubungan dengan mewujudkan suasana tadi, tadi fikir apa pandangan Yang Berhormat Petaling Jaya kalau saya cadangkan kerajaan wujudkan *Speaker's Corner* yang tetap supaya rakyat yang ada masalah dia boleh luahkan perasaan, tidak perlu buat himpunan setiap waktu. Akan

tetapi kita wujudkan medan yang aman, yang dijamin tempat tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat Petaling Jaya?

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Saya setuju dengan Speaker's Corner tetapi ini bukan pilihan di antara satu dengan perhimpunan ya. Kedua-dua pun boleh berlaku dan saya rasa hak berhimpun adalah satu hak yang berada dalam Perlembagaan kita. Saya teruskan ya.

Mahkamah Persekutuan telah pun menentukan dalam satu kes terhadap *Steering Committee Bersih 2.0* bahawa kerajaan tidak boleh menuntut bayaran daripada pengajur himpunan sekiranya berlaku insiden yang menggugat ketenteraman awam ketika perhimpunan berlangsung kerana dalam setiap perhimpunan mesti berlakunya gangguan. Oleh sebab itu, adalah tugas dan tanggungjawab pihak polis untuk fasilitasi keamanan perhimpunan. Saya harap Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan mengenakan beban tambahan kepada rakyat Malaysia yang ingin melaksanakan hak mereka. Saya percaya bahawa kerajaan mempunyai hasrat yang baik untuk menegakkan hak berperlembagaan setiap rakyat Malaysia. Saya cuma mengharapkan penambahbaikan undang-undang boleh diteruskan demi memperjuangkan kebebasan berhimpun bagi semua pihak.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Saya menyokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong minta laluan. Ya, silakan.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sekejap sahaja, ada satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat Parit Sulong, habis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kasihan dekat dia.

Tuan Yang di-Pertua: Cela masa Yang Berhormat Araulah. Sila, sila. Silakan Yang Berhormat Arau.

4.33 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Lagi sekali saya...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan budiman?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan budiman kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang dikasihi ya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Bila pula ada Tan Sri?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya?

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya bagi, cakap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita bagi lah. Dia Tuan Yang di-Pertua ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, 10 minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua rakyat Malaysia yang sedang memerhatikan kita melalui YouTube sekejap lagi. Tuan Yang di-Pertua, kita, apa pun kita cakap di Parlimen ini, dia akan mendatangkan kesan kepada pasaran saham.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Arau, bila Tan Sri ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hari Isnin, hari Selasa kita telah bercakap dengan cara positif. Hari Isnin *market* naik, hari Selasa *market* naik, semalam *market* jatuh. Oleh sebab apa? Kita Yang Berhormat Menteri tidak mahu dengar cakap Majlis Belia Malaysia, turunkan umur daripada 40 tahun ke 30 tahun, Majlis Belia Malaysia *dok tunggu* dekat luar sana, pasaran kita semalam jatuh. Hari ini pasaran jatuh sikit, 0.59 tetapi sekejap tadi berdasarkan ucapan saya percaya, sudah jatuh tiga poin. Fasal apa? Kita “*cakap tidak serupa bikin*”. Pihak PH menyokong akta ini tetapi dalam ucapannya semua menentang. Demikian juga pihak kita. Kita menyokong supaya pindaan ini masih kita meningkatkan diri dengan pindaan supaya pindaan tersebut dibuat daripada 10 hari, kepada tujuh hari. Kalau saya, saya hendak cadang satu hari, jadi demikianlah seterusnya. Kalau boleh tidak perlu ada hari-hari, pergi beritahu, terus buat demonstrasi.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tetapi, ya?

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Sekejap. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Arau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Begini, semasa 2011 bila akta ini dimasukkan ke dalam Dewan, waktu itu dibentangkan oleh Barisan Nasional dan waktu itu pembangkang memang menolak cadangan yang dibuat oleh Pakatan Harapan.

Sekarang ini apa yang terjadi pada dasarnya, apa yang dibuat pada hari ini adalah pindaan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Arau, kenapa tidak – adakah Yang Berhormat Arau juga akan mencadangkan supaya *instead of* ataupun daripada pindaan kenapa tidak mansuhkan sahaja seperti apa yang mereka cadangkan dahulu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cantik. Ini sebab dia juga bagi peluang pada saya hendak berucap. Tajuk saya *conclusion* yang pengabis ialah tidak patut ada langsung apa ini? Tidak patut ada langsung akta ini, dibatalkan terus. Oleh sebab ini Malaysia baharu. Malaysia baharu tidak kiralah baru kah, buruk kah, baharu ke baharu, tidak tahu, tidak kira sebab kita Malaysia baharu. Yang Berhormat Menteri ini yang merupakan Menteri kesayangan saya menghadapi beberapa peristiwa dalam hidup.

Semasa 2011, Timbalan Perdana Menteri terlibat dalam menggubal akta ini. Kemudian selepas itu bila keluar, terlibat untuk protes akta itu. Hari ini terlibat untuk pinda akta. Jadi Yang Berhormat Menteri telah mengalami proses tersebut. Pada 24 November semasa kita bentang Parlimen, kita telah memasukkan perkataan 30 hari. Setelah diprotes dengan teruknya pada 29 November, dalam *Hansard* yang saya tengok sekejap tadi, iaitu telah kita turun. Yang Berhormat Paya Besar pun sudah sebut daripada 30 hari ke 10 hari, kita dengar suara rakyat. Suara rakyat pada hari ini mahu supaya akta ini dimansuhkan. Eh! Tepuk tanganlah pembangkang. Ini PH. [Tepuk]

Bagus, terima kasih. So, kita mansuhkan terus supaya rakyat boleh menunjukkan '*rasanubari asmaramah*' mereka dengan cara bebas, dengan tidak ada ikatan. Kenapa sebelum ini, dunia ini kita kena ingat berdasarkan kepada keadaan. Dahulu masa darurat, ada komunis, ada 13 Mei, kita perkenalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri sebab masa itu banyak orang nakal bersifat komunis dan sebagainya, jahat, jadi kita buat akta. Kemudian kita buat akta yang berikutnya berdasarkan kepada keadaan. Masa zaman kami, pembangkang lebih kurang ada sikit perangai, maka kita buatlah akta itu. Sekarang sudah semua sudah jadi elok. Sekarang kita buat Malaysia baharu, akta ini dimansuhkan terus. Tidak perlu lagi sebab kita lihat pindaan yang hendak dibuat Yang Berhormat, 10 hari ke tujuh hari. Apa makna ini?

Kemudian kita kena duduk berjam-jam di Parlimen bincang 10 hari ke tujuh hari, mansuhkan terus. Kemudian 48 jam ke 24 jam. Kenapa perlu jam lagi? Kita mengambil contoh Amerika dan Finland, Pakistan saya tidak mahu sebab itu tidak wajar untuk dibuat perbandingan ya sebab sana menggunakan senjata ya. Finland negara maju,

pendapatan per kapita tinggi. Kalau kita hendak banding dengan negara tersebut, kena banding juga yang Malaysia menuju ke arah tersebut. Mereka tidak ada akta.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tahniah Yang Berhormat Arau, tahniah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapa cakap tahniah itu?

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, saya hendak ucapkan terima kasihlah ucap tahniah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tapi yang paling penting, kami dan puak-puak kami memohon supaya akta ini dimansuhkan terus. Kita benarkan kemudian contohnya macam cerita anak-anak kita 18 tahun, kita hendak cadang mereka boleh mengundi. Akan tetapi bila hendak buat demonstrasi, 21 tahun. Ini satu benda yang kita buat, orang akan tergelak dekat kita. Pasaran kita akan jatuh lagi sekali.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat hendak mendengar suara rakyat di bawah pindaan jawatankuasa, Yang Berhormat sebut oleh kerana permintaan rakyat untuk dimansuhkan, mansuhkan terus akta ini. Yang Berhormat Petaling Jaya akan sokong saya. Yang Berhormat Jelutong akan melompat-lompat seronok. *Lawyers* tidak berapa seronoklah sebab tidak ada. Akan tetapi *lawyers* bagus sebab banyak kes yang boleh didakwa, mereka akan dapat *business* dengan lebih bagus.

Jadi kita mencadangkan supaya akta ini dimansuhkan terus untuk memberi ruang kepada rakyat, untuk menyatakan perasaan mereka dengan cara aman dan damai. Oleh sebab perangai manusia ini ialah bila ada sekatan, dia hendak buat. Budak-budak kecil kalau kita kata, jangan lompat, dia lompat. Selepas itu kita kata lompat, dia tidak lompat. Jadi undang-undang ini kalau ada sekatan, orang hendak langgar. Macam-macam sekatan.

■1640

Selepas itu ada sekatan berbentuk denda. Denda ini tidak boleh. Saya kasihan. Dahulu- sebab geng PH ini walaupun memerintah tapi hati mereka macam pembangkang lagi. Kami ini pula pembangkang tetapi *dok rasa* macam pemerintah. *[Ketawa]* Itu silap. Itu sebab saya *dok sebut-* kita Barisan Nasional, kita PAS. Saya terlupa bahawa kami sudah pembangkang sekarang dan saya tidak pernah termimpni dalam hidup saya hendak duduk tempat ini. Saya kata, “*Mampus tak nak duduk*”, Tengok-tengok *mari* dekat tempat sini... *[Dewan riuh]* *[Ketawa]* Sebab apa? Dia orang

kata, "Kenapa tidak ikut Tan Sri awal-awal?" *Wallahualam*. Tidak apa. Kita lupakan. [Ketawa][Dewan riuh]

Sekarang, *mari* tajuk ini balik bahawa demi Malaysia baharu, demi untuk memastikan rakyat Malaysia diberi hak yang sewajarnya. Marilah kita, PH dan kami semua, beramai-ramai mohon Yang Berhormat Tan Sri Menteri, mansuhkan akta ini...

[Tepuk]

Saya tahu, dalam Manifesto PH tapi saya rasa ini PH pun tidak tahu. Kita ada enam akta untuk kita mansuhkan dan ada lima untuk kita buat pindaan. Walaupun ini dibuat pindaan tapi hari ini, rakyat mahu kebebasan itu. Jadi, kita sudah ada undang-undang lain yang mengikat kita. Kita ada CPC, kita ada undang-undang lain mengikat kita, macam-macam undang-undang yang boleh mengikat kita, tidak ada masalah.

Kalau kita campak sampah, ada undang-undang Majlis Perbandaran. Kena denda RM500, RM1,000 dan sebagainya, sudah ada undang-undang. Jadi, tidak perlu lagi undang-undang ini. Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Menteri yang dikasihi, bakal Timbalan ataupun Perdana Menteri kah, jadi kita minta pertimbangkan, supaya akta ini dimansuhkan terus. Jadi dengan itu, itulah Pakatan Harapan, itulah Malaysia baharu.

Kalau tidak, kalau kata hanya pinda, itu memang ikut cara kamilah. Yang Berhormat Tan Sri Menteri pun sebenarnya orang kami. Jadi itu sebab Yang Berhormat Tan Sri Menteri hanya pinda. [Ketawa] Jadi, kalau Yang Berhormat hendak ikut cara mereka Yang Berhormat, kalau boleh, mansuhkan terus. Tunjukkan keberanian yang luar biasa bahawa kita mampu untuk membawa perubahan. Perubahan itu bukan pinda. Pinda nama tapi asal *hat* kami juga. Dulu kami punya Klinik 1Malaysia diubah nama, tapi tidak buat perubahan pun.

Mesti buat satu perubahan yang besar, yang menampakkan bahawa kita hendak bawa pembaharuan. Malaysia baharu ialah berani bawa perubahan kepada kebaikan. Kami akan sokong. Kalau untuk kebaikan, kami akan sokong. Tidak ada masalah. Akan tetapi kalau mengundi di Parlimen, kita akan menentanglah, ya. [Ketawa]

Akan tetapi *mari* tajuk ini balik, bahawa mansuhkan terus akta ini dan tidak perlu lagi kita hendak pinda satu-satu, terkumat-kamit macam orang tidak nampak baca buku, tidak bagus. Sebab apa? Marilah pada hari ini, di Parlimen yang mulia ini, Penggerusi BBC bangun ramai-ramai untuk menyokong, supaya mansuhkan akta ini, tutup buku. Kami puak-puak PAS dengan UMNO dengan GPS akan beramai-ramai menyokong supaya akta ini dimansuhkan. Cuma hendak tunggu pihak PH, hendak bohong tidak bohong pada rakyat, sebab banyak sudah pembohongan yang dibuat.

Sekarang ini bukti kepada rakyat bahawa tuan-tuan tidak bohong. Kalau tuan-tuan semua setuju untuk mansuhkan akta ini, pasaran saham sekejap lagi akan melambung naik sampai 10 poin. [Ketawa] Akan tetapi kalau cakap kata, hendak pinda, pasaran saham jatuh. Kami sudah terbakar jari Yang Berhormat, orang yang bermiaga kecil-kecil cari makan di pasaran saham, dia terbakar jari kerana pasaran saham jatuh disebabkan oleh kenyataan Menteri yang *flip flop*.

Di *Singapore*, Menteri yang cakap silap akan dihukum kerana menyebabkan pasaran jatuh. Di sini, Menteri Kewangan telah membuat banyak kesilapan dan saya telah buat usul bahawa ada RM100 bilion lebih *market* kita telah jatuh dan orang yang bertanggungjawab ialah Menteri yang membuat kenyataan-kenyataan yang mengharu birukan keadaan, saya akan mencadangkan supaya Menteri ini dipecat dan sebagainya.

Jadi, semua geng-geng PH jangan sokong. Bila Menteri yang dipecat, tuan-tuan boleh naik. Fikirlah sikit. [Ketawa] Jangan kira orang. Sekarang kira diri sendiri untuk bagi sumbangan kepada rakyat. Bila Menteri ini jatuh, tuan-tuan akan naik. Bila beberapa orang Menteri...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, itu stail UMNO, bukan Pakatan Harapan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Stail Pakatan Harapan *chow* Komunis. “*Baling batu sembunyi tangan*”. Memang...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, mohon Yang Berhormat Arau tarik balik perkataan “Komunis” itu. Melampau sudah. Sudahlah lepas masa, lari tajuk, cerita yang bukan-bukan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Walaupun senior dalam Dewan ini. Belajar dari *junior* kerana kalau tak reti, belajar dengan *junior*. Hendak jadi pembangkang, buat cara pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa pun sudah habis, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, sekarang ini bukan Komunis tetapi sosialis yang berperangai Komunis. Sekarang ini sebenarnya sedang berlaku percaduhan PKR sama PKR. Tadi buat demonstrasi, suruh Azmin berhenti.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, lari tajuk sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami mahu Azmin tidak berhenti.

Tuan Yang di-Pertua: Memang sudah lari tajuk sudah. Silakan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: “*Batu api*” Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi saya buat *conclusion*. Hormat saya. Saya menang pilihan raya dengan majoriti yang cukup besar...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Berapa ribu? Berapa besar?

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah beri lebih daripada 10 minit.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Ayat terakhir.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebagai *conclusionnya* saya mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya memansuhkan akta ini dan kalau kami menang pilihan raya akan datang, kita akan mansuhkan akta ini. Terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Hentam sajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak tahu lah. Banyak sangat perkataan “Komunis” dalam begitu begini tapi tidak mengapalah. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh buat *Select Committee* bincang tajuk ini, kalau tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Lepas ini kita tengok pasaran saham. Melonjak atau menurun. *[Ketawa]*

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Tenom, silakan.

4.46 ptg.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang lama untuk berbahas. Terima kasih kerana memberi saya peluang dalam membahaskan satu Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019, di Dewan Rakyat yang mulia ini.

Pertama, saya ingin mengalu-alukan pindaan bagi Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini yang sepatutnya tidak mengenakan sekatan terhadap had setiap orang untuk berhimpun secara aman, termasuklah protes jalanan atau nama lain satu demonstrasi jalanan. Kadangkala apabila kita menyebut protes jalanan atau satu demonstrasi terdapat satu konotasi yang menggambarkan keadaan yang negatif, sedangkan saya percaya rakyat yang melaksanakan protes jalanan atau demonstrasi

jalanan, adalah untuk menyuarakan hak-hak mereka yang perlu didengari oleh pemerintah.

Atas dasar itulah, saya melihat kerajaan sekarang telah melakukan satu pembaharuan yang sangat dituntut, selari dengan Perkara 10(1)(b) Perlembagaan Persekutuan iaitu semua warganegara berhak berhimpun secara aman dan tanpa senjata, serta juga mengikut Perkara 20, Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pindaan kepada beberapa peruntukan perlu dilaksanakan bagi memastikan hak untuk menyuarakan pendapat melalui perhimpunan aman dilindungi dan dapat dinyatakan dengan penuh erti yang mencerminkan inti pati hak berkenaan. Kalau kita melihat sebahagian daripada peruntukan di bawah rang undang-undang yang asal ini, ia mengenakan terlalu banyak sekatan dan memberikan terlalu banyak kuasa budi bicara kepada pihak polis sekali gus menjelaskan hak orang ramai untuk menganjur atau menyertai perhimpunan aman.

Seharusnya protes jalanan perlu dilihat sebagai tindakan awam yang aman dilakukan secara terbuka dan biasanya bertujuan untuk menuntut perubahan terhadap undang-undang atau polisi kerajaan. Sarjana Barat ada menyatakan protes biasanya berlaku dalam masyarakat kerana ruang untuk mereka menyuarakan pendapat adalah terhad. Kalau kita lihat tentang protes jalanan kita mendapati di negara maju protes yang berlaku kebanyakannya berkaitan dengan hak asasi rakyat.

Di Amerika Syarikat contohnya, demonstrasi jalanan oleh masyarakat Afrika-Amerika yang menuntut persamaan hak dan undang-undang yang lebih adil pada tahun 1960-an dan pada tahun 2000-an pula terdapat protes terhadap serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq yang dinamakan sebagai, “*World Say No To War*”. Protes tersebut diadakan di New York dan Los Angeles pada awal tahun 2003 kerana masyarakat tidak bersetuju dengan dasar campur tangan Amerika Syarikat ke atas negara-negara miskin yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemasuhan alam sekitar. Dan di Malaysia sudah tentu kita ada Perhimpunan BERSIH 2.0, 3.0 dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti fasal 2, 3 dan 7 bertujuan untuk meminda seksyen 3, seksyen 4 dan 21, Akta 736 masing-masing untuk meniadakan kesalahan yang berhubungan dengan protes jalanan. Saya bersetuju bersama kerajaan bahawa hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata, bolehlah termasuk hak untuk menganjurkan atau menyertai suatu protes jalanan, selagi protes jalanan itu tidak membawa apa-apa ancaman atau memberi kesan terhadap keselamatan Persekutuan atau ketenteraman awam.

Protes jalanan itu juga mestilah diadakan dengan cara yang mengambil kira perlindungan hak dan kebebasan orang lain. Itu jelas kerana sebagai warganegara yang matang, saya berasakan rakyat tidak mahu sebarang kekacauan yang timbul akibat daripada protes jalanan tersebut. Berhimpun secara aman, memprotes di jalan raya atau kawasan terbuka adalah satu cerminan demokrasi yang sihat dan subur.

Rakyat berasakan kebebasan itu tetapi tidak boleh melangkaui norma undang-undang yang telah ditetapkan. Kalau ada yang mencabar undang-undang yang meliputi kacau ganggu, keganasan dan jenayah maka bolehlah ditangani mengikut undang-undang sedia ada seperti di bawah Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada cara pengurusan akta ini sekarang, seperti syarat yang dikenakan dan juga kuasa budi bicara yang banyak bagi pihak polis, jelas sekali ia sebagai satu senjata untuk menyekat suara-suara rakyat. Saya bukan bermaksud menuduh pihak polis adalah berat sebelah ataupun menggunakan kuasa sewenang-wenangnya di dalam Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini. Mungkin mereka juga terjerat kepada arahan, terutamanya sewaktu kerajaan terdahulu. Seperti yang kita maklum, dalam akta sedia ada ini, pada asalnya diperkenalkan dengan agak tergesa-gesa dan yang mana tidak terdapat perbincangan atau wacana awam untuk mendapatkan pandangan daripada masyarakat.

Kedua, dari segi tempoh masa notis atau pemberitahuan. Tempoh tersebut terlalu lama dan tidak relevan. Oleh sebab itu fasal 4 yang bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 736 ini untuk memendekkan tempoh pemberitahuan bagi satu perhimpunan kepada 10 hari kepada tujuh hari sebelum tarikh perhimpunan itu adalah bertujuan untuk memudahkan lagi perhimpunan aman diadakan. Namun, saya bersetuju dengan syor rakan-rakan Yang Berhormat yang lain bahawa ia patut dipendekkan kepada tiga hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbahasan ini, saya juga hendak menanyakan kepada pihak kerajaan, adakah hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata harus juga dipanjangkan kepada bukan warganegara kerana mereka juga sebenarnya mempunyai hak untuk meluahkan pendapat dan hak untuk didengari? Seterusnya, adakah kajian semula larangan terhadap mana-mana perhimpunan dalam jarak 50 meter dari had mana-mana tempat yang dilarang kerana ia tidak praktikal dan tidak realistik di kebanyakan bandar-bandar dan pekan-pekan yang lebih kecil.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, budaya perhimpunan aman sudah lama menapak di negara ini dan tidak seharusnya dijadikan titik noktah kerana keadaan yang kondusif di negara ini. Saya yakin undang-undang negara adalah adil dan saksama, hak rakyat jangan diperlekehkan kerana menerusi suara-suara rakyat inilah Kerajaan Pakatan Harapan diberikan mandat untuk memerintah. Oleh kerana itu saya percaya hak rakyat akan terus dipelihara di bawah kerajaan ini dengan jangka masa yang lebih lama lagi. Saya dengan ini menyokong penuh pindaan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2019.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Jelebu. Tidak ada. Baiklah, Yang Berhormat Setiawangsa.

3.52 ptg.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, bagi saya Setiawangsa menyambut baik cadangan kerajaan untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012 bagi memastikan hak rakyat untuk menikmati kebebasan yang termaktub di dalam Perlembagaan negara terpelihara. Sebentar tadi, Setiawangsa ingin menjawab sedikit apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai. Dia kata macam mana hendak solat bila ramai-ramai tetapi mungkin saya tidak pasti Yang Berhormat Bagan Serai pernah berdemo bersama-sama kami atau tidak. Akan tetapi tidak ada masalah hendak demo ramai-ramai atas jalan, sama macam ketika kita menonton bola sepak.

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua juga sedia maklum, Setiawangsa pernah didakwa di bawah akta ini kerana himpunan *Black 505* dan berjaya mencabar kedudukan akta ini menurut Perlembagaan Persekutuan di Mahkamah Rayuan yang mana Tuan Yang di-Pertua merupakan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Setiawangsa, atas isu solat itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, ketika BERSIH diadakan Demo BERSIH, ketika Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan semua yang beragama Islam bersolat di Dataran Merdeka, yang tidak beragama Islam menyediakan tempat tersebut untuk mereka bersolat di situ. *[Tepuk]* Gambar-gambar tersebut telah tular dalam laman sosial. So, isu solat tidak ada masalah kerana yang tidak beragama Islam boleh menyediakan tempat tersebut dan ketika itu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah bersolat di tengah-tengah Dataran Merdeka ketika BERSIH 4.0, untuk makluman. Terima kasih.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya pun berada di perhimpunan yang sama.

Sebagaimana disebut tadi, Tuan Yang di-Pertua merupakan sebahagian daripada panel hakim kes Mahkamah Rayuan di mana saya berjaya mencabar Akta Perhimpunan Aman. Namun, kes itu tidak selesai di situ. Saya menghabiskan lima tahun. Kalau hari ini Yang Berhormat Pekan dia buat bising, dia kata dia tidak dapat hadir Parlimen kerana kes yang beliau hadapi pada waktu itu. Saya termasuk ketika menjadi Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri dan termasuk ketika menjadi Exco kerajaan negeri menghabiskan lima tahun, turun naik mahkamah kerana meskipun telah dibebaskan di Mahkamah Rayuan, didakwa sekali lagi sehingga 2018, tahun lepas, bulan Januari barulah saya dibebaskan dan dibenarkan untuk bertanding dengan denda RM1,500. Ini disebabkan bila dikenakan denda RM1,500, pihak pendakwa cuba merayu supaya saya tidak dapat bertanding dalam pilihan raya yang lepas.

Jadi bagi saya, antara perubahan positif pindaan RUU ini ialah untuk meneliti kembali istilah “demonstrasi jalanan”, sama seperti “perhimpunan aman”. Dengan memansuhkan istilah “demonstrasi jalanan”, memberikan rakyat bebas berdemonstrasi dari satu tempat ke suatu tempat yang lain, secara aman tanpa menimbulkan kekacauan dan bahaya kepada ketenteraman awam. Ini juga sebahagian daripada Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Kita hendak tekankan bahawa rakyat bebas menganjurkan perhimpunan aman tanpa ada sekatan daripada pihak polis dan yang kita tidak mahu ialah perhimpunan yang menimbulkan kekacauan ataupun senjata yang mana pelaku boleh dikenakan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan dan sebagainya.

Kita tidak perlu risau sebab kalau kita lihat, minta maaf sebab saya ini seorang peminat bola sepak. Akan tetapi kalau kita pergi ke stadium, ketika sesak sekalipun dan ada peristiwa dalam sejarah kalau di United Kingdom yang terkenal ialah Hillsborough yang melibatkan peminat Liverpool misalnya, bila terlalu ramai berhimpun, tidak ada kawalan, boleh menimbulkan masalah termasuk kepada kanak-kanak dan kita tidak mahu itu berlaku. Akan tetapi kita tidak pernah membangkitkan dalam acara sukan dan sebagainya. Jadi bagi Setiawangsa, kita tidak perlu ada satu kerisauan sekiranya perhimpunan itu dianjurkan mengikut peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Jadi, sebab itu Setiawangsa bersetuju dengan beberapa syor yang dibangkitkan supaya kalau boleh, kita tidak lagi menjadikan kesalahan jenayah untuk individu bawah 21 tahun, menganjurkan perhimpunan aman, sebagaimana yang ada di dalam seksyen 4(2)(d) pada hari ini. Ini kerana sebagaimana yang disebut oleh beberapa sama ada

daripada pihak kerajaan ataupun daripada pihak pembangkang, ini perlu diselaraskan dengan hasrat kerajaan yang mahu meminda Perlembagaan agar usia layak mengundi kepada 18 tahun. Jadi, bagi saya ini adalah satu perkara yang patut diselaraskan. Jadi usianya diturunkan daripada 21 ke 18 tahun.

Pada masa yang sama, peruntukan yang menjadikan jenayah untuk kanak-kanak menghadiri perhimpunan yang ada dalam seksyen 4(2)(e) dan (f), kita lihat misalnya di Malaysia, di Parlimen sendiri tahun lepas, penglibatan Persatuan Pandu Puteri yang merupakan pertubuhan sekolah dalam berhimpun untuk menghentikan perkahwinan bawah umur di Malaysia dan himpunan pelajar-pelajar sekolah sedunia menentang perubahan iklim yang diinspirasikan oleh Greta Thunburg yang telah menjadi satu gerakan antarabangsa. Malah di Malaysia, kita melihat 11 pelajar sekolah di Pulau Pinang turut serta dalam himpunan membantah perubahan iklim di Bayan Baru.

Setiawangsa memuji tindakan kementerian yang memutuskan tidak mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar tersebut. Akan tetapi ia tidak boleh lagi berada atau bersifat *discretionary* di mana kerajaan ada budi bicara untuk menghukum atau tidak pelajar-pelajar ini tetapi sebaliknya kita perlu memelihara hak mereka di bawah satu sistem yang demokratik. Sekiranya mereka melakukan apa-apa kesalahan jenayah dan sebagainya, maka kita boleh dakwa mereka sebagaimana pelaku-pelaku kesalahan jenayah yang lain. Akan tetapi kita tidak perlu menjadikan penyertaan anak-anak ataupun kanak-kanak di dalam himpunan aman itu sebagai satu jenayah.

Jadi bagi saya, kita patut alu-alukan ketika kita hendak menurunkan usia mengundi, tentu kita mahu kanak-kanak juga mempunyai kepedulian dan keprihatinan terhadap masa depan negara. Tidak kiralah kita setuju atau tidak setuju dengan pandangan mereka, itu nama sahaja demokrasi, itu namanya hak untuk bersuara. Akan tetapi mereka perlu ada ruang tersebut supaya mereka dapat *exercise their rights*, dengan izin dan seterusnya dapat menjadi pengundi yang celik pada masa yang akan datang. Ini disebabkan kita tidak mahu di beberapa buah negara di Barat misalnya yang mempunyai sistem demokrasi yang agak *mature* ataupun matang, tetapi penglibatan di kalangan anak-anak muda di dalam sistem demokrasi itu sangat rendah. Jadi salah satu caranya ialah memastikan hak mereka untuk menyuarakan pandangan juga terpelihara.

■1700

Setiawangsa juga ingin memberi pandangan sama seperti yang disuarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat lain daripada kedua-dua belah pihak iaitu tempoh pemberitahuan perhimpunan diturunkan daripada 10 kepada tujuh hari, satu perkara

yang positif tetapi perlu ada ruang. Sekiranya perlu, untuk kita melihat ada ruang-ruang tertentu kita boleh membuat himpunan yang segera kerana mungkin perkara yang mendesak. Itu merupakan antara essence kes saya dalam mencabar akta ini dahulu, seksyen 9(5). Jadi, saya berharap perkara sama dapat dilihat.

Sebab, contohnya yang kita sering hadapi dan juga dibangkitkan oleh HAKAM. Saya difahamkan pihak kementerian juga ada bertemu dengan HAKAM. HAKAM ada membangkitkan serangan ke atas Gaza, mungkin berlaku pada hari Khamis, pada hari Jumaat biasa orang Islam berhimpun di masjid, kita biasa akan adakan satu himpunan membantah mungkin Kedutaan Amerika dan sebagainya. Kebanyakan yang saya tahu, tidak ada notis pun bila kita lakukan. Sebab, Setiawangsa juga sering terlibat dalam melakukan himpunan-himpunan ini.

Akan tetapi, sekali lagi, perkara ini patut terpelihara secara undang-undang. Bukan makna bila pihak polis tidak mahu ambil tindakan, maka mereka tidak ambil tindakan. Akan tetapi, perlu ada ruang sekiranya himpunan itu bersifat segera, sama seperti *Black 505* ketika kita membantah keputusan PRU ke-13 dahulu, ia perlu diberi ruang oleh kerangka perundangan. Jadi, Setiawangsa secara umumnya positif kerana *decriminalizing* kesalahan di bawah Akta Perhimpunan Aman ini bagi saya satu perkara yang sangat baik dan juga kita memendekkan tempoh dan sebagainya.

Jadi, bagi saya, kalau kita lihat hari ini pejuang-pejuang di sebelah sana, pembangkang hari ini jadi juara kebebasan berhimpun. Saya alu-alukan tetapi kita tahu dahulu ketika undang-undang ini mula-mula diperkenalkan, tidak banyak daripada pihak mereka yang mengkritik. Jadi, kita harap reformasi yang ingin diperkenalkan ini dapat ditambah baik dengan cadangan-cadangan yang Setiawangsa suarakan dan Setiawangsa berharap tidak kiralah siapa, mungkin hari ini mereka pembangkang, mungkin suatu ketika nanti mereka akan jadi kerajaan atau Menteri dan sebagainya, tidak akan menjadi mangsa kerana *selective prosecution* yang dibolehkan di bawah undang-undang dahulu. Sebab kita tahu banyak himpunan-himpunan dahulu berlaku, kalau dibuat oleh satu pihak, tidak akan diambil tindakan tetapi bila kita lakukan himpunan, macam-macam yang dikenakan.

Jadi, itu sahaja dan Setiawangsa berharap pengorbanan aktivis-aktivis lama ini, antara kita ada yang ke lokap, antara kita ada yang kena bayar denda dan sebagainya, perkara ini akan menjadi realiti dengan reformasi yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia baharu. Sekian, terima kasih. Setiawangsa menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Yang Berhormat Lipis. Mananya pergi semua ini? *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat Batu Kawan, silakan.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Setiu sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas itu Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu ada? Yang Berhormat Batu Kawan, silakan.

5.03 ptg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk Batu Kawan membahaskan pindaan kepada Akta Perhimpunan Aman ini.

Pindaan ini adalah satu langkah yang progresif, satu langkah ke arah pendemokrasian perhimpunan aman supaya Perkara 10(1)(b) bahawa semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata dapat dijunjung, dihormati dan dilindungi.

Pindaan pada Akta Perhimpunan Aman ini wujud disebabkan perincian dalam seksyen 27 Akta Polis 1967 yang berkaitan dengan perhimpunan aman memberikan kuasa kepada pihak polis sama ada mahu memberikan permit atau lesen kepada pihak pengajur. Sebelum ini walaupun permit telah diberikan, namun ianya boleh ditarik balik pada bila-bila masa sahaja. Kadang-kadang pada saat-saat terakhir sebelum masa perhimpunan bermula. Dengan akta baharu Akta Perhimpunan Aman ini, memberikan nafas baharu kepada cara dan prosedur pengajur dan pihak polis menangani perhimpunan dapatlah diperbaiki dan diperhalusi.

Tuan Yang di-Pertua, satu penambahbaikan utama adalah ketidakperluan satu permit atau lesen daripada pihak polis kepada pengajur terutama sekali apabila pihak pengajur telah memenuhi semua syarat berhimpun dan telah memaklumkan akan hasrat mereka untuk menjalankan himpunan tersebut mengikut tempoh masa 10 hari sebelum ini namun kadang-kadang pihak polis mengatakan pihak pengajur tidak memberikan notis yang secukupnya. Jika pihak pengajur mematuhi syarat-syarat dan undang-undang Akta Perhimpunan Aman, maka pihak berkuasa juga ada tanggungjawab untuk memahami kandungan Akta Perhimpunan Aman ini dan memberikan sokongan dan keselamatan pada hari tersebut kepada semua peserta dalam perhimpunan tersebut. Saya ingin menyatakan penghargaan kepada pihak polis

yang telah memberikan perlindungan kepada semua peserta perhimpunan aman sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memetik insiden perhimpunan aman sempena Hari Wanita Sedunia tahun ini yang dicemari dengan isu tiada permit diberikan oleh polis. Ini aneh memandangkan memang tidak perlu lesen atau permit daripada pihak polis. Saya mempertahankan tugas dan kewajipan pihak polis untuk mengawal selia dan menguruskan peserta perhimpunan dengan baik. Namun, di sini pihak pengajur telah memberikan surat makluman kepada pihak polis 10 hari sebelum perhimpunan aman sempena Hari Wanita Sedunia berlangsung. Namun, ada kenyataan bercanggah yang telah dikeluarkan mengatakan kami tidak memberi permit kepada perhimpunan tersebut.

Saya ingin mencadangkan bahawa selaras dengan pindaan Akta Perhimpunan Aman ini terutama sekali pemberitahuan dari 10 hari kepada tujuh hari kepada pihak berkuasa, maka PDRM juga dimaklumkan akan tidak perlu satu permit atau lesen diberikan oleh pihak polis jika tuan punya premis telah memberikan persetujuan untuk membenarkan peserta menggunakan premis mereka.

Saya juga ingin mohon agar anasir-anasir yang mencetuskan masalah atau melemparkan ugutan terhadap peserta juga akan diambil tindakan yang berat dan serius oleh pihak polis. Saya merujuk juga kepada insiden perhimpunan aman sempena Hari Wanita Sedunia 2018 di mana walaupun pihak polis telah pun menjalankan tugas mereka dengan begitu baik untuk menjaga keselamatan, namun peserta wanita telah dikecam, dikacau dan diganggu oleh beberapa lelaki yang tidak berhemah dan telah merampas placard-placard wanita tersebut di hadapan Balai Polis Dang Wangi.

Saya berharap pihak polis telah mendakwa lelaki-lelaki ini yang akan menunjukkan keseriusan mereka untuk mengawal selia himpunan dan juga kepada mana-mana pihak yang mengacau sesiapa yang menyertai himpunan berkaitan dengan himpunan wanita ini. Insiden ini perlu menjadi teladan untuk pihak berkuasa untuk bertindak keras ke atas mana-mana individu yang didapati mengugut proses perhimpunan aman ini.

Pada masa yang sama, saya juga berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dapat mempertimbangkan cadangan saya agar satu rang undang-undang baru ataupun pindaan seterusnya kepada rang undang-undang ini untuk memberikan perlindungan yang secukupnya kepada para wartawan yang membuat liputan berita terutama mereka yang betul-betul berada dalam himpunan tersebut. Ramai wartawan pernah mengalami kecederaan apabila menjalankan tugas mereka. Walaupun roh

pindaan Akta Perhimpunan Aman ini adalah baik untuk pihak pengajur dan peserta tetapi perlindungan untuk para wartawan juga perlu diambil kira.

Pokoknya, Batu Kawan menyokong pindaan ini dan apa yang jelas di sini adalah komitmen dan iltizam politik Pakatan Harapan untuk menjunjung, dengan izin, *rule of law*, menghormati hak rakyat Malaysia untuk berhimpun dan mempertahankan keluhuran dan Perlembagaan Persekutuan ini.

Dengan ini, Batu Kawan mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Seterusnya, Yang Berhormat Setiu. Setiu ya? Silakan.

5.09 ptg.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Perhimpunan Aman 2012.

Pertamanya, secara asasnya, perhimpunan aman merupakan salah satu syiar Islam dalam menzahirkan izzah kekuatan dan kesatuan umat Islam. Ini tiada bezanya dengan himpunan ketika solat berjemaah, hari raya dan ketika ibadat haji. Islam tidak menghalang perhimpunan aman untuk menyuarakan hasrat kepada pemimpin. Akan tetapi, perhimpunan itu hendaklah tidak menimbulkan suasana huru-hara dan tidak membawa kepada kemudaratannya kepada masyarakat.

Firman Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “Tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebaikan dan takwa, jangan tolong-menolong dalam perkara dosa dan permusuhan”.

■1710

Maka dengan perhimpunan inilah mampu memberi ruang kepada rakyat untuk menasihati pemerintah dan menegahnya daripada terus melakukan kemungkaran serta ketidakadilan kepada rakyat sepanjang pemerintahan. Rasulullah SAW telah bersabda yang diriwayatkan oleh Imam Muslim. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Nabi bersabda, “*agama itu nasihat*”. Lalu ditanya oleh sahabat. Untuk siapa wahai Rasulullah? Lalu Nabi bersabda, “*Untuk Allah dan kitabnya, untuk Rasulnya dan untuk pemimpin-pemimpin umat Islam dan rakyatnya*”.

Tuan Yang di-Pertua, protes paling hebat dalam sejarah politik Malaysia ialah di bawah pemerintahan Perdana Menteri keempat. Ia berlaku melalui gerakan reformasi

pada tahun 1998. Begitu juga pada zaman pemerintahan Perdana Menteri keenam. Rakyat menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap beberapa isu, antaranya adalah gerakan mansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, ISA. Protes BERSIH 2.0, BERSIH 3.0 dan protes terhadap pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Justeru itu, melalui akta ini ia mampu memberi ruang kepada rakyat agar dapat meluahkan ketidakpuasan hati secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya tetap ingin menzahirkan kebimbangan saya terhadap beberapa perkara. Isunya adalah akta ini meminda seksyen 3, 4 dan 21 Akta 376 untuk meniadakan kesalahan berhubung dengan protes jalanan. Sekiranya pindaan terbaharu itu diluluskan, perhimpunan yang melibatkan perarakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain akan dibenarkan dan ini sekali gus membuka ruang yang amat besar kepada pihak tertentu untuk memanipulasikannya bagi agenda tersendiri.

Sebagai contohnya, sebagaimana yang berlaku pada 10 Mac yang lalu, apabila perhimpunan LGBT berjaya diadakan dan Menteri hanya menjawab, saya terkejut dengan tindakan tersebut. Sedangkan jelas sekali perhimpunan tersebut menyentuh sensitiviti keagamaan, sekali gus salah dari segi undang-undang. Berdasarkan seksyen 15(f) ada menyebut, “*apa-apa faktor alam sekitar sensitiviti budaya atau agama dan kepentingan sejarah yang ada pada tempat perhimpunan*”. Yang amat dikesali apabila pemimpin tidak dapat menyekat perhimpunan yang dihadiri oleh ribuan penyokong LGBT. Persoalannya, di manakah keberkesanan kuasa akta ini. Tidak mustahil perkara tersebut berulang lagi pada masa yang akan datang. Dengan kelonggaran dan kebebasan atas dasar hak asasi manusia diberikan.

Oleh itu, saya berharap agar dengan pindaan ini, kerajaan akan lebih sensitif dengan segala bentuk perhimpunan yang bakal berlaku pada masa hadapan agar kejadian Menteri tidak tahu, tidak lagi berlaku. Sesungguhnya peristiwa 13 Mei 1969 wajar menjadi iktibar kepada kita supaya tidak sesekali bermain dengan sentimen keagamaan dan perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan pindaan Akta Perhimpunan Aman 2012 ini selari dengan janji kerajaan bagi mereformasikan undang-undang. Namun begitu, suka saya ingatkan bahawa sejarah membuktikan pihak kerajaan yang dahulunya pembangkang merupakan golongan utama membangkang akta ini.

Ironinya, apabila menjadi pemerintah akta ini diangkat sekali gus menghapuskan segala penentangan kepada akta tersebut. Oleh itu saya berharap dalam segala

reformasi yang dilakukan oleh kerajaan, bukan hanya demi untuk merealisasikan janji semata-mata. Namun ia telah mengambil kira semua kemungkinan yang akan terjadi agar segala kebebasan yang diberikan tidak dipergunakan sewenang-wenangnya. Saya menyokong pindaan ini dengan membaiki balik ataupun mengubah balik mana-mana yang telah diberi teguran oleh semua Yang Berhormat yang bercakap dalam membahaskan isu ini. *[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor. Silakan.

7.15 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera diucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Hulu Selangor bangkit untuk membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2012 di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita mereformasi undang-undang, adalah amat wajar pindaan ini disokong dan dipersetujui. Tujuan utama pindaan ini adalah untuk menidakkannya kesalahan yang berhubung dengan protes jalanan.

Dengan adanya pindaan ini, dasar kerajaan yang berpandangan bahawa hak berhimpun secara aman dan tanpa senjata boleh termasuk dalam hak untuk menganjur atau menyertai suatu protes jalanan, selagi ia tidak membawa sebarang ancaman dan tidak memberi sebarang kesan terhadap keselamatan serta ketenteraman awam. Mungkin ada di antara kita yang bimbang sekiranya pindaan ini dilakukan, sebarang kesalah akan terlepas dari hukuman.

Namun begitu, jika suatu protes jalanan itu menyebabkan kacau ganggu, perbuatan ganas atau perlakuan jenayah, ia boleh ditangani mengikut undang-undang sedia ada, seperti Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah. Justeru itu, wajarlah kita menyambut baik pindaan ini kerana ia mengembalikan hak rakyat untuk berhimpun. Ia juga selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan untuk memansuhkan peruntukan jalin yang terdapat dalam undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menyambut baik pindaan untuk memendekkan tempoh pemberitahuan atau notis bagi sesuatu perhimpunan, daripada 10 hari kepada tujuh hari. Namun, Hulu Selangor ingin mencadangkan agar pihak kementerian mempertimbangkan untuk dipendekkan lagi tempoh pemberitahuan ini bagi

memudahkan lagi perhimpunan aman diadakan, sekiranya terdapat sebarang isu mendesak atau situasi semasa yang keperluannya untuk diadakan perhimpunan aman secara mengejut.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya usaha yang kita lakukan pada hari ini adalah untuk mengangkat undang-undang dan dasar negara agar selaras dengan standard hak asasi antarabangsa sekali gus melindungi kebebasan bersuara dan berhimpun secara aman. Justeru itu, pindaan ini adalah suatu perkembangan baik untuk diangkat bersama. Dengan itu, sekian sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hulu Selangor dengan ini menyokong. Sekian Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Ada tujuh minit lagi. Tidak perlu? Baik. Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong boleh pakai tujuh minit tadi.

5.18 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cuma 17 minit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut serta mengambil bahagian menyokong rang undang-undang yang dibentangkan. Pertama kalinya, saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri yang telah menggunakan iltizam politik dan kehendak beliau, walaupun pada satu masa yang dahulu Akta Perhimpunan Aman ini digubal dan dibentangkan ketika Yang Berhormat Menteri di sebelah sana. Sekarang Yang Berhormat Menteri telah pun bersama-sama kita dalam perjuangan ini dan telah membawa pindaan-pindaan rang undang-undang ini yang akan memberi kebebasan kepada rakyat Malaysia untuk bersuara dan berhimpun.

Jelutong ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas inisiatif yang telah diambil, di mana kita lihat terdapat satu anjakan paradigma. Lonjakan paradigma daripada masa kita ditembak dengan izin, *water canon*.

■1720

Daripada masa kita dihalau dengan menggunakan baton, daripada masa kita ditangkap dan diheret. Malaysia sekarang sudah sampai ke satu tahap di mana rakyat Malaysia daripada berbilang kaum, berbilang bangsa boleh bersatu padu untuk mengamalkan perhimpunan aman walau apa sahaja pendirian mereka. Sama ada mereka menyokong kerajaan ataupun tidak menyokong kerajaan, mereka bebas bersuara dan bebas berhimpun. Ini adalah perkara yang begitu matang. Perkara yang

kita haru puji. Saya di sini gembira melihat sesuatu perkara yang saya perjuangkan bersama-sama dengan Menteri Pertahanan, ‘abang Mat’ kita panggil dia pada suatu ketika dahulu, bersama-sama dengan Yang Berhormat Port Dickson pada suatu ketika dahulu.

Banyak sangat daripada kita di sebelah sini yang pernah ditangkap, diheret dan dikurung. Yang Berhormat Petaling Jaya, saya masih lagi ingat masa di mana saya hadir untuk prosiding reman beliau selepas BERSIH 4.0. Saya kurang pasti sama ada beliau ingat atau tidak, saya masih ingat. Saya bersama-sama Yang Berhormat Bukit Gelugor telah sama-sama hadir untuk kita membela beliau semasa prosiding reman tersebut. Ini tidak akan berlaku lagi. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana kita menunjukkan satu kemantapan dalam arena politik. Walaupun Yang Berhormat yang Berhormat di sebelah sana beria-ria sangat muh berdemonstrasi, muh undang-undang ini dimansuhkan dan sebagainya, saya rasa mereka ini masih lagi saya gunakan istilah *premature*.

Masih lagi budak kecil lagi, tidak pernah pergi berdemonstrasi dalam demonstrasi-demonstrasi yang lebih mempunyai lebih makna. Kalau kita dulu berdemonstrasi, kita berdemonstrasi dalam BERSIH menentang rasuah. Kita berdemonstrasi menentang kerajaan yang rakus, kita berdemonstrasi menentang pemerintah-pemerintah yang menjual negara kita dalam isu 1MDB dan sebagainya. Apakah perhimpunan yang diadakan sekarang? Adakah perhimpunan itu membawa manfaat kepada rakyat?

Yang Berhormat Pontian, mungkin beliau sendiri tidak sedar perhimpunan yang beliau pergi bersama-sama. Perhimpunan ICERD dan sebagainya, adakah ia dapat menyatupadukan rakyat? Dalam demonstrasi BERSIH, kita lihat orang India ada, orang Melayu ada, orang Cina ada. Yang Berhormat Pontian, tunggu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kacaulah Yang Berhormat Jelutong ini, saya tengah tengok saya punya WhatsApp.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian, duduk dulu. Saya belum habis lagi. *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya tengah tenang dan aman.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar-sebentar, saya bagi peluang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Mengacau betul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan bagi peluang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan bagi peluang, saya akan bagi peluang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong, sebab kamu sebut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: No, no. Saya bagi peluang.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Jelutong, hendak tanya Yang Berhormat Jelutong. Adakah Yang Berhormat Pontian mudah dipengaruhi?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya bagi peluang. Dalam perhimpunan ICERD, satu-satunya orang India yang saya lihat berada di situ adalah Yang Berhormat Tapah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tahniah, tahniah, tahniah. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] [Tepuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dia pun sendiri keliru bila disoal, mengapa beliau sendiri hadir. Akan tetapi, dalam perhimpunan BERSIH, kita lihat orang Melayu ada, orang Cina ada, orang India ada, orang Punjabi ada, semua bersatu. Orang Asli pun ada. Kita di situ melawan Kerajaan Barisan Nasional ketika itu kerana kuat rasuah. Dalam perhimpunan ICERD, apakah yang ditentang Yang Berhormat? Saya pun keliru.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita lawan kerajaan yang kuat penipu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat. So, dalam perkara ini saya rasa kita berbalik kepada isu pokok. Pertamanya, saya rasa kita bersama-sama lah menghargai pendekatan yang diambil oleh kerajaan baharu di mana kita memberi kebebasan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri saya cuma ingin merakamkan kerisauan saya. Kita lihat puak-puak di sebelah sana, saya memetik Yang Berhormat Arau. Puak-puak di sebelah sana, sering kali mengadakan perhimpunan-perhimpunan yang mungkin tidak kena pada tempatnya. Mungkin menggembargemburkan isu-isu yang tidak begitu penting dan agenda-agenda yang dibawa oleh mereka juga adalah agenda-agenda yang bercelaru. Tidak ada kena mengena pun dengan masyarakat, dengan kebaikan, kebajikan dan sebagainya.

Kalau dulu, macam saya ulangi sekarang isu BERSIH kita lawan rasuah. Apakah isu perhimpunan jalan raya yang diadakan oleh PAS dan UMNO? Apa yang diadakan oleh PAS dan UMNO? So, di sini saya sekali lagi ingin merakamkan ya.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Arau mari, Yang Berhormat Arau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin merakamkan kerisauan saya. Cuma peluang yang keemasan, kebebasan yang diberikan ini mungkin disalah gunakan oleh PAS dan UMNO untuk menghasut rakyat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bagi / bercakap, bagi / celah.

Seorang Ahli: Nanti, nanti, nanti.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Bila kamu menyebut, dulu kita sebagai pembangkang, kita juga membuat perhimpunan aman. *[Disampuk]* Ya, sama juga masa itu. Sekarang kamu kerajaan, ada benda yang kami tidak puas hati termasuk juga janji-janji dalam manifesto. Kamu kena ingat Yang Berhormat Jelutong. Tuan Yang di-Pertua, tolong peringat dia. Masa, nanti sekejap. Masa kita buat perhimpunan dahulu, Perdana Menteri mana yang kita tentang habis-habisan kezaliman dilakukan pada ketika itu, yang menjadi ketua kamu sekarang saya ingat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baik, saya jawab, saya jawab, saya jawab.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Masa lepas kepada itu...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey lah, cukup lah, cukup lah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Selepas kepada Perdana Menteri keempat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Cukup.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita pembangkang boleh buat perhimpunan, tidak ada tindakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, okey, okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Selepas Kerajaan Pakatan Harapan menjadi kerajaan, kita juga membuat perhimpunan, tidak ada tindakan yang agresif dan drastik sehingga kita ditangkap masuk, terpaksa melibatkan. Kena ingatlah perkara ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Jangan pakai sedap mulut sebut sahaja. Sekarang kami pembangkang, takkan kami hendak sokong kerajaan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ada benda-benda daripada manifesto yang tidak dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baik, baik. Cukup lah, cukup.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Oleh sebab kamu sebut PAS dan UMNO.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat. Di sini...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kami pembangkang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, saya tidak bagi peluang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Rasah, diam!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Biar saya jawab, saya jawab dulu. Yang Berhormat Arau saya bagi peluang. Biar saya jawab dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya begitu simpati dengan Yang Berhormat Pendang kerana bersama-sama PAS, yang dulu, kini dan selama-lamanya menjadi pembangkang. *[Tepuk]* Itu yang pertama. Kedua, Yang Berhormat perlu ingat bahawa kita pada masa itu menentang Barisan Nasional.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu fakta tidak betul, PAS pernah jadi kerajaan tahun 1974.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sekarang, sekarang Yang Berhormat Langkawi sudah bersama-sama kita menjadi Pakatan Harapan. So, kita harus ingat bahawa dalam istilah Yang Berhormat mendiang Karpal Singh dahulu,

dengan izin, *no permanent friends, no permanent enemies, there must be permanent principal.* So, dengan izin.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Zalim tetap zalim lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya di sini...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong, zalim tetap zalim.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita menentang bersama dulu di atas kezaliman...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak apa lah, okey, okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang dilakukan oleh Perdana Menteri sekarang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Duduk dulu, saya belum habis lagi. Di sini saya ingin sekali lagi merakamkan...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Jelutong, Sik minta sedikit penjelasan.

Seorang Ahli: Nanti, nanti. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih. Adakah...

Tuan Yang di-Pertua: Beri laluan kepada Sik?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Ya. Yang Berhormat Jelutong tadi membangkitkan mengapa PAS dan UMNO membuat perhimpunan ICERD. Jadi, adakah Tuan Yang di-Pertua bersetuju bahawa, saya nyatakan Yang Berhormat Jelutong bersetuju ICERD dilaksanakan selepas setelah ditarik balik oleh Kabinet dan parti Yang Berhormat Jelutong sendiri bersetuju untuk dilaksanakan ICERD untuk diberitahu kepada seluruh rakyat Malaysia...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan layan, jangan layan. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Jelutong tidak bersetuju dengan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Sik, okey lah, tidak apa lah. Saya sudah ingin teruskan, cuma saya hendak bagi pesanan kepada Yang Berhormat Sik. Tolonglah ikut nasihat Tok Guru Nik Aziz, jangan berkawan dengan UMNO.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tok Guru Nik Aziz, dia...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okay, alright.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kamu sebut nasihat Tok Guru Nik Aziz ketika dia sudah mati. Akan tetapi, nasihat Tok Guru Nik Aziz kamu tidak pernah sebut sekiranya UMNO menjalankan undang-undang Islam, bubarkan PAS. Itu kamu tidak pernah sebut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, betul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tolonglah ikut nasihat Tok Guru Nik Aziz.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita akan menyertai UMNO.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan kawan UMNO.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, sila Yang Berhormat Arau. Saya berikan laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit sahaja, sedikit.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Bubarkan PAS dan menyertai satu parti sahaja, UMNO...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Jangan kawan UMNO.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekiranya...

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Apa ini, UMNO menjalankan, laksana undang-undang syariat Islam seperti RUU 355. Bubarkan PAS, itu kamu tidak pernah sebut. Kamu sebut, jangan campur dengan UMNO sahaja. Ini apa *double standard? lawyer apa lagu ni?*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong, saya hendak tanya, apa makna rasuah? Sering kali kami dituduh rasuah. Apa makna rasuah? Makna rasuah...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Pekan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagi DAP ialah, bila orang masuk bersama dengan mereka, maka rasuah tidak ada lagi. Dulu orang yang maki Tun Mahathir dengan teruknya ialah DAP. Maki dan akan ambil tindakan kerana Tun Mahathir dengan anak-anak terlibat dengan rasuah. Bila ada di sana, sudah tidak ada

rasuah. Malah, orang yang dituduh rasuah pun kalau kerana mereka berada di puak sana, kes-kes mereka ditarik balik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Skandal *Forex RM31 bilion...*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apakah itu makna rasuah Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *No further action.* Dulu DAP yang menyatakan bahawa skandal terbesar dalam sejarah Malaysia.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, ada juga... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Satu persatu. Dua orang bercakap, tidak tahu siapa yang bercakap ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Keghairahan membangkang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Jelutong, apa makna rasuah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya cuma ingin...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Makna rasuah ialah, kalau kami duduk sini rasuah. Kalau kami pergi sana, esok hilang rasuah. Apakah itu makna rasuah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, saya cuma ingin...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini ialah kerajaan yang hanya melihat tafsiran mereka sahaja yang betul. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin yang bakal Timbalan Perdana Menteri atau Perdana Menteri ini supaya mansuhkan terus akta ini. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Sudah lepas pukul 4.00 sudah ni, lepas pukul 4.00.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, so, Tuan Yang di-Pertua saya cuma ingin merumuskan di sini dengan mengatakan bahawa ini adalah undang-undang yang patut disokong. Saya dengan ini ingin merakamkan

penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian Yang Berhormat Menteri, kepada Kerajaan Pakatan Harapan.

■1730

Akan tetapi pada masa yang sama, saya cuma ingin mengatakan kerisauan saya tentang puak-puak tertentu yang akan mengambil kesempatan pindaan-pindaan ini untuk menghuru-harakan negara kita terutamanya UMNO dan PAS. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ini sebut PAS, siapa yang maki Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini penyamun, perompak, perosak negara, siapa dia? Sekarang kamu bersama dengan orang itu. Hari ini kamu bangkitkan perkara ini. Kamu kena tanyalah orang yang maki, siapa bapa perompak? Siapa bapa perompak negara?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Habis sudah, habis sudah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sudah habis sudah, tutup.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak!

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Hei! Sudah 5:30 petanglah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pendang hendak berbahas semula ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta bahas semula, masuk round kedua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Oleh sebab dia sebut. Dia mentioned terus Tuan Yang di-Pertua, perkataan PAS dan juga UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekarang siapa yang maki?

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang. Mungkin keadaan akan menjadi lebih tenteram. Silakan.

5.31 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong ini lawyer yang suka provoke oranglah.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: ...kerana saya dapat membahaskan peringkat dasar ini, Rang Undang-undang Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019.

Pertama, saya gembira dan ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang membentangkan pindaan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini. Saya lihat, ada beberapa perkara yang baik, yang perlu disokong positif. Pertama, dipotong atau dimansuhkan protes jalanan dan ini bagus. Kedua, tempoh dipendekkan notis pemberitahuan daripada 10 hari kepada tujuh hari, kalau boleh lebih minimum lagi bagus. Ketiga, ada peruntukan kompaun, seksyen yang baharu iaitu seksyen 21A.

Saya memang akan menyokong rang undang-undang ini. Akan tetapi, saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri lebih daripada perkara-perkara yang baik yang telah saya sebutkan itu. Saya meminta bukan untuk saya, tetapi untuk rakyat kita. Kebebasan yang dijamin di bawah Perlembagaan, di bawah fasal 10(1)(b). Ini daripada pengalaman saya sejak pilihan raya tahun 2013 yang dahulu, hampir lima tahun Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang peguam di Johor Bahru, ada dua kes yang terlibat di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 ini.

Daripada bermula Mahkamah Sesyen, kedua-duanya sampai ke Mahkamah Rayuan di Istana Kehakiman, Putrajaya. Apa yang saya maksudkan, saya minta lebih Yang Berhormat Menteri, iaitu berkenaan— ini perkara dasar iaitu seksyen 9. Seksyen 9(1) adalah berkenaan pemberitahuan perhimpunan. Dahulu tempoh sepuluh hari, kalau gagal akan dihukum di bawah seksyen 9(5). Sabit kesalahan hukumannya sampai maksimumnya RM10,000.

Sekarang saya mahu bawa perkara ini dari Dewan ini, membincangkan soal isu Perlembagaan (*constitutional issues*). Tuan Yang di-Pertua, ada dua kes di bawah Akta Perhimpunan Aman 2012 yang dituduh di bawah seksyen 9(1) dan dihukum di bawah seksyen 9(5) di peringkat Mahkamah Rayuan. Kes yang pertama, yang terdahulu ialah kes Nik Nazmi lawan pendakwa raya. Manakala kes yang kedua ialah rayuan pendakwa raya lawan R.Yuneswaran kes dari Johor Bahru manakala Nik Nazmi daripada Selangor. Isunya ialah isu Perlembagaan. Jadi sekarang adalah kesempatan yang baik, Dewan Rakyat ini meneliti perkara ini. Oleh sebab saya *declare*, iaitu saya seorang daripada team peguam di peringkat daripada Mahkamah Sesyen sampai Mahkamah Rayuan kes R.Yuneswaran.

Isu yang saya hendak bangkitkan ialah dalam kes Nik Nazmi, tiga orang hakim yang arif memutuskan bahawa seksyen 9(5) *sentencing*, hukuman itu bercanggah

dengan Perlembagaan. Izinkan saya mengemukakan tiga orang hakim yang arif itu, Yang Arif Hamid Sultan, Yang Arif Mah Weng Kai dan Yang Arif Mohamad Ariff bin Md Yusof, Tuan Yang di-Pertua kita pada hari ini yang mendapati bahawa seksyen 9(5) itu bercanggah dengan Perlembagaan. Kalau saya silap, harap betulkan.

Manakala, dalam kes pendakwa raya lawan R.Yuneswaran, di mana saya ada di dalam mahkamah itu untuk membela anak guam saya, mahkamah memutuskan bahawa seksyen 9(5) itu mematuhi Perlembagaan. Di mana ada tiga orang hakim salah seorangnya diketuai oleh Presiden Mahkamah Rayuan pada ketika itu, Tan Sri Md Raus. Jadi sekarang kehakiman kita ada dua kes sama *level* di Mahkamah Rayuan yang mengatakan seksyen 9(5) bercanggah dengan Perlembagaan iaitu kes Nik Nazmi.

Satu lagi keputusan yang kemudiannya mahkamah rayuan juga mengatakan seksyen 9(5) sah, tidak bercanggah. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri, sekiranya pindaan ini dibentangkan pada Parlimen dengan tidak mengambil kira seksyen 9(5) itu dikekalkan, ini bermakna bahawa pihak yang kerajaan berpendapat bahawa seksyen 9(5) itu makna sah, mengikut Perlembagaan. Saya ingin berkongsi iaitu apabila keputusan dalam kes R.Yuneswaran di mana Mahkamah Rayuan yang bersidang pada waktu itu mengatakan bahawasanya seksyen 9(5) itu sah dari segi Perlembagaan tidak mengambil kira keputusan Nik Nazmi.

Tiga orang hakim sebelum itu, yang sebulat suara mengatakan bercanggah dengan Perlembagaan tidak *distinguish*, tidak dibezakan. Apakah bezanya kes R.Yuneswaran dengan kes Nik Nazmi? Sedangkan fakta kes ini sama. Kedua-duanya dituduh di bawah seksyen 9(1) dihukum di bawah seksyen 9(5). Kedua-duanya berkaitan dengan fakta perhimpunan aman, Black 505, selepas pilihan raya 2013. Satu di Kelana Jaya, yang terdahulu dituduh. Kedua, di Puteri Wangsa di Johor Bahru...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pasir Gudang.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Ya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Adakah Yang Berhormat Pasir Gudang ini minta Yang Berhormat Menteri jawab atau Tuan Yang di-Pertua yang jawab? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mana boleh jawab itu...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, boleh melanggar konvensyen sikit menjawab? Cadangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan tidak diterima. Konvensyen tetap konvensyen.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri iaitu dalam semangat yang baik, saya percaya kerajaan yang ada sekarang hendak memenuhi janjinya. Saya bacakan apa sebenarnya janji Pakatan Harapan berkenaan Akta Perhimpunan Aman ini. Saya dapati bahawa, janjinya bukan mahu mansuhkan keseluruhannya, bukan. Janjinya hanya dalam bahasa Inggeris, saya ada versionnya, “*The Pakatan Harapan Government will also abolish draconian provisions in the following acts*”. Salah satu akta itu adalah *Peaceful Assembly Act 2012*.

■1740

Maknanya, apa yang dibentangkan oleh kerajaan sekarang ini betul- hendak pinda bukan hendak hapuskan, sebab tidak janji hendak hapuskan seperti yang Yang Berhormat Arau sebutkan tadi. Tidak! Bukan hendak hapus, mansuhkan semua. Tidak! Maknanya *draconian provision*, peruntukan-peruntukan, seksyen-seksyen yang agak zalim, yang agak keras. Itu yang hendak dibetulkan.

Dalam semangat ini memang ada, dalam usul yang ini seperti kurangkan masa, batalkan jalanan itu dan ada menepati tentang hendak mansuhkan fasal-fasal yang bersifat zalim, yang keras. Akan tetapi saya minta satu lagi Yang Berhormat Menteri, dalam lapan saat yang terakhirnya, saya mohon supaya *sentence*, hukuman 9(5) itu juga dimansuhkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Habislah dengan itu *list* atau senarai pembahasan. Oh! ada lagi. Okey silakan Yang Berhormat. Silakan.

5.41 ptg.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk hendak menyokonglah pindaan ini kerana orang yang bertanggungjawab untuk membentang Akta *Peaceful Assembly* ini dahulu waktu Kerajaan Barisan Nasional, saya lah. Jadi kalau Yang Berhormat Arau kata hendak suruh mansuh, saya tidak setujulah ya.

Jadi di sini, saya sebenarnya ingin memberi sedikit pandangan iaitu untuk kita mengeluarkan protes jalanan. Itu adalah satu pindaan yang baik, sebab rata-rata di dunia ini pun kita lihat, kalau protes jalanan itu aman, maka tidak perlulah kita halangkan. Sebab kita tengok di mana-mana pun, dibenarkan. Bukan sahaja himpunan yang statik tetapi kita benarkan. Kalau kita benarkan himpunan statik, tidak ada sebab protes jalanan itu dihalang. Itu pertama, saya setuju.

Keduanya, kalau saya masih ingat iaitu bahawa, waktu pembentangan Akta Perhimpunan Aman ini dahulu, cadangan awal adalah 30 hari notis yang perlu berikan. Dalam perbahasan, kita telah mendapat pandangan daripada Ahli-ahli Parlimen, maka diturunkan kepada 10 hari. Hari ini diturunkan kepada tujuh hari. Saya rasa ini satu pindaan yang baik, kerana kita perlu memberi notis, kalau kita hendak mengadakan perhimpunan aman- perlu bagi notis sebab memberi kesempatan kepada pihak polis untuk memastikan supaya keamanan dapat kita sediakan, dan dapat dipertahankan terutama sekali kalau kita mengatakan iaitu bahawa kanak-kanak boleh dibawa bersama, maka sudah tentulah sudah menjadi tanggungjawab polis untuk memastikan keselamatan mereka itu mesti diberikan pertimbangan yang terbaik sekali, kerana melibatkan kanak-kanak. Sebab itulah notis perlu diberi.

Sekarang ini diturun kepada tujuh hari. Saya rasa itu satu pindaan yang baik kerana kadangkala kalau bagi 10 hari ini, pihak polis akan merasakan dia ada masa 10 hari, kemungkinan tidak begitu *urgent* untuk dia mengambil tindakan-tindakan untuk memastikan supaya segala persiapan itu dapat dilakukan. Apabila diturun kepada tujuh hari, bermakna pihak polis sudah bersedia. Ini baiklah. Kalau dahulu 10 hari dirasakan mungkin lama tetapi kalau dalam masa tujuh hari, polis bersedia untuk membuat persiapan dalam tujuh hari, maka itu adalah baik.

Jadi pindaan ini saya rasa adalah baik kerana memberikan keyakinan kepada pihak pengajur bahawa polis bersedia untuk melakukan segala persiapan dalam masa tujuh hari. Itu baik.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya yang terakhir iaitu rayuan daripada 48 jam diturun kepada 24 jam. Jadi keimbangan saya ialah, kalau diturun kepada 24 jam, maka masa untuk pihak pengajur hendak merayu itu mungkin tidak sempat- *too short time* untuk merayu. Jadi kalau dia mahu merayu di atas keputusan yang dibuat oleh pihak kementerian atau pihak polis, saya rasa 48 jam itu satu masa yang cukup untuk memberikan kesempatan kepada pihak pengajur untuk merayu. Jadi kalau dalam 24 jam, mungkin dia tidak sempat hendak tahu kah atau apa, tiba-tiba orang kata, rayuannya sudah kena tolak. Dan kalau dia hendak, eh! Bukan rayuan sudah kena tolak, maknanya dia tidak sempat pun hendak merayu.

Jadi dalam rayuan ini, apabila kita hendak merayu, kita perlu juga panggil kepada peguam untuk dalam surat rayuan itu, kita hendak cerita, apakah alasan-alasannya mengapa kita membuat rayuan terhadap mungkin penolakan daripada pihak polis terhadap permohonan kita. Sebab itu saya rasa, 48 jam itu adalah satu masa yang cukup

bagi pihak polis dan juga bagi pihak penganjur untuk membuat rayuan itu. Kita bagilah kesempatan kepada pihak yang menganjur untuk hendak merayu, kalau rayuan dia ditolak.

Sebab kalau dalam masa 24 jam, maknanya kalau dia tidak sempat, habislah. Tidak bolehlah hendak buat. Jadi sebab itu saya merasakan kalau boleh difikirkan iaitu 48 jam kepada 24 jam itu kalau boleh teruskan sahaja, kerana kita memberikan kesempatan kepada pihak penganjur untuk dia ada masa merayu, kalau boleh ditimbangkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong. Dan saya hendak sebutlah Yang Berhormat Jelutong mengatakan, ini satu akta yang cukup baik. Jadi, orang yang mula-mula membentangkan ini saya la. *[Ketawa]* Terima kasih banyak-banyaklah. Saya menyokong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ambil kesempatan ini untuk puji Yang Berhormat Padang Rengas jugalah. Tahniah. Tahniah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu selesailah perbahasan 24 orang pembahas telah diberi kesempatan, dan sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Silakan Yang Berhormat Menteri.

5.48 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sebegitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangkit untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman (Pindaan), yang telah pun saya bentangkan sebentar tadi.

Saya mencatatkan hampir semua perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh, bukan sahaja Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh Tuan Yang di-Pertua tetapi yang mencelih pun ada saya masukkan dalam catatan saya.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, telah pun saya jelaskan tadi bahawa, ini adalah salah satu daripada usaha yang kita lakukan untuk menentukan supaya apa yang dimaktubkan dalam Perlembagaan, sebagaimana yang disebut oleh ramai pakar-pakar undang-undang di kalangan Ahli Yang Berhormat tadi, hendak kita laksanakan secara yang sebaik mungkin iaitu hak rakyat untuk mengadakan perhimpunan dan juga memberi

expression ataupun mengeluarkan apa-apa pandangan, itu adalah hak yang termaktub di dalam Perlembagaan.

Sebab itu apa yang telah dilakukan oleh saya, sebagai Kerajaan Pakatan Harapan ialah untuk melihat kepada apa-apa yang termaktub dalam undang-undang sedia ada. Mana-mana yang dianggap sebagai kekangan ataupun halangan yang dengan sebab itu dilihat bahawa ia tidak selari dengan Perlembagaan, itu mesti dipinda ataupun dihapuskan.

Keduanya bahawa Pakatan Harapan dalam manifesto antara lain menyatakan, bukan kita hendak menghapuskan semua undang-undang. Kita sebutkan ialah di mana yang wajar dan perlu fasal-fasal tertentu dalam undang-undang yang sedia ada, yang saya sebutkan tadi ada enam perkara dari sudut kementerian saya, perlulah dipinda dan dilaksanakan dalam tempoh yang seberapa segera.

■1750

Oleh sebab itulah untuk tujuan itu, langkah telah pun diambil oleh pihak kementerian dan ini tidak dibuat secara tergesa-gesa. Minta maaf Yang Berhormat Tanjong Karang tadi mengatakan tergesa-gesa. Akan tetapi kita buat secara bersungguh-sungguh, sebab itu tempoh masa tidak panjang. Jikalau dilihat daripada tarikh Pakatan Harapan membentuk kerajaan sampai hari ini mungkin lebih setahun sahaja. Itu sebagai satu bukti bahawa memang kita serius dan dibuat dalam bentuk jawatankuasa-jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah dibentuk untuk meneliti.

Dalam proses pembentukan jawatankuasa itu, bukan sahaja di peringkat kementerian, konsultasi dengan pelbagai pihak seperti *Bar Council*, SUHAKAM, HAKAM, *Lawyers for Liberty* dan pelbagai pihak dijemput bersama-sama selain daripada *academician*, peguam-peguam yang terpilih untuk memberikan pandangan. Jadi, ini yang saya sebutkan ialah sebagai satu langkah untuk pastikan bila mana kita hendak kemukakan ke Parlimen hari ini, ia adalah sesuatu yang agak lebih baik daripada apa yang telah dibuat di peringkat Kerajaan Barisan Nasional dahululah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cakap tergesa-gesa ini ada dua sebab. Pertama, saya kata tadi bahawa umur. Kalau disusun dengan baik-baik, sudah ada perancangan, hendak bagi umur 18 tahun itu mengundi. Mengapa bila Akta Perhimpunan Aman ini, hanya 21 tahun sahaja boleh menganjur? Jadi ada *contradict* di situ. Itu maksud pertama.

Kedua, kalau betullah perkara ini disusun dengan baik, selalulah kita pun dah lama dalam Parlimen, kalau mana-mana rang undang-undang disusun dengan baik, jarang kita buat pindaan tetapi hari ini pindaannya tidak banyak. Akan tetapi apabila teguran-teguran yang diberi, saya tengok dalam bacaan yang kedua nanti ini, ada pindaan fasal-fasal ini. Itu yang saya nampak yang macam tergesa-gesa dibuat dan tidak dibincang secara menyeluruh. Itu pandangan saya dengan bukti yang saya ada di depan mata saya.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Kepada Yang Berhormat, sebenarnya, apabila kita putuskan perkara ini, sebagaimana saya sebutkan tadi, kita sudah teliti. Oleh sebab itu walaupun secara umumnya kita telah bersetuju bahawa Akta Perhimpunan Aman ini penting tetapi ada banyak kekangan dan dikatakan tidaklah menjiwai roh Perlembagaan. Maka itu langkah ini diambil sekarang untuk menentukan supaya ia dapat dilaksanakan.

Jikalau disebutkan tadi soal pindaan yang hendak dibuat mengenai Perlembagaan yang belum lagi dibentangkan dan belum juga dibahas dan diluluskan lagi, saya tidak boleh hendak ramalkan apakah itu akan dilulus, diharapkan dilulus. Kalaupun diluluskan, pastilah undang-undang yang sedia ada boleh kita lihat semula kerana ada tempoh-tempoh yang akan datang, kalau fikir ia sesuai dipinda semula, kita akan pinda. Ini saya fikir proses-proses undang-undang yang telah pun berlaku bukan sahaja di dalam Akta Perhimpunan Aman, akta-akta lain pun. Yang Berhormat pernah menjadi Menteri pun, yang telah dibentangkan, dipinda berkali-kali untuk menyesuaikan dengan keadaan, ketika dan masanya.

Oleh sebab itu dalam soal ini, sebagai contoh, kita kata tidak perlu ada lagi peruntukan protes jalanan. Ini sewaktu zaman Barisan Nasional dimasukkan itu dan ini dilihat sebagai satu halangan dan kekangan. Jikalau orang hendak berhimpun, berhimpunlah atau tarikh apa sahaja sekalipun, berhimpunlah. *[Dewan tepuk]* Jadi sebab itu pada hari ini, kita telah berpendapat, tidak perlu ada lagi protes jalanan. Maksud protes jalanan itu macam biasa difahami ialah jalan atas jalan raya, buat macam-macam kecoh, macam contoh di Hong Kong di setengah-setengah tempat itu. Maka disebabkan itu, di waktu mana dalam Barisan Nasional dahulu dalam undang-undang ini, dia tidak mengizinkan perkara itu. Itu dilihat sebagai kekangan ataupun halangan kepada hak sesiapa sahaja rakyat untuk berhimpun.

Jadi apa kita buat, pinda. Apa kita buat, kita gugurkan dan tidak dimasukkan lagi dalam Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019 ini. Jadi, ini bermakna bahawa segala

bentuk perhimpunan, tidak payah pakai takrif, sama ada himpunan jalanan atau apa, boleh diadakan. Ini terbukti bilamana saya sebutkan angka tadi Tuan Yang di-Pertua, 8,668 jumlah perhimpunan diadakan tahun lalu sahaja sewaktu zaman Pakatan Harapan mula mentadbirkan negara berbanding sebelum itu tahun 2017 lebih kurang 3,000 sahaja, hampir tiga kali ganda.

Mungkin apabila mereka melihat Pakatan Harapan ini bersikap lebih terbuka, orang rasa tidak mengekang dan tidak ada tindakan terhadap sesiapa hendak bersuara, maka ramailah keluar. Ini membuktikan bahawa demokrasi yang kita amalkan sudah menjadi lebih segar di bawah Pakatan Harapan. *[Dewan tepuk]* Jadi sebab itu, kita putuskan tidak pakai lagi istilah apa sahaja bentuk perhimpunan, boleh dianjurkan.

Soal yang kedua ini, tempoh masa. Ini saya dengar banyak perbahasan sampai Yang Berhormat Arau pun cadang kalau boleh hapus. Sepatutnya di peringkat Barisan Nasional dahulu patut tidak ada satu undang-undang. Jadi sekarang ini saya tidak fikir. Saya lihat di sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di sebelah kerajaan ataupun pembangkang, menyokong undang-undang ini. Itu saya hendak ucapkan terima kasihlah, walaupun kata bersyarat. PAS pun sokong, UMNO pun sokong. Sebelah sini tidak usah cakaplah, hampir semua sokonglah.

Ini satu petanda bahawa kita tahu bahawa undang-undang seperti ini masih diperlukan. Jikalau langsung tidak ada, macam dicadangkan oleh Yang Berhormat Arau, buat sahaja sesuka hati dan apabila sudah tercetus satu perkara yang tidak baik untuk negara, akan dituduh siapa? Menteri Dalam Negeri? Tidak jaga, tidak tentukan itu, polis kawal dan sebagainya. Jadi itu saya fikir sesuatu yang tidak wajar. Maka sebab itu untuk tujuan ini, tadi disebutkan tempoh dahulu hendak 30 hari. Saya berada di sebelah sana kah atau di sini kah agaknya waktu itulah sebelah sini jugalah. *[Ketawa]*

Kemudian dicadang dibahas panjang lebar, panjang sangat, lulus 10 hari. Sekarang apabila dibawa balik, kita kaji dan kita teliti, tempoh yang agak sesuai adalah tujuh hari. Kenapa tujuh hari? Wajar kerana perkara yang hendak ditetapkan tadi dan terbukti 8,668 kes yang telah pun berlaku tahun lalu, hanya satu kes sahaja. Kenapa berlaku satu kes yang perlu dibawa ke mahkamah ialah kerana kepada keseluruhannya, isu tidak berbangkit, keadaan terkawal. Saya hendak pujilah termasuklah PAS, UMNO yang buat ICERD, buat perhimpunan, *nothing*. Maknanya tidak ada isu-isu yang berbangkit, yang menyebabkan tercetusnya satu perkara yang boleh membawa angkara kepada negara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Jadi, oleh sebab itu bagi saya, yang agak penting ialah supaya ada satu tempoh waktu yang munasabah supaya pihak berkuasa polis utamanya menentukan jumlah kakitangan yang hendak *deploy*. Kalau kita semua tahu apabila ada perhimpunan macam lengang, tetapi walaupun lengang, ada pihak-pihak yang mengawal dan kita sudah keluarkan arahan baharu, jangan buat apa-apa. Tonton dan lihat sahaja. Kecuali kalau sudah timbul satu perkara yang mungkin boleh mencetuskan huru-hara, maka barulah pihak berkuasa seperti polis mengambil langkah-langkah untuk mengawal keadaan. Jadi sebab itulah saya minta cadangan kita supaya tempoh yang dikatakan dikurangkan daripada 10 hari kepada tujuh hari itu diterima.

Akan tetapi saya mengambil kira, ini saya hendak menunjukkan betapa kita prihatin tentang suara rakyat menerusi Ahli-ahli Parlimen. Hendak kata hapus semua tidak boleh, hendak kata 24 jam pun rasa saya agak tidak berapa munasabahlah. Ini kerana apa pun, walaupun hanya notis, tetapi pihak kami di kerajaan harus bertanggungjawab dan untuk menentukan kebertanggungjawaban itu, kita mesti ada persiapan. Dalam keadaan mana sekalipun, pengajur kata mesti aman, tidak ada apa-apa masalah. Dalam rekod yang lepas-lepas, ada juga masalah. Apabila timbul masalah, macam-macam perkara yang berbangkit. Sebab itu...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta pencelahan sedikit.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Sebab itu kalau boleh saya selesaikan sedikit ayat ini. Jadi mengambil kira pandangan daripada Ahli Yang Berhormat, saya kira langkah pertama ini, kita hendak menurunkan daripada tujuh hari yang dicadangkan dalam draf ini kepada lima hari. Munasabah lima hari. [*Dewan tepuk*] Jadi ini fasa-fasalah. Kalau esok kalau ada rekod yang akan datang tidak perlu langsung, macam cadangan Yang Berhormat Arau, mungkin tidak perlu. Akan tetapi ini adalah proses peringkat-peringkat yang saya kira wajar untuk kita pertimbangkan supaya situasi dapat dikawal tetapi tempoh boleh disingkatkan sedikit.

Di peringkat jawatankuasa nanti, ada diedarkan cadangan pindaan Tuan Yang di-Pertua dan itu kita akan bentangkan dan kalau harapnya disokong, maka bermakna tempoh itu dikurangkan lagi kepada dua hari. Bahas berapa jam pun, kalau tidak kurang pun, tidak munasabahlah. Saya mendengar apa yang diberikan pandangan. Oleh itu dan sebab itu kita hendak kemukakan pindaan itu tetapi ada kaitan juga *consequential amendment* yang perlu dibuat untuk melaksanakan cadangan tempoh hari yang disebutkan tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya dahulu, sebab saya bangun dahulu. Dia orang baik tidak kira parti.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya bangkit dahulu. Saya tanya dengan Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, tidak, Arau dahulu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tanya Tuan Yang di-Pertua dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tanya Yang Berhormat Menteri. Mana? Sana? Kita bagi Yang Berhormat Arau dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini seorang bakal Perdana Menteri lah. Dia seorang yang bagus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Arau.

■1800

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bye, bye. *[Dewan ketawa]* Pertama sekali, kami semua di sini ucap tahniah sebab dahulu masa Yang Berhormat Menteri memperkenalkan rang undang-undang, 30 hari kita turunkan daripada tujuh hari dalam masa lima hari. Pada 29 hari bulan kita bentang, pada 24 hari bulan kita turun ke 10 hari. Akan tetapi, hari ini, dalam masa tidak sampai 24 jam, Yang Berhormat Menteri telah kurangkan daripada tujuh ke lima hari. Saya ucapkan tahniah, hendak beritahu bahawa kami cukup gembira dengan kehebatan Yang Berhormat Menteri untuk membuat perubahan ini.

Cuma, sebab Tan Sri juga sebut tadi bahawa kemungkinan di akhir nanti kalau kita tidak perlu, maka kita mansuhkan terus undang-undang ini. Pada pandangan saya, Yang Berhormat Menteri, undang-undang ini memang tidak diperlukan, kalau boleh lah. Memang hendak pinda tidak sempat, tetapi saya akan mengikutlah aliran pemikiran Yang Berhormat Menteri supaya dipinda ke lima hari.

Akan tetapi, berjanjilah Yang Berhormat Menteri bahawa di akhirnya, mungkin Parlimen akan datang pada bulan Oktober nanti, supaya kita mansuhkan undang-undang ini sebab kita tidak perlu. Sebab, rakyat sudah— contohnya macam perjumpaan ICERD yang dibuat hari itu, yang menyatukan semua orang-orang Melayu. Jadi, macam itulah kita hendak, perhimpunan sedemikian rupa. Tidak perlu ada lagi ikatan sebab sudah ada undang-undang yang mengikat kita, undang-undang polis dan sebagainya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih. Boleh? Boleh?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Minta maaf. Yang Berhormat Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bagi Kangar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Kangar dahulu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey, Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Arau dia lupa hendak sebut, perubahan dapat dilakukan dengan cepat oleh sebab kerajaan baharu memang bercita-cita untuk buat perubahan.

Cuma, saya tadi bila Yang Berhormat Menteri menyentuh tentang *deployment*, kalau boleh nanti dapat juga dikongsi dengan Ahli-ahli Parlimen tentang berapakah pengurangan kos. Sebab bila kita *deployment* ini, banyak perbelanjaan. Kalau dahulu pendekatan yang diambil itu kita nampak lebih agresif, sekarang ini bila kita ambil, ternyata sebenarnya pendekatan yang diambil sekarang ternyata perhimpunan dapat berlaku juga dengan aman. Jadi, saya fikir mungkin kos *deployment* itu tidak mungkin tidak terlalu tinggi dan ini juga dapat membantu dari segi kewangan negara.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, menurunkan daripada tujuh kepada lima hari. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Padang Rengas membuat satu pandangan yang agak bernas, 24 jam dikembalikan kepada 48 jam dan jika ada penolakan, maka boleh ada rayuan. Itu saya pohon penjelasan.

Satu lagi ialah pada 4 Mei 2019, Perhimpunan Pertahan Kedaulatan Islam, ada 11 orang yang dipanggil keterangan oleh polis. Saya harap tidak diapa-apakan hasil daripada keterangan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat dan saya ambil perhatian perkara itu. Soal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau itu saya terimalah. Tetapi jangan puji banyak-banyak sangat, nanti bahaya kesannya.

[Dewan ketawa]

Yang Berhormat tadi ada di belakang saya, tidak ingat saya tadi siapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kangar.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: ...Telah membangkitkan soal kos implikasi. Memang ada kos, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kalau kita hendak *mobilise asset*, tenaga manusia, polis dan FRU, itu melibatkan kos. Jadi, sebab itu diharapkan dengan pendekatan baharu sebegini, mungkin kos itu dapat kita kurangkan. Lebih lagi kalau perhimpunan itu sudah lama diadakan dalam tempoh yang seberapa lama yang lepas ini tidak ada apa-apa yang luar biasa berlaku, maka kita akan *standby* sahaja. Jadi, tidak perlu *dimobilisekan* banyak sangat. Akan tetapi, keadaan itu kita akan teliti *case by case* seperti yang saya sebutkan tadi.

Soal Yang Berhormat Pontian bangkitkan tadi itu, setakat hari ini, kes yang 11 orang itu tidak ada apa-apa maklumat yang saya dapat. Mungkin di peringkat awal mereka telah dipanggil, disiasat. Sama ada pihak Peguam Negara kah telah memutuskan tidak ada tindakan lanjut, *wallahua'lam*. Ini kerana setakat hari ini, saya tidak dapat maklumat yang tepat tentang perkara itu.

Tentang tempoh yang disebutkan tadi daripada 48 jam disingkatkan 24 jam, itu bermakna ialah untuk menampung pengurangan hari tadi di mana disebabkan kurangnya hari, maka kita perlu juga, pertamanya bila hendak diadakan himpun, kita kena maklumkan kepada orang tempatan, "*Ha, di sini akan diadakan perhimpunan sekian, sekian hari*". Ini supaya masyarakat keliling itu tahu. Sebahagian mereka mungkin dia peniaga. Macam kita tahu kalau dibuat di Sogo, di mana ada bantahan-bantahan dan sebagainya, kalau ada timbul perkara itu, pihak polis yang bertanggungjawab akan menilai sama ada, ada asas atau tidak, ataupun mencari jalan untuk menentukan supaya tidak timbul perkara-perkara yang tidak elok berlaku.

Jadi, ini bermakna kebebasan untuk mengadakan perhimpunan itu tidak tersekut dan terhalang disebabkan oleh adanya pandangan-pandangan masyarakat setempat yang mungkin tidak sesuai, tidak suka dan sebagainya. Akan tetapi, ini hak dia. Dia hendak berhimpun, takkan kita kata tidak boleh hanya disebabkan satu dua orang kata

tidak boleh. Jadi, ini adalah untuk mempertahankan prinsip demokrasi dan hak rakyat untuk memberikan pandangan dan juga apa itu.

Demikian juga bila timbul satu kes yang dianggap berat, maka itu ada rayuan dihantarkan kepada Menteri. Kalau di sini peringkat awalnya 48 jam. Sekarang ini dikurangkan kepada 24 jam. Bermakna saya kena *standby* lah. Dan saya hendak maklumkan bahawa kes ini kadang-kadang bertindih. Satu hari ada dua, tiga, lima, 10. Bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di tempat-tempat lain. Macam tahun lalu, sebanyak 8,668 kes.

So, kalau kira sehari, berapa jumlah kes? Jadi, disebabkan itu, kita terpaksa juga menentukan. Tetapi kerana hendak menunjukkan kesungguhan kita untuk memberi ruang kepada sesiapa sahaja untuk menganjurkan, Menteri pun sanggup untuk dengar dan duduk dan kalau ada kes rayuan, melayan rayuan itu sama ada bersetuju atau tidak bersetuju. Itu ada diperuntukkan dalam fasal yang saya sebutkan tadi.

Soal yang...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Menteri, ada sedikit penjelasan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu perkara yang saya ingin timbulkan iaitu soal pemberitahuan maklumat perhimpunan itu kepada pihak polis. Sudah pasti ada SOP yang sudah ditetapkan. Adakah pihak KDN juga melihat jika ada pihak yang memohon itu memberi maklumat palsu atau penipuan dalam mereka hendak menganjurkan perhimpunan? Contoh ketika Himpunan Hari Wanita Sedunia pada 9 Mac dahulu, tiba-tiba mereka bertukar perhimpunan itu kepada himpunan menyokong LGBT. Jadi, dia sudah pun memberi maklumat yang salah ketika pemberitahuan kepada pihak polis. Adakah dalam akta ini akan mengambil kira hal sedemikian?

Kedua, jika ada pihak yang ingin menganjurkan satu program ataupun yang mungkin ingin melihat apa yang dibuat dalam konteks *Speaker's Corner* di *High Park* di *London* iaitu sekumpulan orang yang mereka boleh berinteraksi dan memberi pandangan di satu tempat, contohnya kalaulah di Dataran Merdeka, kalau kita di sini, adakah ia juga termasuk dalam Akta Perhimpunan Aman ini ataupun satu benda yang lain daripada apa yang kita bincang? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, proses notis yang disebutkan dalam undang-undang ini, saya sudah teliti dengan polis macam mana agak dia buat ini. Jadi, bila ada cadangan penganjur hendak adakan perhimpunan macam yang hampir sebahagian besar kita ada terlibat dalamnya— mungkin bukan penganjur tetapi menyertainya ya. Akan tetapi, pokoknya penganjur itu. Jadi, kalau penganjur hendak adakan, dia buat notis dan hantarkan kepada pejabat polis daerah yang di situ dan mereka akan melihat.

Dalam beberapa kes, saya fikir hampir semua, ada proses libat urus atau *engagement* hendak tahu apa hendak buat, di mana tempat, berapa ramai. Itu maklumat-maklumat yang akan dikumpulkan dan ada juga perkara-perkara yang diberi nasihat. Bukan dianggap sekatan. Sebab kita hendak sekat tidak boleh. Buat hendak bagi nasihat supaya ikut cara-cara sebegini supaya tidak berbangkit macam contoh Yang Berhormat sebutkan tadi isu-isu yang berkaitan dengan orang kata *morality* ataupun saya rasa berkaitan dengan keagamaan. Walaupun mungkin niatnya baik tetapi kadang-kadang akan timbul antara itu perkara-perkara luar daripada dugaan kita berlaku. Pastinya penganjur bertanggungjawab.

Oleh sebab itu, pihak polis bila meluluskan itu dan bukan meluluskan tetapi mengambil kira notis itu, dia akan tetapkan supaya ada beberapa cara peraturan yang harus diikuti supaya proses perhimpunan itu dapat dilakukan dengan baik.

Kalau buat perhimpunan di luar negara, itu luar daripada bidang kuasa kita. *High Park* kah manakah, itu saya fikir itu tidak ada dalam lingkungan itu. Itu terserah kepada negara yang berkenaan untuk menentukan boleh tidak boleh, dikawal tidak dikawal.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Maksud saya, kalau hendak dibuat di Malaysia contoh seperti itu.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya, buat di Malaysia pun boleh. Ada hendak menyokong Palestin, ya, kita semua sudah terlibat semua kan. PAS pejuang kuat, kami pun kuat betul, sama juga. Jadi, itu menunjukkan bahawa kita ada kesatuan, *solidarity* untuk menunjukkan bahawa kami sama-sama merasakan penderitaan rakyat Palestin dan kami hendak menunjuk kepada dunia bahawa Malaysia menyokong perjuangan itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: DAP tidak.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Jadi, kita anjurkan di sini. Apa ada kaitan Palestin dengan kita? Tidak ada. Akan tetapi kerana semangat juang kita itu, hendak menunjukkan kesatuan dan perpaduan ummah kita itu, kita bersama-sama

berjuang. Tidak ada salah. Akan tetapi, ikutlah cara kita. Mohon beritahu dan sebagainya. Macam pernah diadakan, saya yakin bukan sekali tetapi berkali-kali. Saya terlibat sama-sama untuk menyokong perjuangan, bercakap depan Kedutaan Amerika tentang apa yang Yahudi atau Israel buat. *[Tepuk]* Itu kita buat. Saya fikir tidak ada masalah tentang soal itu.

Yang Berhormat Beruas.

■1810

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana seksyen 21A yang diperkenalkan tidak menyelesaikan masalah di mana kalau Ahli Parlimen yang memimpin dalam sesuatu perhimpunan aman ini dikatakan melakukan apa-apa kesalahan, beliau akan dilucutkan hak sebagai Ahli Parlimen jika denda melebihi RM2,000.

Bagi orang ramai kalau mereka didenda, katakan di denda di bawah seksyen 21A yang diperkenalkan, itu sekadarlah RM3,000 yang dikenakan. Akan tetapi bagi seorang Ahli Parlimen, kesannya memang jauh melebihi RM3,000 yang didenda. Jadi maksudnya dia lucut hak sebagai Ahli Parlimen, dia tidak boleh bertanding sebagai calon, kemudian semua *pension* atau hak persaraannya pun dilucutkan.

Jadi adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memastikan masalah ini akan diatasi dengan pindaan yang lebih baik supaya kita sebagai Ahli-ahli Parlimen ini sebagai pemimpin masyarakat, akan lebih berani memimpin, menyuarakan apa-apa isu yang berkaitan dengan rakyat dalam perhimpunan aman ini.

Memang ada satu penjelasan mengatakan kalau ia dikompaun, maksudnya tidak ada sabitan dan oleh yang demikian tidak akan dilucutkan hak. Akan tetapi dalam bacaan saya di sini, budi bicara sama ada untuk mendakwa seseorang Ahli Parlimen itu masih di tangan pihak pendakwa raya dan juga kalaupun ditawarkan kompaun, sebagai seorang pemimpin takkan kita mengaku kita salah dan takut untuk memimpin untuk satu perhimpunan awam semata-mata kerana takut disabitkan kesalahan di mahkamah.

Jadi, kalau mereka melakukan sesuatu yang benar dan baik untuk negara, jadi saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang membuat pindaan selanjutnya untuk memastikan Ahli-ahli Parlimen tidak akan dilucutkan hak apabila memimpin perhimpunan aman ini kerana mereka bukannya dengan izin, *common criminals* kalaupun ada kesalahan, itu satu kesalahan yang teknikal sahaja. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tan Sri, isu yang sama. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Beruas. Apa yang kita faham bahawa kalau kompaun ini, kalau kita mengaku salah kita tidak mahu pergi bicara, kita bayarlah kompaun. Andailah kata kita menganjur, di mana kita tidak bayar kompaun, kita minta dibicarakan. Tiba-tiba bila bicara kalah, maka bila kalah dia boleh denda sampai ke RM5,000. Bila sudah denda dekat mahkamah, maka kelayakan kita sebagai Ahli Parlimen akan gugur. Kalau saya tidak silap, *lawyer* pun ramai di sini. Kompaun kalau kita mengaku salahlah, kita bayar, okey tutup kes.

Akan tetapi kalau macam Yang Berhormat Beruas kata, kita tidak hendak bayar kompaun, kita kata kita lawan dekat mahkamah, tiba kita kalah. Majistret jatuh hukum RM2,000 ataupun RM3,000. So, akan terjejas kita punya kedudukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi sendiri ambil perhatian, fasal saya pun Ahli Parlimen. Maknanya bukan fasal kepentingan saya sahaja tetapi kes ini sejak dahulu pun timbul. Kalau di bawah akta yang sedia ada, dengan peruntukan undang-undang sedia ada, memang itulah yang akan berlaku.

Fasal bila ada kes sebegini perlanggaran maka pihak yang menganjur katalah Ahli Parlimen maka dia boleh diheret ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman fasal kesalahan itu. Dalam kes ini tidak begitu, sebab itu saya kata ringan sahaja macam kes langgar trafiklah. Jumlah tidak kira berapa walaupun hadnya dikatakan RM5,000 dikatakan RM2,000 ke RM3,000, pokoknya bayar sahaja.

Itu dia. Kalau bayar, itu denda tetapi kalau Ahli Parlimen seperti Yang Berhormat kata tidak hendak bayar, maka kes yang patut *compoundable* sudah dibawa ke mahkamah dibincang, jadi selepas itu mahkamah pula jatuh hukuman mungkin dengan sebab itu gugur kedudukan Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ini nasihat daripada Peguam Negara ataupun PUU daripada kementerian saya. Makna pokok asalnya pertama dia lebih baik daripada dahulu. *That one* tidak boleh dielakkan tetapi keduanya bila diputuskan itu pun tidak tahu fasal pihak OCPD sendiri tidak boleh buat itu. Dia kena

refer kepada pendakwa raya dan pendakwa raya kata okey, *you compound* RM1,500 ke RM1,000, RM2,000 tidak kisah berapalah dan bayarlah.

Akan tetapi kalau *you all argue* dan sebagainya, maka cabar apa keputusan itu, macam kes-kes yang lain, macam *traffic case* pun bila sudah suruh bayar tidak bayar, lama-lama dia akan bawa ke mahkamah. Jadi, bila dibawa ke mahkamah, dia jadi hukuman. Sudah jadi satu kesalahan di bawah mahkamah, ini tidak mahkamah. Jadi *it is compoundable*. Jadi nasihat senang sahaja, bila denda bayar sahajalah. [Dewan ketawa] Jadi, tidak akan menjelaskan kedudukan.

Kalau dahulu, tidak ada. Once *you* kena jatuh sahaja, *you* kenalah, fasal mahkamah yang jatuhkan hukuman. Ini saya sudah semak Yang Berhormat, berkali-kali dengan Peguam Negara. Dia kata tidak apa *it is nothing to do with that*, jadi ini satu lagi bentuk orang kata jalan keluar yang telah kita buat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Oleh kerana saya tahu, ramai terlibat dalam soal ini ialah orang-orang politik. Sebahagian besar berjawatan ataupun ada kalau Ahli Parlimen Dewan Negeri, sekiranya yang lepas pun saya tahu kawan-kawan saya pun kena hukum. Jadi sebab bila saya duduk sini, bila bincang hendak pinda, saya tanya betul-betul. Ini kalau buat begini, apa jadi kalau Ahli Parlimen, dia kata tidak ada apa-apa. So, tidak tahulah kalau Yang Berhormat hendak uji kes. [Dewan ketawa]

Buat satu perhimpunan selepas itu kita denda RM2,200, selepas itu tidak bayar bawa ke mahkamah, macam mana hukum. Itu cuma pandangan sayalah tetapi untuk makluman memang kita sudah semak Yang Berhormat Beruas, hari itu pun sudah bangkit dalam pertemuan *law reform*. Saya sudah jelaskan tetapi kalau tidak yakin lagi tidak apa, saya ambil perhatian kalau *check* balik semula kita akan perbetulkan kalau ini tidak cukup kuatlah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya tidak mempertikaikan tadi pencerahan tentang kedudukan undang-undang kompaun dan sabitan di mahkamah. Saya pun jelas tentang perkara undang-undang. Maksud saya ini, kita Ahli Parlimen kita mesti digalakkan untuk memimpin tetapi undang-undang yang sedia ada ini mengugut, menjadi ugutan kepada Ahli Parlimen untuk menjadi pemimpin yang baik kerana semata-mata kerana takut pergi ke mahkamah, kita sudi bayar kompaun.

Jadi bagaimanakah kita hendak memimpin rakyat dalam satu perhimpunan aman untuk mengutarakan perkara-perkara yang perlukan perhatian daripada kerajaan.

Itu isunya, bukan isu kompaun dengan sabitan, saya jelas. Jadi isunya kalau tidak diberikan jaminan akibat daripada memimpin, kita jadi mangsa yang begitu teruk.

Kalaupun tadi saya jelaskan kalau orang biasa, denda RM3,000 itu setakat RM3,000 sahajalah tetapi akibat atas seorang Ahli Parlimen, jauh melebihi mungkin sampai ratusan ribu nilainya dan juga yang lebih penting haknya untuk mewakili rakyat. Jadi, kalau boleh untuk undang-undang dipinda untuk melindungi Ahli Parlimen yang bukan hanya *common criminal* ini.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatian perkara itu tetapi sebagaimana yang saya sudah sebutkan tadi itulah pandangan setakat hari ini yang telah diberikan oleh Pejabat Peguam Negara di mana ada wakil dari kementerian yang mengatakan ini tidak serupa yang difikirkan oleh Yang Berhormat.

Akan tetapi apa pun saya ambil perhatian, kita teliti balik. Kalau benda itu agak katalah ditafsirkan macam yang disebut oleh Yang Berhormat tadi begitu, saya pun tidak akan puas hati dan mungkin kita akan bawa balik pindaan yang sesuai terhadap apa yang sudah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Soal lain yang berbangkit dalam perbahasan di peringkat dasar tadi ialah penyertaan kanak-kanak.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sebelum masuk isu kanak-kanak. Saya masih kurang jelas mengenai perbezaan di antara himpunan aman dengan protes jalanan. Kalau kita lihat sejarah akta ini yang kita luluskan pada tahun 2012, di Parlimen ini 24 November kita luluskan ialah untuk kita membuat satu transformasi terhadap kerangka undang-undang sedia ada berhubung dengan hak berhimpun, itu yang kita buat.

Kesan kita, sebelum itu tidak ada undang-undang ini. Kita tahu bahawa undang-undang itu diperkenalkan mungkin Tan Sri pun masa itu sama-sama ialah untuk mengelak berlakunya demonstrasi jalanan. Pada masa itu seperti Himpunan BERSIH, Himpunan HINDRAF 2007 dan lain-lain himpunan pada masa itu.

Oleh sebab itu kita bawa dekat sini tetapi sekarang ini bila protes jalanan itu sudah tidak ada, jadi apa kriterianya, bezanya di antara himpunan jalanan dengan himpunan aman. Kalau buat protes jalanan, katalah dia kata hendak protes jalanan, bawa sampai 500–600 orang, dia kata ini protes jalanan sahaja, tidak apa-apa. So,

macam mana kita hendak membezakan kriteria ini. Kriteria himpunan mana dengan protes jalanan untuk kita bezakan supaya lagi jelas untuk kita hendak buat nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

■1820

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan tadi kategori protes jalanan dan juga perhimpunan aman itu dibuat waktu BN membentangkan rang undang-undang ini hendak membezakan kononnya yang ini tidak boleh, yang ini saja boleh. Ini yang semangat dahulu. Akan tetapi semangat Pakatan Harapan bukan begitu. Siapa saja hendak berhimpun boleh, protes jalanan, hendak istilah apa sekalipun boleh. *[Tepuk]*

Macam sekarang Yang Berhormat pun tahu bila mana diadakan macam-macam perhimpunan, jalan itu, depan Bangunan Sultan Abdul Samad digunakan, hendak kata apa itu. Protes jalanan, dia pergi daripada Sogo. Saya juga begitu dulu masa dengan BERSIH, himpun dekat Sogo lepas itu jalan pergi ke Dataran Merdeka, contoh. So, kalau hendak istilahkan itu, itu protes jalanan. Fasal apa, saya berhimpun itu walaupun aman, saya hendak protes dengan suara, dengan ucapan macam dibuat dalam banyak-banyak aktiviti. Jadi itu tidak ada masalah.

Jadi sekarang ini tidak ada lagi definisi itu. Satu saja, perhimpunan aman. Hendak kata aman tidak aman itu, soal bagaimana cara itu kita akan perhatikan. Jadi untuk memberikan hak, siapa mohon, mohonlah. Mungkin dalam hati dia kata kalau aku hendak buat apa-apa lepas ini, hendak timbulkan perbalahan dan sebagainya yang mencetuskan, itu *wallahua'lam*. Orang pun tidak akan tahu.

Akan tetapi kalau berlaku perkara itu maka adalah hak undang-undang oleh pihak berkuasa, polis dan sebagainya untuk mengambil tindakan mengenakan Akta Kanun Jenayah ataupun dan sebagainya yang sesuai untuk tujuan itu. Jadi itu tujuan tadi. Jadi, maknanya ini satu keluasan. Tidak payah lagi fikir lagi soal protes jalanan. Tidak ada. Apa perhimpunan itu, apa kategori, apa hendak dinamakan, *wallahua'lam*, boleh. Itu maksud tadi, kebebasan.

Jadi tidak perlulah saya kata yang ini kriteria protes jalanan. Apa tujuan saya hendak buat kata kriteria protes jalanan yang saya hendak benarkan juga, tidak payahlah. Perhimpunan apa, buatlah. Asalkan notis diberi, itu saja. So, maknanya ini satu tindakan yang agak cukup sesuai dengan semangat Perlembagaan kita iaitu kebebasan rakyat untuk berhimpun. Akan tetapi jangan buat kacau sudahlah. Kalau

timbul kekacauan rakyat pun tidak suka, kami akan bertanggungjawab iaitu tindakan undang-undang sesuai, kita terpaksa gunakan. *[Tepuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya Tuan Yang di-Pertua, sementara itu, boleh baca kertas, sikit saja Tuan Yang di-Pertua, sikit saja. Tidak akan berlaku kekacauan lagi Tuan Yang di-Pertua sebab DAP tidak ada sudah. Kalau ada DAP yang berlaku kekacauan. Okey...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: UMNO lagi huru-hara.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau sudah makan ubat kah?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Arau yang buat kacau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, cuma satu...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau, sudah makan ubat kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kompaun...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Lupa hari ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tengok siapa yang *dok* buat kacau.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saham turun, Yang Berhormat Arau punya fasal, saham turun.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nampak, itu loyar buruk daripada Yang Berhormat Rasah itu okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Rasah, jangan kacau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, tentang kompaun RM10 ribu ini, ini seksyen baru, saya ingat kita tarik baliklah Yang Berhormat sebab kalau tidak nanti *confuse*. *[Dewan riuh]* Jadi kita menyokong, kami menyokong. Yang Berhormat Menteri, ini kali pertama kami sokong tahu sebab ini untuk Yang Berhormat Menteri yang bawa usul. Kalau puak-puak itu buat usul, kami tentang. Jadi kami menyokong. Cuma seksyen RM10 ribu ini sebab *confuse* lagi sebab kita masih bagi kuasa kepada AG. Nanti soal kalau kita pergi mahkamah, dihukum kita lebih RM2 ribu, kita ditarik kelayakan seperti Yang Berhormat Beruas sebut. Jadi kita tarik balik seksyen kompaun RM10 ribu ini, kita tidak adakan. Jadi kita biarkan proses mahkamah berjalan seperti biasa.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tidak tahu lah Yang Berhormat. Melihat pada apa yang kita bentangkan di sini, yang itu ialah dalam akta ibu yang kita sudah pinda iaitu kalau yang lepas, kalau ada kes-kes perlanggaran, maka dia akan dihadapkan dan fasal itulah akan digunakan dan hukumannya sampai maksimum RM10 ribu. Akan tetapi itu dibawa ke mahkamah dibicarakan, tidak ada lagi sudah dan RM10 ribu tidak ada lagi sudah, berapa? Hanya RM5 ribu saja.

Kalau difahamkan itu, saya bukan mengajar ini, Yang Berhormat Arau pun pandai daripada saya. Itu tidak ada lagi. Jadi tidak perlu hendak bimbang soal itu. Fasal itu bila sudah gantikan dengan fasal baru ini, dengan pindaan baru ini cuma RM5 ribu saja, RM5 ribu pun hukuman pun macam hukuman yang ringan. Yang Berhormat Beruas sudah bangkit tadi hendak *check* betul tidak kalau DUN, Ahli Parlimen masuk terlibat, maka dia akan jatuh dia punya kedudukan. Itu saya kata tidak, tapi kita akan semaklah.

Jadi, soal yang dibangkit oleh Yang Berhormat Arau tadi saya fikir tidak perlu hendak bimbang Yang Berhormat. Tidak ada isu RM10 ribu lagi. Yang ada ialah RM5 ribu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta teruskan ya.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: ...Jelaskan soal penglibatan kanak-kanak dalam perhimpunan, ini secara logiknya kalau perhimpunan itu macam yang kita lihat lepas-lepas itu semolek mungkin lah, maknanya kanak-kanak tidak terlibat. Akan tetapi yang berlaku adalah orang bawa anak-anak, dia kata, "*Macam mana, hendak tinggal dekat mana? Tidak ada orang hendak jaga.*" Akan tetapi kalau tidak berlaku apa-apa, nasib baiklah dan pihak polis pun biasa kalau itu dia ada sikap ihsan, bertimbang rasa. Takkan lah hendak bawa itu pun hendak jadi hukuman. Nanti dia kata dia ini zalim juga.

Jadi, kita tidak ambil tindakan tetapi tidak kita galakkan dan undang-undang patut tidak boleh. Tujuannya apa, untuk memelihara keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak itu. Manalah tahu tengah-tengah itu, jadi ada itu kena pijak, kena apa kah esok, salah polis lagi. Tujuannya begitu tetapi walaupun begitu, dalam peruntukan akta yang sedia ada, dalam jadual kalau Yang Berhormat boleh lihat, ada beberapa perkara yang mana kanak-kanak dibenarkan.

Kata lahir Hari Kanak-kanak Sedunia, sekolah hendak beratur, hendak berhimpun mana-mana, dia boleh himpun, tidak ada masalah ataupun adat pengebumian ataupun soal yang berkaitan dengan adat perkahwinan ataupun perkara-perkara lain, itu

dibolehkan. Tidak menjadi masalah fasal walaupun dikatakan perhimpunan dan perlu notis tapi tidak jadi halangan dan sekatan, itu boleh dibuat atau ada dalam fasal itu apa yang ditetapkan oleh Menteri dan dimasukkan dalam jadual tanpa perlu bawa ke Parlimen.

Macam kalau Yang Berhormat kata ada cadangan *list* lagi kata okey, sesuai, kita masukkan lagi. Jadi jelas supaya ibu bapa yang terlibat itu akan tahu, yang inilah tidak ada masalah, bolehlah berhimpun, bawa anak-anak sekali sebagai contoh. Jadi itu tidak jadi isu. Jadi itu yang dibolehkan.

Kemudian yang berbangkit satu lagi perkara ialah soal tempat, *venue*, itu pun saya telah jelaskan tadi. Memang tujuan kita menambah lagi Tuan Yang di-Pertua, fasal saya tahu kalau ada tempat-tempat yang telah diwartakan, bukan Stadium Darul Makmur sahaja tetapi juga seperti yang kita hendak cadangkan tadi, kita sudah cuba bincang dengan Bandaraya, dia kata Padang Dataran Merdeka itu dia kata tidak boleh dibenarkan fasal bila buat begitu, macam-macam kerosakan, kena itu dan sebagainya. Jadi dia tidak boleh. Akan tetapi kalau hendak buat di Padang Merbok boleh, itu disebutkan. Jalan boleh, macam kita lihat yang lepas-lepas pun guna jalan, itu boleh.

Jadi kalau lebih banyak tempat sebegitu diwartakan, jadi Yang Berhormat hendak adakan esok pun boleh pergi. Beritahu polis kami hendak berhimpun situ, hendak bantah apa kah, hendak apa, boleh buat situ. Jadi itu akan mengurangkan masalah birokrasi dengan tempoh waktu yang dikatakan terlalu panjang, diadakan di tempat-tempat yang telah diwartakan. Akan tetapi masalah kami di KDN ini ialah hendak dapat kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan ataupun kerajaan negeri yang setakat hari ini kita belum dapat lagi. Kalau kata tiap-tiap bandar ada kawasan-kawasan yang dibolehkan, maka saya kira itu memudahkan lagi, di mana saja, tidak semua hendak dibuat di Kuala Lumpur, mungkin hendak buat di Penang, hendak buat di Ipoh, Johor Bahru. Maka itu boleh dipermudahkan.

Jadi maknanya ruang itu masih belum dapat kita selesaikan. Akan tetapi ini akan dilakukan dan janji saya ialah untuk berbincang dengan pihak-pihak yang ada terlibat, pihak berkuasa tempatan untuk perkara dapat kita wartakan. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang juga dibangkitkan sini ialah penyertaan warga negara asing dalam perhimpunan tadi, disebutkan tadi. Fasal kita punca kuasa...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri, sebentar.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan mengenai tempat-tempat yang akan diwartakan. Cumanya saya kurang faham sikit, apabila tempat-tempat ini diwartakan nanti, adakah hanya perhimpunan aman ini boleh dilakukan di tempat yang diwartakan ataupun perlu ada permohonan lain. Kalau katalah depan Bangunan Parlimen tidak diwartakan tapi orang hendak berhimpun secara aman di situ. Adakah ianya dibenarkan? Macam pagi tadi Yang Berhormat Pontian kata, adakah ianya dibenarkan ataupun hanya tempat Yang Berhormat Menteri nyatakan itu tadi? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tujuan disebutkan begitu ialah supaya kita ada senarainya. Jadi bila senarai itu sudah ada, kita tahu ini tempat yang paling mudah hendak buat perhimpunan, mungkin notis pun, tidak payah buat notislah, buat dekat situ, kita tahu tempat itu diwartakan. Akan tetapi dalam pewartaan macam contoh Stadium Makmur itu, pihak yang memiliki *venue* itu akan tetapkan syarat-syarat. Dia kata pada hari sekian, jam 10 hingga 12 sahaja. Itu adalah, itu pihak yang memiliki *venue* itu. Oleh sebab itu kita kena rundingkan perkara itu.

Kedua tadi, kalau macam sekarang ini tempat yang diwartakan satu tapi perhimpunan-perhimpunan yang ada di Kuala Lumpur ini tidak ada tempat, diadakan juga. Apa maknanya, fasal akta ini tidak menghalang menyekat kita mengadakan perhimpunan di mana-mana asalkan kalau tempat itu katalah tempat itu dimiliki oleh satu pihak yang lain.

■1830

Maka kita mohonlah tuan tanah itu mengizinkan kita menggunakan tempat itu dan kalau dia izinkan okey. Kalau tidak izin, maka perhimpunan itu diadakan di tempat yang diceroboh, ada undang-undang lain. Maksud saya tadi bahawa walaupun tidak diwartakan tempat-tempat tambahan, tidak menyekat dan menghalang daripada perhimpunan itu diadakan tetapi sebaik mungkin kita namakan tempat-tempat yang lain supaya sesiapa yang hendak menganjurkan tahu tempat mana yang boleh digunakan dan tempoh masa tidaklah sampai lima ke 10 hari dan sebagainya. Itu boleh disiapkan dengan jadual waktu yang agak singkat.

Soal penyertaan warganegara asing, saya sebutkan tadi punca kuasa undang-undang yang kita buat ini, dibuat waktu zaman BN dahulu ialah Perlembagaan. Perlembagaan hanya memberikan perlindungan kepada warganegara. Jadi, kalau dia kata hendak gunakan ini, kalau ikut tafsiran saya tidak boleh. Tidak boleh, walaupun kita tahulah setengah-setengah tempat ini adalah orang-orang Palestin, tempatan *join*. Itu

kita tutup sebelah matalah maksudnya itu. Kalau disebut peraturan tidak boleh tetapi takkan sampai begitu pun tidak boleh? Akan tetapi Perlembagaan hanya memberikan perlindungan kepada kita rakyat Malaysia, bukan kepada warganegara asing.

Mereka datang ke sini, kalau dia bekerja dia terikat dengan beberapa undang-undang dan peraturan. Katalah saya penjaga pekerja asing, berjuta bilangannya. Mereka hendak adakan perhimpunan untuk apa? Untuk tuntut naik gaji? Ada ia punya peraturan di bawah Undang-undang Pekerjaan, Undang-undang Buruh, majikan dan sebagainya. Mereka harus patuh tetapi boleh tidak dia dekat perhimpunan hendak berarak beramai-ramai? Bagi saya itu tidak sesuai. Bukan makna kita tidak mengiktiraf dia. Ada hak dan sebagainya juga, tetapi hak dia terbatas kerana Perlembagaan hanya memberikan perlindungan hak kepada warganegaranya sahaja. Itu sebab saya hendak jelaskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada catatkan banyak perkara kalau Tuan Yang di-Pertua bagi izinkan lagi juga untuk dijelaskan. Ini tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, rakan saya tadi. Saya memang memandang berat perkara itu fasal kalau ada kes Tuan Yang di-Pertua, ada yang terlibat tadi telah menjatuhkan keputusan atau membuat keputusan mengatakan bahawa kes Nik Nazmi ini, dikata melanggar. Sahabat saya Yang Berhormat Setiawangsa tetapi kes yang satu lagi dianggap oleh mahkamah tidak melanggar. Jadi, ada dua keputusan. Jadi, selama yang kita laksanakan undang-undang ini kita tidak mengambil kira pandangan itu kerana tidak ada keputusan muktamad.

Tidak tahuhah selepas ini mungkin hendak dibincangkan dengan Peguam Negara, apa langkah yang kita hendak buat di peringkat undang-undang kita tetapi saya kira, ini perlu dirujukkan pada pakar. Kalau hendak diputuskan, adakah perlu rayuan pada mahkamah lebih tinggi dan keputusan diputuskan di peringkat mahkamah.

Selepas itu lihat undang-undang kita, kalau dianggap tidak selari, maka perlu ada pindaan-pindaan yang perlu dibuat. Itu saya kurang pasti di peringkat ini hendak mengatakan ya ataupun tidak. Jadi, selama itu sayakekalkan dengan status yang sedia ada. Lagipun undang-undang ini bukan bahru sudah dikuatkuasakan selama ini, barulah dicabar bila ada kes-kes tertentu. Jadi, saya pun tidak dapat hendak putuskan. Hendak dapatkan panduan daripada pihak Jabatan Peguam Negara, apa yang harus kita lakukan. Ini *insya-Allah*, kita akan ambil kiralah di masa yang ke hadapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini banyak politik tapi saya tidak hendak sebutlah soal ini mengatakan *U-turn* atau tidak *U-turn*. [Ketawa] Bagi saya yang penting sekarang ini

adalah untuk menangani isu ini, iaitu memberikan hak kepada warganegara untuk mengadakan perhimpunan. Jadi, bagi saya soal sama ada yang lepas ke arah itu tidak penting bagi saya, yang penting ialah untuk melaksanakan kehendak rakyat dengan adanya hak yang diberikan untuk mentadbir negara di bawah peruntukan undang-undang ini. *[Disampuk] [Tepuk]*

Mungkin hampir perkara yang pokok itu saya telah pun mengambil kira Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya catat di sini mungkin tidak dapat jelas semua sekali. *Insya-Allah*, saya akan ambil perhatian pada perkara-perkara yang dicadangkan untuk masa-masa ke hadapan. Terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua ([Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergesekan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 4 (Pindaan) –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

6.36 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Tuan Pengerusi, fasal 4 rang undang-undang dipinda dengan menggantikan perkataan “Tujuh hari” dengan perkataan “Lima hari”. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat

Menteri Dalam Negeri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan. Fasal 4 sekiranya ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, kami menyokong.
[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau sokong sahaja, Yang Berhormat Arau steady.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Fasal 4 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal 5 (Pindaan)–

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada perbahasan?

[Tiada perbahasan]

[Fasal 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal baharu 6 –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Menteri.

6.37 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Tan Sri Dato' Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin]: Tuan Pengerusi, fasal baharu 6 ialah rang undang-undang dipinda dengan memasukkan selepas fasal 5, fasal yang berikut iaitu pindaan seksyen 14(6), subseksyen 4(1) akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Lima hari” dengan perkataan “Tiga hari” merujuk kepada respons polis kepada penganjur dan juga penomboran semula “fasal 6, 7, 8 dan 9” rang undang-undang dipinda dengan menomborkan semula “fasal 6, 7, 8 dan 9” sebagai “fasal 7, 8, 9 dan 10” masing-masing.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Disokong tanpa DAP. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Fasal baharu 6 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Fasal-fasal 7 hingga 9 –

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekiranya ada perbahasan.

[Tiada perbahasan]

[Fasal-fasal 7 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri (Datuk Mohd Azis bin Jamman) dan diluluskan]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Sepanggar, tadi tidak bangun, dia ada masalah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dia ada masalah kaki.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oh! Masalah, minta maaf. Sorry.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga 10 pagi, hari Isnin, 8 Julai 2019.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.41 petang]